Sejarah

Perkembangan Seni dan Kesenian Dalam Islam

Jilid 1

Prof. DR. H. Saifullah SA, MA
DR. Febri Yulika, S.Ag,. M.Hum

Sejarah Perkembangan Seni dan Kesenian dalam Islam

(Seri Kesenian Islam jilid 1)

Prof. DR. H. Saifullah SA, M.A.
Guru Besar IAIN Imam Bonjol Padang
Bekas Pensyarah Kanan FPI-UKM

Dr. Febri Yulika S.Ag, M.Hum.
Dosen ISI Padang Panjang

ISI Padangpanjang Press
2013

Sejarah PerkembanganSeni dan Kesenian dalam Islam
(Seri Kesenian Islam jilid 1)

Penulis

Prof. DR. H. Saifullah SA, M.A.
(Guru Besar IAIN Imam Bonjol Padang
& Bekas Pensyarah Kanan FPI-UKM)
dan
Dr. Febri Yulika S.Ag, M.Hum.
(Dosen ISI Padang Panjang)

Tata Letak
Arga Budaya, S. Sn., M.Pd.

Editor
Dr. Ediwar, S.Sn., M.Hum.

Cover
Roni Djafri

Cetak Pertama (1), Februari, 2013
ISBN: 978-602-17588-1-6

Diterbitkan oleh:
Institut Seni Indonesia **(ISI)** Padangpanjang
bekerjasama
dengan
Percetakan ***Creatif Production*** Padang

Motto:
Dengan Ilmu hidup menjadi lebih mudah
Dengan Agama hidup menjadi lebih berkah
Dengan cinta hidup menjadi lebih gairah
Dengan seni hidup menjadi lebih indah

KATA PENGANTAR

Alhamdulillah, segala pujian hanyalah milik Allah, yang telah menggerakkan hati, menguatkan azam untuk menulis buku "Islam dan Seni atau Seni Dalam Islam" ini. Salawat dan do'a semoga dicurahkan pada junjungan alam, Nabi Besar Muhammad SAW, yang telah memperindahkan dunia dengan ajaran dan suri tauladannya. Semoga kita semua menjadi pengikut setianya Amien.

Buku yang ada dihadapan pembaca ini, merupakan buku pertama dari dua serangkai (siri) tentang Kesenian Islam. Buku Pertama yang bertajuk *Sejarah Perkembangan Seni dan Kesenian Dalam Islam* berbicara tentang Prinsip-prinsip utama Tentang Seni dan Kesenian, Pandangan Islam tentang Seni, dan Sejarah Perkembangan Seni Islam dalam beberapa episode Sejarah, serta tinjauan khusus Seni Bina pada Era Abbasi. Dapat disimpulkan bahwa buku pertama adalah Seni Islam dalam Sejarah masa lampau. Buku Kedua yang bertajuk *Seni Islam di Era Modern,* berbicara tentang Keberadaan, performance dan Pengaruh Seni Islam pada pembentukan tamadun masa kini, berisi tinjauan khusus tentang : Seni Bicara (Pidato) atau Retorika, Seni Musik, Seni Suara (Nyanyian), Seni Rupa (Bina), Seni Kaligrafi, Seni ukir dan dekorasi.

Bahagian-bahagian dalam buku tentang Seni Islam ini, banyak mengambil bahan dari berbagai buku, tulisan dan sumber. Bab I yang berbicara tentang Pengertian dan makna Seni, Kesenian dan Seni Islam, Bab VII Tentang pengertian Seni Bina serta Bab VIII tentang Tinjuan khusus tentang Perkembangan Seni Bina pada Era Abbasi, banyak mengambil bahan dari Tesis Norhisyam bin Mat Sulaiman, bertajuk *Perkembangan Seni Bina Islam Zaman 'Abbasi: Satu Kajian* yang saya bimbing dan selia. `Bab II Tentang Pandangan Islam tentang Kesenian, banyak mengambil bahan dari Seminar Serantau Dakwah dan

Kesenian, khususnya makalah Muhammad Faisal Ashari & Badlihisham Mohd Nasir bertajuk *Kesenian dari Perspektif Gerakan Islam: Satu Tinjauan diu Malaysia,* makalah Sulaiman Ibrahim bertajuk *Kesenian dalam Islam: Suatu Sorotan daripada Perspektif Dakwah,* juga makalah A'dawiyah Binti Hj. Ismail bertajuk *Adab-adab Dalam Bidang Kesenian Menurut Islam.* Selebihnya Bab III Perkembangan Seni Pada Masa Rasulullah dan Khulafah al-Rasyidun, Bab IV Seni pada Masa Daulah Umayyah dan Abbasiyah, Bab V Seni pada masa Daulah Turki Utsmani dan Bab VI Seni pada masa Daulat Mughol India, banyak mengambil bahan dari buku C. Israr bertajuk *Sejarah Kesenian Islam* dan buku Drs. H.D. Sirojuddin AR, bertajuk *Pengantar Kuliah Seni Islam (Diskusi Tarikh, Tokoh dan Aliran).* Sedang gambar-gambar banyak diambil dari koleksi pribadi rekan Irhas A. Shamad dan buku Drs. Oloan Situmorang bertajuk *Seni Rupa Islam : Pertumbuhan dan Perkembangannya.*

Segera setelah terbitnya Buku Pertama ini, maka Buku Kedua yang merupakan rangkaian, dan lanjutan dari buku pertama, yang berisi elaborasi Seni Islam di Era Modern, Insya Allah juga akan diterbitkan.Kepada semua pihak, yang banyak memberikan motivasi, gagasan dan ide. Kepada mereka yang buku, karangan dan tulisannya banyak disarikan dan dikutip dalam buku ini, penulis mengucapkan ribuan terima kasih. Semoga Allah membalas jasa baik, bantuan dan uluran ilmu yang telah diberikan.

Atas terbitnya buku ini, penulis berharap kekurangan bahan dan rujukan tentang Seni Islam, mudah-mudahan sedikit sebanyak akan terpenuhi, dan semoga huraian yang sama dalam bentuk lain akan banyak bermunculan setelah ini.

Penulis ingin menutup Kata Pengantar ini, dengan mengutip motto yang terdapat dihalaman depan : *Dengan seni hidup semakin indah.* Semoga.

Penulis

DAFTAR ISI

BAB I

Pengertian Seni dan Kesenian

BAB I
PENGERTIAN SENI DAN KESENIAN

A. Definisi Seni dan Kesenian

Dalam Kamus Dewan, seni diertikan sebagai sesuatu yang halus. Ia juga diertikan sebagai karya (sajak, lukisan, muzik dan lain-lain) yang diciptakan dengan bakat (kecekapan) dan kebolehan mencipta sesuatu yang indah-indah.[1] Kesenian pula adalah perihal seni, yang berkaitan dengan seni, keindahan dan kehalusan.[2]

Kesenian jika ditinjau dari segi terjemahan atau penggunaan dalam bahasa Arab, ia boleh dirujuk kepada perkataan *al-fann* atau kata jamaknya *al-funun*. Istilah ini sangat masyhur digunakan untuk mengungkapkan keseluruhan aktiviti kesenian dan kadang kala ditambahkan satu sifat iaitu *al-funun al-jamilah* yang bererti kesenian yang indah. Jika ditinjau dalam *al-Muqaddimah*,

[1] *Kamus Dewan*, Dewan bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1992, hlm.1169.
[2] *ibid.*, hlm.1170.

Ibn Khaldun di samping menggunakan istilah *al-fann*, beliau menggunakan istilah *al-shina'ah* yang boleh difahami sebagai "kesenian" dalam bahasa Melayu. Ini jelas seperti yang diungkapkan untuk lagu di mana beliau menggunakan istilah *shina'ah al-ghina*[3]. Istilah ini boleh difahami dengan dua makna iaitu kesenian lagu dan industri muzik. Namun, penggunaan istilah *al-fann*, *al-funun* dan *al-funun al-jamilah* jauh lebih popular. Apabila dikaitkan dengan Islam, ia diistilahkan sebagai *al-funun al-Islamiyyah*. Selanjutnya, akan ditinjau apakah yang dimaksudkan dengan istilah *al-fann, al-funun* dan *al-funun al-jamilah dan al-funun al-Islamiyyah* ini.

Dalam bahasa Arab, perkataan *al-fann* yang kata jamaknya *al-funun* diertikan sebagai jenis-jenis atau bentuk-bentuk (*anwa*)[4] dan (*al-durub*).[5] Sementara untuk *al-fann* yang kata jamaknya *al-afanin* diertikan sebagai uslub-uslub iaitu jenis-jenis, bentuk-bentuk dan gaya bahasa yang berbagai-bagai dan indah[6]. Juga diertikan sebagai *al-alwan* yang membawa maksud berbagai-bagai dan berwarna-warni.[7] Ungkapan *iftanna*[8] dan *fannana yufannimu*[9] digunakan apabila seseorang itu bijak menggunakan gaya bahasa yang indah menawan. Ungkapan *rajulun mifannun* digunakan untuk membawa erti seorang lelaki yang membawa atau menghasilkan perkara-perkara yang ajaib.[10] Dalam sebuah syair Arab, perkataan *fannan (al-fann)* diberikan erti oleh al-Jawhariy sebagai perkara yang ajaib.'[11] Sementara al-*fannun* dan *al-fannanah* dalam bahasa moden diertikan sebagai artis.[12]

---

[3] Ibn Khaldun, *al-Muqaddimah*, Dar al-Qalam, Beirut,1984, fasal 33, hlm. 433.

[4] Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad ibn Mukarram al-Ansariy, *Lisan al- 'Arab*, Dar al-Ma'arif, Kaherah, t.th., j. 5, hlm. 3475, al-Raziy, Muhammad ibn Abi Bakr ibn 'Abd al-Qadir, *Mukhtaral-Sihah*, Dar alFikr / Dar al-Qur'an, Beirut, 1392/1972, hlm. 513. Lihat juga Farid Wajdi, *Da'irah Ma'arff al-Qarn al-'Isyrin*, Dar al-Fikr, Beirut, t.th. j.7, hlm. 538.

[5] Al-Azhariy, Abu Mansur Muhammad ibn Ahmad, *Mu'jam Tahdhib al-Lughah*, j.3, Dar al-Ma'rifah, Beirut, 2001, hlm. 2840-2841.

[6] Al-Raziy, *op.cit.* Lihat juga Farid Wajdi, op.cit.

[7] Al-Azhariy, *op.cit.*

[8] Al-Fayruzabadiy, Majd al-Din Muhammad ibn Ya'qub, *al-Oamus al-Muhit*, Mu'assasah al-Risalah. Beirut,1415H/1994M, hlm 1577 dan Ibn Manzur, *op.cit.* j.5, hlm. 3475 dan 3476.

[9] Ibn Manzur, *ibid.*, j.5, hlm. 347.

[10] Ibn Manzur, *ibid.* dan al-Fayruzabadiy, *op.cit*

[11] Ibn Manzur, *ibid*, hlm. 3476.

[12] Al-Ba'albakiy, Ruhi (Dr*.), al-Mawrid A Modern Arabic-English Dictionary*, Dar al- ilm li al-Malayin, Beirut,1995, hlm. 835. Lihat juga al-Baalbakiy, *Munir, al-Mawrid A Modern Englis-Arabic Dictionary*,

Istilah *al-funun al-jamilah* merujuk kepada membuat atau menghasilkan satu hasil kerja atau karya yang indah atau yang memberikan kepuasan dengan cara tertentu- kepada cita rasa keindahan yang adalah dalam diri manusia. Ini kerana manusia suka untuk menikmati sesuatu yang indah seperti *qasidah* (puisi, sajak, syair), lukisan atau irama muzik. Mereka suka untuk menikmati hasil karya seni baru yang dilaksanakan atau dipersembahkan agar dapat mengembangkan akal fikiran dan cita rasa perasaan mereka dengan cara pengungkapan karyakarya terbaik para artis. Kebiasaannya, *al-funun al-jamilah* merangkumi muzik, sastera, opera, tarian balet, lukisan, ukiran, senibina dan hiasan awang larat[13]

Dalam bahasa Inggeris, rata-rata istilah *art* digunakan untuk merujuk kepada istilah kesenian[14] dan istilah *Islamic art* untuk kesenian Islam seperti yang diisyaratkan oleh beberapa buah buku dalam bahasa Inggeris yang membicarakan tentang kesenian Islam dengan menggunakan tajuk *Islamic Art.*

Hasil renungan kepada perbincangan di atas, dapatlah dikatakan bahawa *al-funun al-Islmaiyyah* atau kesenian Islam itu ialah segala hasil kerja yang mempunyai ciri yang sama dengan penghasilan *al-funun al-jamilah* tetapi ianya dibubuh nyawa atau roh Islam. Dalam ertikata yang lain, ia kesenian yang mengambil asasnya daripada prinsip-prinsip Islam, bertunjangkan tauhid, berpaksikan dorongan ikhlas kerana Allah atau dorongan menegakkan kalimah Allah. Menurut Yasin Muhammad Hasan, dalam Islam, seni merupakan paduan antara keindahan dan kebenaran berasasaskan Islam. Keindahan yang wujud pada alam nyata yang disokong oleh nilai-nilai kebenaran yang bersifat Rabbaniy kemudian diterjemahkan dalam karya seni, itulah yang dipanggil sebagai seni Islam.[15]

"Seni" secara umumnya membawa erti halus, indah dan enak. Dalam bahasa Inggeris seni dikenali sebagai *art* berasal dari perkataan Yunani yang membawa maksud

---

Dar al'ilm li al-Malayin, Beirut, 2006, hlm. 64 dan Hans Wehr, *A Dictionary of Modern Wntten Arabic*, Librairie du Liban, Beirut,1974, hlm. 728.

[13] Al-Mawsu'ah al-'Arabiyyah al-'Alamiyyah, *Mu'assasah A'mal al-Mawsu'ah li al-Nasyr wa al-Tawz i'*, Riyadh, Arab Saudi,1999, j.17, 556-566.

[14]Dr. Ashim Al-Ba'albakiy, *Ruhi op.cit;* al-Ba albakiy, Munir, *op.cit;* Hans Wehr, *op.cit* dan William Thomson Wortabet, *Wortabet's Arabic - English Dictionary Librairie du Liban,* Beirut,1968, hlm.508.

[15]Yasin Muhammad Hasan, *al-Islam wa Qadaya al-Fann al-Mu'asir,* Dar al-Albab, Beirut, 1990, hlm. 23, dinukil daripada Salman AlFarisi Syahrul, *Nasyid Menurut Perspektif Imam al-Ghazali dan Kumpulan Raihan,* disertasi sarjana, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI, UKM, 2004, hlm. 9.

adanya kecekapan dan kebolehan. Ia meliputi kecekapan dan kebolehan dalam segala usaha penciptaan bentuk-bentuk yang memberi kesanan estetika. Estetika atau *estesis* dalam bahasa Yunani membawa makna kepekaan iaitu tertumpu kepada penciptaan yang berkaitan dengan keindahan.[16] Bagi Plato (428-348 S.M) bentuk-bentuk atau objek yang indah dikesan melalui kuasa deria tetapi pemahaman tentang keindahan hanya wujud dalam akliah sahaja.[17] Manakala kesenian pula merupakan hasil seni yang dicipta oleh manusia. Ianya bukanlah benda mati, tetapi ianya hidup selari dengan rasa indah yang tumbuh dalam sanubari manusia dari masa kesemasa. Keindahan dan kecantikannya mencuri pandang mata, telinga dan jiwa. Seni sesuatu yang abstrak sifatnya, dapat dipandang, didengar dan disentuh oleh jiwa tetapi tidak dapat dinyatakan melalui kata-kata atau bahasa. Seni memiliki *estetic value* atau nilai rasa indah.[18]

Seni dengan aktifiti, bentuk, sifat, jenis, ciri dan karyanya yang selari dengan keindahan dan kesenian. Sukar untuk mentakrifkan seni secara tepat, sesukar untuk menerangkan konsep keindahan dan kesenangan itu sendiri. Rasa indah dan rasa senang berkait rapat dengan perasaan dan naluri manusia. Ada pelbagai bentuk keindahan dan kesenangan. Kesenian yang diberikan oleh keindahan disebut iaitu "kesenangan estetika" kesenangan estetika itu dikehendaki atau diperlukan dan dihargai oleh diri sendiri kerana ia mengandungi nilai (suatu ukuran yang standard). Nilai yang dimaksudkan dalam seni disini ialah nilai yang mengandungi estetika dan etika moral atau akhlak.

Al-Farabi menjelaskan seni sebagai ciptaan yang berbentuk keindahan, al-Ghazali pula menjelaskan seni dengan maksud "kerja berkaitan dengan rasa jiwa manusia yang sesuai dengan fitrahnya". Menurut Herbert Read dalam bukunya *The Meaning of Art* (1959), seni adalah "usaha untuk mencipta bentuk-bentuk yang menyenangkan (*pleasure*) dimana beliau mengatakan bahawa nilai-nilai indah atau tidak cantik merupakan bidang yang termasuk

[16] Abdul Gani Samsudin, Ishak Sulaiman & Engku Ibrahim Ismail, 2001, *Seni Dalam Islam*, Petaling Jaya: Intel Multimedia And Publication, hlm. 3.

[17] Hamidah Abdullah, 1995, *Pengantar Estetik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm, 3.

[18] Othman Mohd Yamin, 1989, *Warisan Kesenian Dalam Tamadun Islam*, Kulala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 7.

dalam seni. Keindahan juga adalah suatu nilai yang berada dalam diri seseorang yang menghukum sesuatu obyek samada cantik atau tidak cantik.[19]

Mengikut kebudayaan barat, seni sebenarnya tidak ada hubungannya dengan agama. Ini disebabkan oleh sekularisme yang diamalkan. Walau bagaimanapun seni masih dianggap sebagai sesuatu yang ideal dan berkaitan dengan moral. Seni juga boleh dibahagikan kepada dua tujuan iaitu 'seni untuk seni' dan 'seni untuk masyarakat', dimana seni untuk seni adalah bertujuan untuk seni sahaja dan orang mencipta seni ini dibebaskan untuk apa-apa tujuan sama ada mengandungi unsur baik atau jahat. Manakala seni untuk masyarakat pula menyatakan bahawa seni dicipta untuk sesuatu tujuan maka mestilah difahami oleh masyarakat. Oleh itu, ia mesti digunakan untuk kemasyarakatan, politik dan akhlak.[20]

Seni Islam pula merupakan sebahagian daripada kebudayaan Islam dan perbezaan antara seni Islam dengan bukan Islam ialah niat atau tujuan dan nilai akhlak yang terkandung dalam hasil seni Islam itu. Pencapaian yang dibuat oleh seni itu juga merupakan sumbangan daripada tamadun Islam dimana tujuan seni Islam itu adalah kerana Allah (s.w.t), dimana Allah (s,w,t) mahukan hamba-hamba-Nya sentiasa berada dalam kesejahteraan dan oleh itu seni merupakan salah satu unsur yang dapat memberikan kesejahteraan kepada manusia. Dengan ini juga bahawa seni Islam bukanlah seni untuk seni dan bukan pula untuk sesuatu tetapi kerana Allah mk (s.w.t). Jika sekiranya pembentukan seni itu untuk tujuan kemasyarakatan yang mulia Maka ia adalah bersesuaian dengan seni Islam. Walaupun seni merupakan salah satu unsur yang disumbangkan oleh tamadun Islam tetapi Allah (s.w.t) melarang penciptaan seni yang melampaui batas.[21]

Di sini apabila dihubungkan tujuan seni kerana Allah (s.w.t), dengan sendirinya sesuatu hasil itu mengandungi nilai-nilai akhlak Islam. Oleh itu. Hanya seni Islam sahaja dikehendaki menepati nilai-nilai yang baik, yang digalakkan atau sekurang-kurangnya nilai yang dibolehkan. Kedatangan Islam tidaklah memberi penekanan kepada persoalan seni, namun asas-asas yang menyediakan tapak bagi kelahiran seni yang bernilai ke Islaman yang cukup kuat terutama dari sudut jiwa yang menjadi obor terkuat untuk menyuluh ke arah ciptaan seni yang tertinggi. Menurut Grabar (1874), seni dalam Islam merupakan persoalan

[19] Sidi Gazalba, 1977, *Pandangan Islam Tentang Kesenian*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, hlm. 10.
[20] *Ibid*, hlm. 26.
[21] *Ibid*, hlm. 55.

yang mendatang, tumbuh dan berkembang bersama perkembangan budaya menerusi ruang zamannya selepas melalui siri pembentukan, penyesuaian dan penghalusan yang selaras dengan nilai Islam. Dengan kitu dapatlah dibezakan di antaranya, seni Islam ialah seni yang memiliki unsur-unsur estetika yang sesuai dengan hukum syarak. Ia bersifat sejagat. Manakala seni muslim ialah orangnnya yang beragama Islam tetapi karyanya belum tentu barasaskan prinsip-prinsip Islam.

Menurut Arnold. T, "perkembangan seni Islam bukanlah datang daripada karyawan yang mencari untung tetapi kerana semangat berabdi, suci dan halus ikhlas". Dapatlah dikatakan bahawa kesenian Islam ialah kesenian daripada ungkapan jiwa muslim yang membara untuk menuju kesempurnaan. Selepas sahaja kedatangan Islam, penganut-penganutnya dikejutkan oleh keindahan seni Islam, contohnya keindahan seni Al-Qur'an yang mencabar kebijaksanaan orang Arab Qurays, juga dikejutkan oleh pandangan. Kewujudannya yang berkaitan dengan soal metafisik dan alam nyata. Keterpesonaan ini mulai menyentuh jiwa mukmin termasuklah yang mempunyai bakat dan jiwa kesenimanan.[22]

Oleh itu, wajarlah melalui ketamadunan Islam, telah lahir seniman-seniman yang mengungkap kesenian-kesenian yang berjiwa Islam dimana ia lebih ditimba dari alam kejiwaan. Daripada ketamadunan Islam itu juga terhasillah keindahan kesenian Islam yang terpancar dari bidang-bidang dimana seniman-seniman Islam telah meneroka dan berjaya menemui pendekatan dan perlambangan yang mendekatkan dengan cita rasa keagungan penciptaan dan kekudusan terhadap-Nya. Lantas ia ditemui oleh masyarakat sebagai identiti yang memancarkan nilai-nilai keIslaman.

B. Jenis-jenis Seni

Apabila kita membincangkan persoalan seni sebagai suatu bidang dimana manusia membuktikan sifat kreatifnya, maka apa yang dikatakan seni dalam konteks ini merangkumi banyak bidang. Bagaimanapun secara umumnya ia dapat dibahagikan kepada beberapa kategori.

---

[22] Ismail Raji' Al-Faruqi, 1999, *Seni Tauhid*, Yogyakarta: Yayasan Bentang Budaya, hlm. 126.

1. Seni Bahasa dan Kesusasteraan

Sastra artinya bahasa, seni sastra adalah seni bahasa. Susastra berarti bahasa yang indah (*su*-indah dan *sastera*-bahasa). Kesusasteraan dimaksudkan sejumlah tulisan yang menggunakan bahasa yang indah bagi melahirkan perasaan yang indah pula. Akhirnya pengertian ini merangkumi segala tulisan dalam buku-buku, majalah-majalah, akhbar-akhbar dan sebagainya, meskipun ia tidak lagi benar-benar indah. Sementara itu, apabila menyebut sastra atau kesusastraan, sekaligus kita mengakui bahawa sastra adalah salah satu daripada cabang seni. Manakala seni itu pula adalah suatu yang indah yang dapat dihubungkaitkan dengan keindahan mutlak Allah (s.w.t.) itu sendiri.[23]

Pada umumnya segala karangan atau karya tulisan yang menggunakan bahasa yang indah dapat dibahagikan kepada dua. *Pertama,* Prosa *Nathr* iaitu karangan bebas yang tidak terikat dengan sebarang peraturan tertentu, kedua Puisi Syair iaitu karangan atau gubahan perkataan yang terikat dengan peraturan tertentu seperti sajak, pantun, *tamthil*, ibarat dan sebagainya.

Sebagai makhluk Allah (s.w.t.) yang istimewa yang diberikan daya kreatif seni sastera, penciptaan sastera mereka juga tertakluk kepada hukum-hukum agama, iaitu segala hasil kreatif, mereka juga tidak terlepas daripada penilaian agama. Lantaran di dalam Islam, seni sastera sama juga dengan seni-seni yang lain, ada yang baik dan ada yang buruk, ada yang dihalalkan dan ada yang diharamkan. Ia bergantung kepada isi dan tujuan seni itu.[24]

2. Seni Kaligrafi

Seni kaligrafi atau seni *khat* ialah satu ilmu yang memperkenalkan bentuk-bentuk huruf tunggal, penyusunannya dan cara-cara merangkainya menjadi tulisan yang tersusun atau apa-apa yang ditulis di atas yang digaris, bagaimana cara menulisnya dan membentukkan mana yang tidak perlu ditulis, mengubah ejaan yang perlu digubah dan menentukan cara bagaimana untuk mengubahnya.

[23] Op.Cit., Abdul Ghani Syamsuddin, Ishak Sulaiman dan Engku Ibrahim Ismail. Hlm. 103.

[24] *Ibid.* Hlm. 105.

Berdasarkan model penulisan naskah kemudian lahir berbagai-bagai model penulisan, hingga mencapai duapuluh model antaranya termasuklah *Qalam, Jalil, Dibaj, Mudamarat, Sijillat, 'Astomar Kabir, Thalatin, Qasas, Zambur, Uhud, Hirfaj dan Heran.* Walau bagaimanapun, jika dilihat sekali imbas didapati banyak yang mempunyai nilai-nilai persamaan. Oleh itu, perkembangan selanjutnya model huruf-huruf yang hampir sama disatukan menjadi model asasnya kepada enam sahaja, inilah yang dikenali dengan nama *al Qalam Sittah*. Model atau gaya inilah yang seringkali digunakan dalam tulisan mahupun hiasan. Keenam-enam model ini yang dipelbagaikan bentuknya berjaya pula menghasilkan dua lagi model menjadikan jumlah kesemuanya lapan, seperti *Khatt Kufi, Thuluth, Nasakh, Farisi, Riq'ah, Diwani, Diwani Jali dan Rayhani.*[25]

Seni khat berkembang seiring dengan perkembangan bidang seni yang lain terutama sekali seni ukiran. Kadang-kadang kedua-dua bidang seni ini tidak boleh dipisahkan diantara satu sama lain. Walaupun demikian pesat perkembangannya, kaligrafi arab ini baru mencapai zaman kegemilangannya pada abad ke-3H berkat kemunculan seorang tokoh penting yang dikenali sebagai Ibnu Muqlah atau ' Anak sebiji mata' atau 'anak kesayangan. Usaha murni Ibn Muqlah semakin dirasakan hebat realitinya dengan keterampilan seorang seniman muda yang berbakat yang bernama Abu Hasan Ali Bin Hilal atau dikenali ramai sebagai al-Bawwab atau Ibnu al-Bawwab. Usaha beliau banyak tertumpu kepada penerusan *al-Qalam al-Sittah* yang dipelopori oleh Ibn Muqlah. Tulisan yang enam ini dikatakan sampai kepuncak kehebatannya ditangan Yaqut. Selepas itu tidak terdapat lagi perubahan dasar kecuali pengukuhan-pengukuhannya.[26]

3. Seni Lukis

Seni lukis adalah satu cabang seni yang merupakan alat penyampaian ekspresi yang memainkan peranan penting dalam masyarakat. Oleh itu, sekiranya kita mahu memahami seni lukis sesuatu zaman, maka kita harus mempelajari bukan sahaja keterangan yang dibawa oleh bentuk garis dan warna bahkan juga pola sejarah semasa ia dihasilkan. Cara teknik dan topik yang menjadi pegangan seseorang pelukis itu turut juga menerima pengaruh alam sekitar atau gejala-gejala lain yang mendorong penghasilan sebuah lukisan. Sejarah seni lukis bermula pada zaman khalifah Mu'awiyah di Dimasyq. Dalam tahun 766M, khalifah

---

[25] Op. Cit., Isma'il Raj'I al Faruqi, Hlm, 101.

[26] Sirajuddin, 1985. *Seni Kaligrafi Islam*, Jakarta: Pustaka Panjimas. Hlm. 85.

Abbasiyyah memindahkan pusat kota Islam dari Dimashq ke Baghdad, dimana perkembangan seni lukis mencapai kemuncaknya.[27] Ia tertera pada:

1. Helaian-helaian safhah Al-Qur'an yang dihiasi dengan corak lukisan bunga dan gambar bentuk *Arabesque* dengan pilihan warna emas.
2. Buku-buku sejarah yang dihiasi dengan warna-warna yang cantik seperti kitab *al-tarikh Shahnama*. Juga buku *Hikayat Alfun al-Layl*.
3. Buku-buku cerita yang dikarang oleh Nizam dan Jame'.
4. Lukisan tangan
5. Gambar-gambar binatang
6. Gambar-gambar para raja, khalifah dengan pakaian kebesaran mereka dan juga gambar istana
7. Gambar taman air terjun, taman dan lain-lain.[28]

4. Seni Musik

Lukisan-lukisan yang terdapat dalam kitab *Alfun al-Layl* atau Hikayat Seribu Satu Malam dihiasi dengan gambar-gambar sekumpulan ahli muzik yang sedang membuat persembahan mereka dihadapan khalifah. ia menggambarkan betapa besarnya penghargaan umat Islam terhadap seni muzik pada masa itu di kota Dimashq, pada zaman 'Abbasi. Terdapat dua jenis musik pada masa itu seperti, musik vokal dan musik instrumental. Musik vokal melahirkan *qasidah, qit`a,* (*fargment*), *ghazal,* (*love song*), *mawal* (*song of beauty*). Manakala musik instrumental pula melahirkan melodi (nada bunyi atau not-not lagu yang dipanggil *tarqib*, *majmu* atau *rytham*).

Peralatan muzik yang terdapat pula seperti, *Phonar flextile, Qanun psalery, Nay flute* ciptaan khalifah al-Hakam II, *table*-drum ciptaan Ziryab (11M) *Zamar* atau *Surni* atau *Reed paip*, *Buq clarion*, *Nafe trumpet*, *Kasar cymbal* dan *Gitar*. Dikatakan juga Al-Qur'an sebagai sumber muzik (nada atau *tune* suara dalam bar dan not) khasnya bunyi panjang pendek

[27] Sirajuddin, 1985, *Seni Kaligrafi Islam*, Jakarta: Pustaka Panjimas, hlm. 85.
[28] Oemar Amin Hoesin, 1964, *Kultur Islam*, Jakarta: Bulan Bintang, hlm.356.

dalam harakat dan saktah hukum tajwid seperti 2 harakat atau 2 bar, 4 harakat atau 4 bar dan 6 harakat atau 6 bar.[29]

Dikalangan orang sufi mereka telah menggunakan musik untuk kepentingan rohani. Dalam pandangan orang sufi, ilham turun kepada manusia melalui *'Gairat'. Gairat* diperolehi manusia melalui perantaraan mendengar muzik. Dalam kitab Seribu Satu Malam dinyatakan bahawa, bagi sesetengah kita muzik adalah menjadi daging, bagi yang lain ia menjadi ubat. Muzik sebagai *etnos* yang menimbulkan suasana yang harmonis. Nilai muzik Islam terletak pada teori '*quduririum 4/4*'. Pemusik tidak dapat memberikan quduririum jika tidak cukup pengetahuannya tentang ilmu matematik, biologi, fizik dan ilmu suara. Dikatakan ilmu muzik Islam telah mantap sejak abad ke-10 atau 11M.[30]

5. Seni Ukir (dekorasi)

Seni ukir dan dekorasi juga berkembang dalam Islam. Pemerintahan yang lampau menggunakan emas dan perak sebagai lambang kuasa. Ia juga digunakan dalam acara-acara tertentu. Dalam hubungannya dengan sejarah umat Islam, perak telah digunakan untuk menyalut lapisan luar logam

[29] Ghazali Darussalam, 2001, *Sumbangan Sarjana Dalam Tamadun Islam,* Kuala Lumpur: Utusan Publication 7 Distribution Sdn Bhd, hlm. 258.

[30] Hasjmy, A, 1975, *Sejarah Kebudayaan Islam,* Jakarta: Bulan Bintang, hlm. 364.

yang lain. Terdapat berbagai-bagai pengaruh luar dalam gaya dan reka bentuk ukiran logam sebagaimana yang dijelaskan oleh Sa'ad al-Jadir "kita akan dapat pengaruh Rom keatas kesenian Islam dengan jelas, sekiranya kita membandingkan hasil kerja orang Islam diperingkat awal dengan hasil kerja logam orang Rom dari abad ke-3 sehingga abad ke-6M.[31]

Selain pengaruh Rom, seni ukiran logam juga dipengaruhi oleh Sasan (Persia). Motif-motif yang sering digunakan dalam ukiran perak di Persia ialah pemandangan perburuan, bentuk tumbuh-tumbuhan dan binatang yang ganjil. Pada tahun 961-976M, pengukir yang terkenal bernama Badr dan Tariff mencipta karya halus disebuah peti perak yang dibuat daripada kayu dan diluarnya dilapis dengan perak dengan ukiran-ukiran bernilai seni yang sangat indah untuk persembahan kepada khalifah Al-Hakam II. Dimana peti perak tersebut yang sekarang ini disimpan *Katedral du Gerona* Itali.

Berbagai barang seni dihasilkan untuk perhiasan istana-istana khalifah pada masa itu yang disebut secara mendalam dari segi bentuk dan jenisnya oleh al-Maqrizi dalam kitabnya, seperti ukiran dekorasi di botol, tinta, papan catur, payung, vas bunga, narcissus dan *violet.* Barang-barang aripada emas, pohon dan batu mahal, juga ukiran seni halus ini ada pada kotak loyang, cembung, piring, perabot rumah, kulit buku, ubin, tembikar, daun pintu, makam, gading dan lain-lain, yang kebanyakannya dalam bentuk *polygonal* dan *kethi* (banyak segi). Seni halus atau dekorasi ini juga terdapat obyek-obyek seperti kayu dan logam, ukiran enamel, seramik, *stopless,* sulaman, al-Ramzu atau lambang, tikar permaidani, barang-barang tenunan dan sebagainya.[32]

6. Seni Suara

Suara adalah alat komunikasi. Namun dalam penampilan tertentu ia mempunyai nilai halus dan indah yang dapat menciut perasaan, menggetarkan jiwa dan meninggalkan kesan-kesan yang efektif dan psikomotif. Disamping kesan kognitif.

Menurut pandangan Islam seni suara dibahagikan kepada dua kriteria iaitu seni suara yang baik dan seni suara yang buruk. Seni suara yang baik merangkumi bacaan al-Qur'an

---

[31] Manja Mohd Ludin & Ahmad Suhaimi Mohd Nor, 1995, *Aspek-Aspek Kesenian Islam,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 256.

[32] *Op. Cit.* Oemar Amin Hoesin, hlm. 256.

dengan suara yang merdu, syahdu dan lunak, melagukan azan, menyanyikan lagu-lagu jihad, berzikir, mendendangkan nyanyian hari-hari raya, menyanyikan selamat jalan dan selamat kembali untuk para jemaah haji, berzanji dan sebagainya. Manakala seni suara yang buruk merangkumi nyanyian-nyanyain yang sering menimbulkan nafsu berahi, lagu-lagu joged dan tari-menari yang bercampur baur antara lelaki dan wanita yang bukan mahram, lagu-lagu yang boleh merosakkan budi pekerti muda-mudi serta melalaikan mereka dari beribadah kepada Allah (s.w.t.).[33]

Islam dari segi falsafahnya, menyatakan nyanyian haruslah bertujuan kearah pembentukan peribadi dan ideal dan sebagai penghubung kearah taqwa kepada Allah (s.w.t.). justeru itu, Islam sama sekali tidak mengizinkan nyanyian yang melalaikan manusia dari menjalankan kewajipan-kewajipan sebagai hamba terutamanya terhadap Allah (s.w.t.).[34]

C. Karya-karya Monumental Kaum Muslimin dalam Bidang Seni

Di antara karya-karya tersebut adalah seperti berikut:

1. Seni Bahasa dan Kesusasteraan

a. *Hikayat Alfun al-Layla (Hikayat seribu satu malam)*, karya Firdawsi

Ia telah diulang cetak berpuluh-puluh kali dan diterjemahkan ke dalam berartus-ratus bahasa serta dibaca oleh berjuta-juta peminat sastera. Ia mula dibaca oleh orang Eropah melalui terjemahan dalam bahasa Perancis oleh Antionne Gallad pada tahun 1704H, kemudian diterjemah ke bahasa Inggeris dan oleh Dr. A.W. Lane dan Henry Torrens. Terjemahan yang terbaik dan terlengkap dalam bahasa Inggeris telah dibuat oleh Sir Richard Burton dengan judul terbaru *Arabian Night* dan ia telah terkenal ke seluruh Eropah dan seterusnya telah mempengaruhi Geofrey Chaucer untuk menulis karyanya, *Squires Tales* dan *The Taming of the Shrew* oleh Christopher Sly, begitu juga dengan *The Sleeper Wakened.*

[33] *Op. Cit.* Abdul Ghani Samsudin, Ishak Sulaiman & Engku Ibrahim Ismail, hlm. 23.
[34] *Ibid.* hlm. 28.

b. *Rubayyat 'Umar Khayyam* oleh Firdawsi

Menurut Abdul Rahman Abdullah (1988) *Rubayyat 'Umar Khayyam* menjadi popular apabila Edward Fitzgerald telah menerjemahkannya daripada bahasa Ingeris dimana kemudiannya A.W. Hamilton telah menterjemahkannya daripada bahasa Inggeris ke bahasa Melayu pula.

c. *Shahnama* oleh Firdawsi.

Ia telah diterjemahkan oleh Helene Jimmer ke bahasa Inggeris pada tahun 1883M dengan judul *Epic Kings* di mana kemudiannya diterjemahkan semula ke dalam bahasa Inggeris oleh Goerge Warner dan Edmund Warner yang mengandungi 8 jilid besar. Ia juga akhirnya diterjemahkan ke bahasa Jerman oleh Von Schach.

d. *Gulistam dan Bustan* oleh Muslehudin al-Sa'adi

Ia mendapat sambutan dan sanjungan dari pada pujangga Eropah. Abdul Rahman Abdullah (1998) telah menyatakan bahawa orang Eropah menganggapnya sebagai sekuntum bunga yang paling wangi daripada segala bunga yang pernah tumbuh di Eropah dan ia telah diterjemahkan dalam bahasa Jerman oleh Geothe.[35]

e. *Hayy b. Yaqzam,* karya ibn Tufayl

Ia memberikan pengaruh yang sangat besar terhadap kelahiran *Robinson Crusoe* oleh Daniel Defoe. Menurut Pastor A.R, Defoe telah melakukan plagiat daripada sastera Islam ke dalam bukunya *The Quxote* oleh Miguel De Carvantes dimana menurut Willaim Prescott, ia telah disalin daripada sebuah karya Sa'id Hamid 'Anjali.[36]

2. Seni Kaligrafi

Dalam seni khat ini, dapat dibezakan dengan jelas jenis-jenis aliran khat yang digunakan seperti dibawah. Masing-masing jenis aliran tersebut sudah mempunyai aliran dan bentuk yang ditentukan.

---

[35] *Op. Cit.* Ghazali Darusman, hlm. 241.
[36] *Ibid.,* hlm. 24.

a. Khat Kufi

Bentuk awal Khat kufi telah sedia ada semenjak sebelum Islam, dengan bentuk hurufnya yang bersegi atau *murabba'.* Pada zaman khalifah Ali b. Abi Thalib (r,a), ibukota yang dipindahkan dari Madinah ke Kufah. Pada masa itulah para ahli khat dikota tersebut telah menggunakan khat ini secara meluas, disamping menyempurna dan mengembangkannya sehingga khat tersebut dikenali dengan nama Khat Kufi[37].

b. Khat Thuluth

Khat Thulut Kebiasaannya untuk hiasan sahaja seperti *mashaf al-uthmani,* nama buku, kitab dan untuk tujuan yang lain.[38]

c. Khat Nasakh

Khat Nasakh telah diperindahkan oleh ahli kaligrafi Arab yang mashur bernama al-Wazir Abu Muhammad b. Muqdah dan saudaranya Abu 'Abd Allah al-Hassan. Kedua-duanya telah mencipta kaidah dan teknik penulisan khat Nasakh ini dengan menetapkan ukuran panjang, lebar dan jarak huruf, beserta gaya dan iramanya yang begitu rapi dan terperinci. Khat gaya ini jelas dan mudah dibaca, sebab itu banyak digunakan untuk menulis buku-buku akademik, terutamanya al-Qur'an, al-Hadith, Tafsir dan Fiqh. Kadang-kadang digunakan juga tujuan hiasan.

d. Khat Farisi

Peringkat permulaan jenis ini dikembangkan oleh ahli-ahli khat Arab di Persia, sehingga berupaya melahirkan gaya tersendiri dengan bentukh hurufnya yang condong sedikit ke kanan. Khat ini banyak digunakan untuk penulisan buku-buku kesusasteraan,

[37] *Op. Cit.,* Manja Mohd Ludin & Ahmad Suhaimi. Mohd. Nor, hlm. 7.

[38] *Ibid.,* hlm. 8.

nama dan tajuk-tajuk karangan pada majalah dan surat kabar. Khat Farisi digunakan dengan meluas di Persia, Pakistan dan India, sehingga tulisan Urdu lazimnya ditulis dengan khat Farisi.[39]

e. Khat Riq'ah

Khat Riq'ah dikenali juga dengan sebutan khat Riq'i merupakan tulisan Arab yang dapat ditulis dengan cepat. Oleh itu, khat jenis ini seringkali dipergunakan untuk tujuan surat-menyurat dan digunakan juga oleh para pelajar universiti dan *madrasah* untuk mengambil nota kuliah.

f. Khat Diwani

Khat ini berasal dan berkembang daripada tulisan riq'ah menjadi tulisan *Musalsal* yang hurufnya berjalin. Kemudian meningkat menjadi Khat *Sulthaniyyah* dan khat *Hamayuni*. Khat jenis ini amat luas penggunaannya di pejabat-pejabat kerajaan seperti kerajaan Islam di Mesir di bawah pemerintahan Sultan Khederi sekitar tahun 1220H. Diwani berarti catatan atau antologi karangan. Ia didapati dari inspirasi model-model lain. Oleh itu sifatnya tersendiri, fungsinya hanya untuk hiasan. Antara ahli-ahli khat Diwani yang tersohor dalam sejarah termasuklah Syaikh Hamad Allah al-'Amash, Jalan al-Din dan al-Hafiz Uthman.[40]

g. Khat Diwani Jaly

Selain khat Diwani, terdapat lagi khat Diwani Jaly yang sifatnya lebih berfariasi dan dikira rumit penulisannya akan tetapi lebih indah dan *estetik*. Model yang dipenuhi dengan tanda-tanda Syakal ini sering digubah dalam bentuk-bentuk yang indah dan menarik, seperti

---

[39] *Ibid*., Hlm. 9.

[40] *Ibid*., hlm. 11.

bentuk perahu, ikan, burung, dan sebagainya. Penulis-penulis khat Diwani Jali yang terkenal seperti Muhammad 'Izat dari Istanbul, Hashim Muhammad al-Baghdadi, Shed Ibrahim al-Malaa 'Ali berhasil menghasilkan ciptaan-ciptaan yang indah.

h. Khat Rayhani

Jika dilihat dari segi bentuk, khat Rayhani hampir menyerupai khat Thuluth hanya huruf-hurufnya lebih besar, lebar dan panjang serta ditambah dengan tanda-tanda syakal.[41]

3. Seni Muzik

Adapun kitab-kitab yang mengandung uraian tentang musik, atau buku musik atau menghuraikan tentang beberapa musik yang terkenal dalam sejarah Islam, antara lain:

1. *Kitab al-Ilham wa al-Ghanam* atau *buku Noot dan Irama,* karya Ishaq Ibrahim al-Mawsuli, beliau sangat terkenal dalam muzik sehingga mendapat nama julukan 'Raja Penyanyi' (*Imam al-Mughaniyyin*).[42]
2. *Kitab al-Masail* (Problema) dan *Kitab al-nafs* (*De anema*) hasil terjemahan buku-buku muzik Aristotles, dan buku muzik *Galen* yang bernama *De voce* oleh Hunayan b. Ishaq (810-878M).[43]
3. *Kitab al-Musiqi al-Kabir* karya al-Farabi dan buku-buku muzik beliau yang dijumpai dalam bahasa Eropah diantaranya, *Grand Book on Muzic, Styles in Muzic* dan *on the Classification of Rhytym.* Selain dari itu, terdapat pula ikhtisar-ikhtisar penting tentang muzik, diantaranya *The Classification of the Sciences* dan *the Origin of the Sciences.*
4. *Kitab al-Ghani* karya Abu al-faraj al-Isfahan 9abad ke-100M) telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris sebagai *the Great Book of Song. Kitab al-Ghilman al-Mughanniyin, Kitab al-Qiyan* dan *Kitab al-Ima' al Shawa'ir.*[44]
5. *Ikhtisar 'Ilmu Rhytym* (*Compendium on the Science of Rhytym*), karya Abu Fawa al-Buzyani (940-986M).

---

[41] *Op.Cit.,* Sirajuddin, hlm. 281.
[42] *Op.Cit.,* Hasjmiy A, hlm. 362.
[43] Manzoor Ahmad Hanifi, 1969, *a Survey of Muslim Institutions and Culture,* Lahore: Sh Mohammad Ashraf, hlm. 213.
[44] *Op.Cit.,* Oemar Amin Hoesin, hlm. 425.

6. Buku Noot *(The Book of Noot)* dan Buku Irama (*the Book of Rhytym*), karangan Khalil b, Ahmad (100-170H).
7. Buku Noot dan Irama (*Book of Notes and Rhytym*), karengan Ibn al-Nadim al-Mansili (155-235H).
8. Buku-buku al-Kindi dalam bidang muzik, sampai sekarang masih utuh dan segar. Diantara buku-bukunya yang penting ada 7 buah, tiga buah diantaranya telah disalin ke dalam bahasa Eropah, yang lainnya masih disimpan diberbagai sekolah tinggi Eropah. Buku-buku al-Kindi yang telah disalin adalah *The Essentials of Knowledge in Muzic, On the Melodies* dan *The Necessary Book in the Composition of Melodies.*[45]
9. Buku-buku muzik karangan Abu 'Abd Rabbih diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris sebagai *Unique Necklace.*
10. Buku muzik al-Nuwayri (abad ke13M), salinannya *The Extreme Needs,* sangat mengagumkan.[46]

4. Seni Halus (dekorasi)

1. Ukiran Kayu dan Logam

Ukiran *polygonal* banyak diperoleh pada zaman kerajaan Fatimiyyah. Logam yang dipilih biasanya daripada emas, perak dan tembaga. Contohnya pada mata wang syiling, cerek, bekas air, buyung, bekas tungku dan bekas topi besi perang.

2. Ukiran Enamel

Ukiran seni enamel orang Islam berkembang di Eropah. Ia mendesak para pengukir di Mosul mengabdikan karya mereka pada logam emas dan perak. Seni ukiran enamel ini juga diperkembangkan di Cairo, Mesir pada zaman kerajaan Fatimiyyah. Bentuk enamel juga ada dalam gelas, lampu, botol, mangkuk dan lain-lain.

---

[45] *Ibid., hlm. 435.*

[46] *Op.Cit,*. Ghazali Darussalam, hlm. 258.

3. Keramik

Karya daripada seni halus seramik kini banyak tersimpan di Muzium Dulouvere Perancis. Antara sebuah cangkir yang diwarnai dengan warna-warna emas. Ada tiga jenis ukiran cangkir tersebut di bahagian atasnya dihiasi dengan khat Kufi, ditengah gambar burak dan dibawahnya orang bermainalat muzik. Seramik-seramik juga terdapat pada piring dan tembikar. Seramik tunal adalah yang paling berkualiti dan amat terkenal.[47]

4. *Stopless*

Merupakan sejenis ukiran botol. Warna semarak biasanya dipilih untuk menghiasi *stopless*.

5. Seni Sulaman

Seni sulaman atau *embroyderi* atau juga dipanggil burda, ada tertera dilampu-lampu kaca buatan Syiria. Juga sulaman didapati dalam bentuk kain penghias dinding.

6. Al-Ramzu atau lambang

Lord Borden Powell pengasas pergerakan pengakap mengambil lambang bunga teratai yang pernah dipakai dalam lambang kumpulan *scout* telah diambil daripada lambang kaum muslimin pada ke abad ke-13M. Pada zaman kerajaan Banu Seljuq abad ke-12M, tanda-tanda lambang helang berkepala dua dipakai sebagai lencana dan pangkat.

7. Tikar Permaidani

Tikar permaidani ini dibawa ke Eropah dari negeri Islam pada abad ke-14M untuk tempat duduk, sajadah dan penghias dinding.

8. Barang-barang Tenunan (tekstil)

Bermula di Iran, syiria dan Mesir. Keluarga Attabi yang mula-mula memperkenalkan seni tenunan sutera pada abad ke-12M dan berkembang pada zaman Islam di Sepanyol.[48]

---

[47] *Ibid.,* hlm. 256.
[48] *Ibid.,* hlm.257.

5. Seni Lukis

1. Manuskrip *Shahmana,* epik nasional ini telah dihasilkan oleh seorang pujangga Islam terkenal bernama Firdawsi (935-1020M), manuskrip ini mengandungi 12 ilustrasi landskap yang dipenuhi dengan dekorasi yang sederhana. Gambar landskapnya mengandungi bukit yang konvensional, yang ditanami dengan rumput dan bunga. Diantara pelukis yang menyumbangkan karya lukisannya dalam manuskrip *Shāhnāmā* ialah sultan 'Ali Mirza (883-910H), karyanya membayangkan gaya timur.[49]
2. *Nizāmi, Sejarah Taymur* (1467M) dan *Bustan* yang ditulis oleh Sa'adi, merupakan manuskrip yang ditangani oleh Kamal al-Din Behzad. Beberapa lukisan dalam manuskrip *Nizami* ialah *Iskandar and the Seven Sages* (1494-95M) dan *battle Scene* (akhir abad ke-15M). Lukisan-lukisan dalam manuskrip Sa'adi *Bustan* ialah *Kingdara and the Horseherd, Mosque Scene* dan *Entertainment at the Court of Husayn Baykara* (1488M). Manakala sebuah lagi dalam koleksi Rothschid ialah lukisan dalam *Gulistam* (1486M). Lukisan Layla dan Majnun berada di perpusatakaan Leningrad.[50]
3. Karya-karya lukisan Sham al-Din ialah Iskandar mengalahkan tentera Fur dari Hindi, Iskandar berlawan dengan gergasi dari Habas, Bahram Gur membunuh gergasi, Bahramgur membunuh naga dan Nushirwan menjamu hidangan yang dibawa oleh putra Mahhud.[51]
4. Karya-karya lukisan Abd al-Hay ialah Zam mengatasi Sinduklid, Rudaba dan Sinduklid, Rustam berlawan dengan Isfandiyar dan Afrasiyab membunuh Nawdar.[52]
5. Potret sultan Muhammad II merupakan salah satu daripada karya-karya Sinan Bey yang tersimpan lebih daripada 500 tahun di muzium Top Capi Sarai, Instanbul. Manakala karya-karya Abd Chalel Celebi berbagai-bagai daripada potret-potret individu hinggalah kepada album dan ilustrasi manuskrip.
6. Manuskrip kelambu baitullah, lukisan daripada siri catatan, tenunan untuk Tiga Kelambu dan Empat Ekor Kuda Melompat merupakan karya tersohor daripada karya Moustafa (1961M).

---

[49] *Op. Cit.,* Manja Mohd Ludin & Ahmad Suhaimi Mohd Nor, hlm, 118.

[50] *Ibid.,* hlm. 150.

[51] *Ibid., hlm.152.*

[52] *Ibid., hlm 153.*

7. Karya-karya lukisan Wajih Nahli (1932M) adalah 'Ya Allah (s.w.t.)' (1997M), Rahsia Bisikan (1977M), Nama Allah (1978M). Dan Allahu Akbar. Karya-karya memberi ruang dan kesempatan kepada pemerhati menerokai dan menafsir maksud yang tersembunyi disebalik calitan warna dan sapuan berus yang katara.[53]

D. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, Islam itu diturunkan untuk memberikan petunjuk kepada manusia bagaimana mewujudkan kesenangan di dunia dan akhirat. Kesenian adalah jawapan kepada fitrah manusia yang memerlukan kepada kesenangan. Seni harus mengandungi moral sehingga kesenangan yang diusahakan itu tidak merosakkan keselamatan. Di samping itu, seni tidak boleh melewati batas, ia mesti dikawal berdasarkan kehendak agama.

Oleh itu, kesenian hendaklah diselaraskan berdasarkan konsep inti yang berhubungan dengan satu kesatuan yang lebih besar seperti terpancar pada motif-motif yang diterapkan kepada beberapa seni Islam oleh seniman-seniman Islam yang terdahulu, seperti pertukangan logam, tembikar, tekstil, ukiran kayu, permaidani, dan sebagainya.

Ini bersesuaian dengan konsep umat Islam dan konsep pembinaan al-Quran. Dalam al-Quran setiap kata merupakan satu unit yang penting bagi mendukung susunan dan makna ayat. Seterusnya setiap ayat pula merupakan satu unit penting bagi mendukung susunan dan makna. Ini sama halnya dengan seorang muslim yang menjadi unit penting dalam kesatuan umat.

Pada hakekatnya secara sendiri seorang muslim dapat berbuat segala ritual agama sebagai satu unit. Namun, dia juga menjadi sebagian daripada satu unit yang lebih besar jika ritual itu dilakukan secara berjamaah. Konsep kenyataan yang sebeginilah yang harus menjadi teras dalam kesenian. Pemahaman kita mungkin lebih jelas dan mudah lagi jika konsep ini dilihat dari pembinaan corak-corak awan larat pada ukiran kayu. Pada corak-corak awan larat terlihat unit corak yang tersendiri dan dapat berdiri dengan sendiri. Jika dikeluarkan unit-unit itu satu persatu, unit itu merupakan satu hasil seni yang indah. Namun apabila unit itu menjadi satu kesatuan yang lebih besar, pada keseluruhan corak ukiran kayu itu ia menjadi

[53] *Ibid.*, hlm.125.

lebih indah. Ia menjadi lebih menarik jika kaligrafi yang membawa perutusan tauhid juga diterapkan sebagai sebahagian daripada dekorasinya. Ia bukan sahaja indah, dan berfungsi tetapi juga mematuhi serta memenuhi tuntutan Islam.

BAB II
Islam dan Kesenian

BAB II
ISLAM DAN KESENIAN

A. Kesenian Dari Perspektif Islam

Kesenian dikenali sebagai art dalam bahasa Inggeris dan al-fan dalam bahasa Arab. Ia membawa makna halus, cantik, indah, kudus, suci-bersih, seronok-gembira, harmonis, tersusun sistematik, lembut, sejuk, segar, merangsang, lapang, nyaman, kejiwaan dan dalaman. Pada asasnya ia terjelma daripada pelbagai bentuk, daripada bentuk bendaan yang konkrit hinggalah kepada bentuk-bentuk seni hasil daripada pengucapan dan olahan tubuh yang abstrak. Ia boleh dirumuskan sebagai suatu ungkapan yang bersistematik, halus dan indah tentang perkara yang mempunyai kesan emosi dengan cara tertentu yang didapati melalui perasaan dan kejiwaan.

Seni merupakan cerminan budaya dan kehidupan masyarakat. Kita dapat mengetahui tentang sesuatu kaum dan masyarakat melalui kegiatan kesenian mereka.

Kebudayaan sesebuah masyarakat hasil daripada gaya hidup mereka kan memantulkan hasil kesenian mereka. Ia berkait rapat dengan kepercayaan, emosi dan pengalaman yang dijelmakan dalam tindakan yang merupakan intipati dari kebudayaan mereka. Ini dapat jelas dilihat melalui bentuk kesenian yang terdapat dalam sesebuah kaum seperti suku kaum di pedalaman negera kita melalui hasil kraftangan, pertukangan, seni hiburan dan sebagainya. Seni dalam kepelbagaian bentuk itu tidak terpisah-pisah kerana ia wujud dalam kesatuan yang harmonis yang dapat membayangkan ketinggian dan keikhlasan budi, ketinggian daya fikir dan intelektual dan keharmonian serta kemurnian nilai sesuatu bangsa. Kecenderungan dalam bidang kesenian bukanlah suatu yang dibuat-buat bahkan ia merupakan luahan daripada benak hati sesebuah masyarakat lantaran suatu falsafah yang telah mereka anuti telah menjadi sepadu dengan hati dan jiwa mereka. Dengan ini, tidak hairanlah dengan meneliti hasil kesenian sesebuah masyarakat, kita dapat mengetahui kecenderungan mereka.

Islam meletakkan kesenian seperti konsep di atas iaitu dengan meletakkan segala perkara yang halus, cantik, indah, kudus dan sebagainya digunakan untuk membawa keselesaan kepada manusia dan mendekatkan hubungan dengan Allah.[54] Pandangan Islam tentang kesenian hasil daripada world view bahawa matlamat hidup dalam Islam adalah akhirat dan segala macam hiburan dalam dunia ini hanyalah bersifat sementara. Justeru, apa jua tindakan termasuklah aktiviti kesenian, haruslah menjuruskan kepada mendekatkan diri kepada tuhan.

> Firman Allah yang maksudnya : *Katakanlah (Wahai Muhammad): "Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah, yang Alah telah keluarkan untuk hamba-hambaNya, dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakanNya?"*[55]
> Sabda Rasulullah maksudnya : *"Sesungguhnya Allah itu indah dan suka kepada keindahan".*[56]

Ayat al-Quran dan Hadis di atas merupakan antara teras kepada penghujahan kepada kedudukan kesenian di dalam Islam. Dalam dalil di atas, ditegaskan bahawa mengambil manafaat daripada keindahan dunia bukanlah dilarang, bahkan Allah telah

[54] Abdul Ghani Shamsudin et. al. 2001. *Seni dalam Islam.* Selangor: Intel Multimedia and Publication, hlm. 1-4.
[55] Surah al-Al'raf (7:32).
[56] Sahih Muslim, *Kitab al-Iman*, no 131.

mempersoalkan mereka yang pandai me mandai mengharamkan perkara yang dibenarkan oleh Islam sedangkan Allah menciptakannya untuk manusia. Seterusnya, keindahan itu merupakan prinsip penting di dalam Islam kerana apakah nilaian kekotoran sedangkan Allah itu indah dan suka kepada perkara yang indah.

Islam mengakui keperluan seni dalam hidup manusia kerana seni merupakan fitrah ata tabii semulajadi manusia. Manusia lebih selesa berada dalam suasana yang indah berbanding kotor, busuk dan jijik. Persaingan hidup manusia di atas muka bumi ini dengan mengejar kehidupan yang lebih bermakna adalah hasil daripada keyakinan manusia bahawa keindahan itu dapat membawa kebahagiaan kepada mereka. Malah kedapatan ramai di kalangan mereka yang menganggap kesenian dan hiburan adalah segalanya. Islam sebagai agama yang lengkap membenarkan umatnya berimaginasi dan berkreativiti dalam pemikiran dan ia merupakan satu amanah yang perlu dijaga dan disuburkan dalam *frame work* yang dibenarkan Islam. Dalam pada itu, Islam tidak memberikan kebebasan sepenuhnya kepada manusia untuk mencari keindahan kerana manusia mempunyai misi yang tersendiri dalam kehidupannya. Allah telah menegaskan bahawa misi manusia ialah mencari akhirat melalui rezeki yang telah dikurniakan.

Justeru, kesenian bukanlah matlamat akhirnya kerana ia hanyalah wasilah sahaja. Banyak ayat al-Quran yang telah membawa manusia berfikir tentang langit dan bumi serta segala keindahan ciptaan Allah untuk meletakkan keyakinan di benak hati manusia bahawa semua keindahan ini bukan terjadi dengan sendiri malah hasil ciptaan Tuhan Yang Maha Agung.[57] Apa yang menjadi hakikat sebenarnya ialah Allah telah menetapkan bahawa kejadian manusia dengan matlamat mencari akhirat. Ini jelas di dalam firmannya:

> *Carilah akhirat daripada rezeki yang dikurniakan kepada kamu, namun dalam masa yang sama janganlah kamu lupakan habuan kamu di dunia. Janganlah pula kamu melakukan kerosakan atas muka bumi ini. Sesungguhnya Allah tidak sukakan kepada orang yang melakukan kerosakan.*[58]

Ayat ini jelas menyebut secara *mafhum muwafaqah* bahawa segala kurniaan Allah kepada manusia adalah suatu modal untuk mencari akhirat. Di samping itu, diingatkan agar

---

[57] Surah Ali Imran (3: 190) dan Surah al-Ghasyiah (88:17-20).

[58] Surah Al-Qasas (38:77).

tidaklah pula melupakan habuan dalam kehidupan di dunia ini. Maka adalah salah frasa yang mengatakan bahawa cari dunia dan janganlah lupa solat atau akhirat. Sebaliknya falsafah yang perlu dipegang ialah cari akhirat jangan sampai lupa dunia. Ayat ini merupakan garis pemisah antara kesenian Islam dengan kesenian yang lain kerana dalam Islam kesenian bukanlah merupakan perkara utama berbanding akidah. Walau bagaimanapun, ia boleh membantu untuk mengukuhkan akidah.

B. Pandangan Tokoh-tokoh /Ulama Terhadap Kesenian

Tokoh-tokoh yang dirujuk adalah dari kalangan Ulama atau mereka yang pernah terlibat secara langsung dalam gerakan Islam atau menjadi rujukan utama gerakan Islam semasa dalam mendapatkan pandangan bagi isu-isu yang timbul dewasa ini. Pandangan mereka akan dijadikan landasan pemeriksaan dalam tinjauan terhadap perspektif kesenian yang wujud dalam gerakan Islam di negara ini. Berikut adalah pandangan beberapa tokoh gerakan Islam.

1. Dr. Yusuf al-Qaradawi

Al-Sheikh Yusof al-Qardhawi merupakan nama yang tidak asing lagi dalam gerakan Islam. Beliau ang berasal dari Mesir itu pernah bersama dengan Al-Shahid Hasan Al-Banna dalam menggerakkan Ikhwan al-Muslimun dan penah dipenjarakan 3 kali antara tahun 1949 hingga 1963. Beliau banyak menulis banyak buku dan sebahagian besar tema penulisannya ialah berkenaan dakwah dan gerakan Islam. Kini beliau merupakan ulama yang terkenal dan semua pihak khususnya gerakan Islam menerimanya sebagai mentor dan pakar rujuk.[59]

Beliau telah menulis beberapa buku mengenai muzik dan kesenian seperti buku *Malamih al-Mujtama' al-Muslim, al-Halal wa al-Haram, al-Islam wa al-Fan* dan sebagainya. Namun dalam buku beliau yang berjudul Fiqh al-Ghina wa al-Musiqi dan yang terakhir ialah *Fiqh al-Lahw wa al-Tarwih* beliau telah menyimpulkan keseluruhan penulisan beliau yang sebelumnya mengenai kesenian dan hiburan. Beliau berpandangan bahawa kesenian

---

[59]Yusuf al-Qaradawi. *al-Sirah al-Tafsiliyyah li al- Qaradawi*, http //www.qaradawi.net/site/topics/article.asp?cu no=2&item no= 1221 &version= 1 &template id= 190&^paren t id=18s#~y · %~J~Y · %~ ~ %J~ (akses pada 15 Jun 2006).

adalah suatu yang rapat dengan Islam khususnya apabila Allah telah memerintahkan dalam banyak ayat al-Quran untuk menatapi keindahan ciptaanNya bagi membuktikan kekuasaan Allah. Justeru, keindahan yang wujud dalam kesenian merupakan perkara yang rapat di dalam Islam apatah lagi menurutnya Allah menunjukkan kemurkaan kepada orang yang mengharamkan perhiasan yang Allah berikan termasuk semua rezeki yang bersifat tayyibat.[60]

Beliau telah membawa hujah dan dalil daripada pihak yang mengatakan bahawa muzik adalah haram dengan mematahkan hujah dan dalil mereka. Beliau telah mengemukakan dalil yang mengatakan bahawa muzik itu pada asasnya tidak haram dengan 5 syarat iaitu:

- Lirik dan dialog tidak bercanggah dengan Islam
- Cara persembahannya yang sopan seperti boleh menaikkan shahwat
- Tidak bercampur dengan perkara yang haram
- Tidak melampau dan keterlaluan walaupun dalam perkara yang harus.
- Pendengar ialah orang yang paling layak untuk menjelaskan hukum muzik sama ada ia membawa kepada perkara negatif atau sebaliknya.[61]

Pandangan Al-Sheikh al-Qardhawi dalam soal muzik dan lagu telah diterima sebagai suatu pegangan rasmi al-Ikhwan al-Muslimin di Mesir. Dalam ruangan soal jawab agama, Dr. Rajab Abu Mulih sebagai penjawab kepada ruangan itu merujuk kepada pandangan al-Sheikh. Ini tidak lain ialah kerana al-Sheikh dianggap sebagai tokoh besar al-Ikhwan al-Muslimin walaupun beliau tidak tinggal di Mesir lagi.

2. Dr. Abdul Karim Zaidan

Beliau merupakan penggerak Ikwan Muslimin di Iraq yang berpindah ke Yaman atas tekanan politik pada akhir 70an. Beliau telah menulis banyak buku dan penulisannya yang terkenal ialah Usul al-Dakwah yang menjadi rujukan kepada semua gerakan Islam khususnya dalam persoalan dakwah Islamiah. Beliau berpandangan bahawa muzik dan nyanyian pada asasnya tidak haram menurut Islam sama ada menggunakan alat atau tidak.

---

[60]Yusuf al-Qaradawi. *Sima'i al-Aghani*, http://www.qaradawi.net/site/topics/ artide.asp?cu no=2&item no=392&version=1 &template id=8&parent id =12 (akses pada 15 Jun 2006).

[61]Yusuf Al-Qaradawi, *Fiqh al-Ghina' wa al-Musiqi fi Daw'al-Ouran wa al-Sunnah*, cet ke3, Maktabah Wahbah, al-Qahirah, hlm.185-193.

Beliau telah mengemukakan hujah dan dalil kepada pengharusannya di samping membawa dalil mereka yang mengharamkannya. Namun, beliau mengatakan bahawa dalil yang mengatakan bahawa muzik dan nyanyian itu adalah haram tidak kuat dan beliau menyokong pandangan yang dikemukakan oleh Imam alGhazali di dalam al-lhya'.[62] Dalam pada itu, beliau tidak bersetuju dengan bentuk muzik dan nyanyian yang terdapat dalam radio dan tv sekarang kerana baginya masih lagi terdapat unsur fitnah dan apatah lagi dipersembahkan dengan cara yang tidak menepati kehendak syarak. Sekiranya dapat dipersembahkan dalam keadaan tidak menimbulkan fitnah dan sebagainya, maka tiada halangan daripada mendengar dan menontonnya.[63]

3. Abdullah Nasih Ulwan

Beliau merupakan tokoh ulama yang berasal dari Syria dan menjadi penggerak al-lkhwan al-Muslimin di sana. Tekanan politik yang hebat yang beliau alami menyebabkannya berpindah ke Jordan pada 1979 sebelum ke Arab Saudi selepas itu. Beliau mempunyai banyak penulisan dan aktif memberi ceramah agama di sana.[64] Beliau melihat wahana komunikasi moden seperti radio, tv, alat rakaman, panggung, majalah, akhbar dan sebagainya merupakan senjata yang mempunyai dua mata yang boleh digunakan sama ada untuk kebaikan atau sebaliknya. Beliau berpandangan bahawa mendengar muzik dan nyanyian, menonton lakonan merupakan perkara yang diharamkan melalui nas. Justeru, membeli radio dan tv walau wujud sedikit manafaatnya tetapi baginya itu terlalu kecil berbanding dengan kemudaratan yang diterima.[65] Dengan menggunakan Sad al-Zara'i dan kaedah *La darara wa la dirar*, beliau berpandangan bahawa tidak boleh untuk membeli tv kerana ia membawa mudarat khususnya kepada pembentukan akhlak yang mulia.[66] Pandangan ini agak sukar diterima oleh realiti semasa justeru penggunaan radio dan tv yang sangat meluas di kalangan umat Islam. Namun pandangan beliau tidaklah sekeras segelintir tokoh dakwah tempatan yang pernah mencadangkan supaya set radio dan tv dihumban ke sungai justeru kekhuatiran terhadap elemen negatif berkenaan.

---

[62] Abdul Karim Zaidan, *al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim,* Muassasah al-Risalah, Beirut, 1999, juz 4, hlm. 91.
[63] *ibid.*
[64] Abdullah Nasih Ulwan, *Sirah al-Sheikh*, http://abdullahelwan.neyserah.php (akses pada 1 Jun 2006).
[65] Abdullah Nasih Ulwan, *Hukm al-Islam fi Wasail al-I'lam*, Dar al-Salam, al-Qahirah, 1978, hlm. 5.
[66] *ibid*, hlm. 8-11.

4. Faisal Mawlawi

Beliau merupakan seorang tokoh ulama yang terkenal dari Lubnan dan dipilih oleh WAMY sebagai tokoh pendakwah terbaik di Eropah ketika beliau menetap di Perancis antara 1980-85. Beliau banyak menulis buku agama dan pernah dilantik sebagai qadi pada tahun 1968. Kini beliau memegang jawatan sebagai "*al-Amin al-Am*" kepada al-Jamaah al-Islamiah di Lubnan yang dipimpin oleh Dr. Fathi Yakan.[67]

Setelah beliau mengambil kira pandangan para ulama; hukum mendengar lagu dan muzik ini pada asalnya adalah harus. Namun, ia boleh pergi ke tahap haram apabila diselitkan dengan perbuatan haram seperti minum arak atau percampuran bebas; apabila menggunakan kata-kata yang keji atau haram; apabila ditakuti boleh membawa kepada perkara haram seperti menaikkan shahwah; dan apabila ditakuti membawa kepada pengabaian kewajipan syarak yang lain seperti sembahyang. Ia boleh jadi makruh apabila diselitkan dengan perkara yang makruh seperti nyanyian perempuan di hadapan lelaki dalam suasana yang tidak membawa kepada fitnah; apabila ditakuti membawa kepada luput perkara sunat seperti bangun malam. Selain itu, dalam suasana tertentu seperti dapat memberikan motivasi dan semangat kepada kebaikan begitu juga dengan nasyid yang memuji Allah dan rasulnya, ia pula dituntut[68].

Dalam isu menggunakan peralatan muzik, beliau berpandangan bahawa terdapat dua kategori iaitu yang harus seperti tabla dan duf. Begitu juga yang haram seperti serunai dan gitar. Bagi beliau, lebih baik menggunakan peralatan yang diharuskan dan meninggalkan peralatan yang diharamkan walaupun terdapat perbezaan pandangan ulama dalam perkara ini namun, jumhur ulama mengharamkannya. Sekiranya dengan menggunakan peralatan ini, nasyid akan lebih menarik perhatian pendengar maka baginya ia tidak mengapa. Ini kerana pengharaman pekara ini hanyalah dalam wasail sahaja bukan dari sudut maqasidnya.

---

[67] Faisal Mawlawi, *al-Sirah al-Zatiyyah li Simahat al-Sheikh Faisal al-Mawlawi*, http:/\www.mawlawi.neVAboutFM.asp (akses pada 1 Jun 2006).

[68] Faisal Mawlawi, *Sima'i al-Aghani Ma'a al-Tafsil*. (atas talian) http://www.mawlawi.net.Fatwa.asp?fid=817&mask (akses pada 1 Jun 2006).

Boleh bertolak ansur dalam pengharaman wasail, kerana ia membawa kepada maqasid yang harus dan tidak pula diharamkan. Tetapi ia hanya dalam ruang lingkup nasyid Islam sahaja.[69]

Kesimpulannya isu hiburan dan kesenian menurut pandangan beberapa orang tokoh utama gerakan Islam antarabangsa, pada prinsipnya adalah dibolehkan. Pengharaman Islam kebanyakannya disebabkan persekitaran yang melatarinya seperti penonton, suasana dan sebagainya. Dengan kata lain, mereka bersetuju secara prinsipnya tentang muzik dan hiburan tetapi mereka mengenakan beberapa syarat bagi membenarkannya. Pandangan mereka ini sama dengan pandangan ulama terkemuka seperti Dr. Ali Jumuah[70] iaitu Mufti Mesir, Prof. Dr. Bouti[71] iaitu seorang profesor yang terkenal dari Jami'ah Dimashq Syiria dan Prof Wahbah al-Zuhayli.[72] Semua mereka bersetuju secara prinsipnya dengan muzik dan hiburan dengan beberapa syarat tertentu.

Sementara itu, kita mendapati pandangan ulama gerakan Islam pada era sebelum 1980an cenderung kepada fenomena mengharamkan peralatan hiburan. Bagi Dr. Abdullah Nasih Ulwan (1978) contohnya berpandangan bahawa mendengar muzik dan nyanyian, menonton lakonan merupakan perkara yang diharamkan melalui nas. Justeru, membeli radio dan tv walau wujud sedikit manafaatnya tetapi baginya itu terlalu kecil berbanding dengan mudarat yang diterima. Dengan menggunakan *Sad al-Zara'i* dan kaedah *La darara wa la dirar*, beliau berpandangan bahawa tidak boleh untuk membeli tv kerana ia membawa mudarat khususnya kepada pembentukan akhlak yang mulia. Ini mungkin mereka merasakan bahawa pendekatan itulah yang sesuai pada ketika itu lantaran kekurangan bahan Islam di dalamnya dan tidak memiliki televisyen pun tidak membawa apa-apa kesan buruk.

---

[69] Mawlawi, Faisal. 2001. *Hukm al-Istikhdam al-Alat al-Musiqiyyah*, hHp://www.mawlawi.neVFatwa.asp?fid=51&mask (akses pada 1 Jun 2006).

[70] Sila lihat Ali Jum'ah, *al-Bayan lima Yusghil al-Adhhan*, al-Moqtam, al-Qahirah, 2005, 349- 355.

[71] Sila lihat al-Bouti, Muhammad Said Ramadan. Tth. *Ma Hukm Sima'i al-Ghina?*. http://www.bouti.net.cai-bin/bsearch.cai?link=O&ans= &aues=&step =6 (akses pada 1 Jun 2006).

[72] Sila lihat httn://www.zuhavli.net.fatawa p17.htm (akses pada 1 Jun 2006).

C. Adab Kesenian Dalam Islam

Perbincangan tentang kesenian Islam atau kesenian dalam Islam tidak dapat terlepas daripada masalah kebudayaan dan tamadun Islam. Kesenian Islam sebagai sebahagian daripada kebudayaan dan tamadun Islam adalah terjemahan kepada hasil usaha umat Islam untuk memenuhi keperluan mereka sama ada dari segi rohani atau jasmani. Pada hakikatnya kesenian adalah sebahagian daripada ramuan yang membentuk kebudayaan dan tamadun Islam[73]. Justeru, adalah sesuatu yang tidak bercanggahan sama sekali untuk menyatakan bahawa kesenian adalah sebahagian daripada perkara yang terkandung dalam ajaran ajaran Islam yang bersifat syumul. Islam itu sendiri adalah suatu keindahan yang syumul meliputi setiap aspek kehidupan manusia; zahir dan batin atau rohani dan jasmani. Setiap keindahan biasanya akan cuba dikaitkan dengan kesenian dan begitulah sebaliknya. Pujangga Arab mengungkapkan "hati secara fitrahnya akan sentiasa merindui setiap keindahan".

Kesenian dalam konteks terkini kelihatan seolah-olah sangat sinonim dengan kegiatankegiatan seni seperti muzik, lagu, tarian, seni suara dan yang seumpama dengannya. Tetapi ruang lingkup kesenian jauh lebih luas daripada bidang tersebut untuk merangkumi bidangbidang senibina, ukiran, lukisan, tulisan kaligrafi, sajak, syair, teater, lakonan, penulisan sastera seperti novel, cerpen dan lain-lain. Setiap bidang yang disebutkan tadi mempunyai pecahanpecahan yang banyak. Justeru, membincangkan kesenian dari perspektif Islam akan merangkumi aspek yang sangat luas. Namun, kemuncak keindahan dan kesenian yang unggul tanpa tolok bandingnya ialah keindahan hati seorang Muslim ketika menggauli Allah (s.w.t.) dengan penuh adab yang sangat halus nilai kualitinya. Unsur-unsur adab ketuhanan dan akhlak hati yang sangat tinggi ini boleh ditemui dalam kesusasteraan sufi, terutamanya syair, qashidah, hikmah dan lain-lain yang diketahui dalam bidang pengajian tasawuf.

Kajian tentang kesenian dalam Islam boleh dikaji dari perspektif sejarah yang terentang sejak zaman Nabi Muhammad (s.a.w.), zaman Khulafa' al-Rasyidin, zaman

[73]Sulaiman Ibrahim, *Kebudayaan Barat, Moden dan Islam*, Monograf, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI, UKM, 1998, hlm. 14.

Kerajaan Umayyah, Kerajaan 'Abbasiyyah, Kerajaan 'Uthmaniyyah dan lain-lain. Ia juga boleh dikaji dari perspektif geografi yang berbagai-bagai dari Iran hingga ke Marakash dan juga perspektif falsafah dan hukum. Kertas ini hanya akan cuba membincangkan kesenian dari sudut madlulnya yang sudah terpahat kukuh dalam minda kebanyakan orang, iaitu kesenian yang berkaitan dengan kegiatan seni seperti muzik, lagu, tarian, seni suara, deklamasi sajak dan puisi dan yang seumpama dengannya. Ia bertujuan untuk melihat kaitan yang ada di antara kegiatan kesenian itu dengan aspek dakwah Islamiah. Ramai yang melihat kedua-dua perkara ini sebagai dua bidang yang sukar untuk dipertemukan dalam satu kesatuan indah yang boleh menghasilkan faedah yang tinggi dalam merealisasikan matlamat hidup manusia iaitu memperhambakan diri kepada Allah (s.w.t.).

Dalam komunikasi dakwah, istilah dhawq digunakan untuk merujuk kepada maksud seni bermuamalah sesama manusia terutamanya dengan sasaran dakwah (mad'i). Istilah ini digunakan oleh sl-Syaykh 'Abbas Hasan al-Sisiy, salah seorang pendakwah dari *Jama'ah allkhwan al-Muslimin*.[74]

D. Ruang Lingkup Kesenian Islam

Secara umum, apabila disebut istilah seni dan kesenian, masyarakat segera teringatkan kegiatan seperti muzik, lagu, lakonan, teater, tarian dan seumpamanya. Namun, tinjauan terhadap karyakarya para sarjana dalam bidang kesenian Islam menunjukkan bahawa banyak sekali tumpuan diberikan kepada bidang senibina, ukiran, lukisan dan tulisan kaligrafi. Hampir keseluruhan ensiklopedia menjuruskan perbicaraan tentang kesenian Islam kepada topik seni bina, ukiran, lukisan, kaliqrafi dan seumpamanya.[75] Malah terdapat ensiklopedia khusus yang berjilid-jilid tebalnya dikarang semata-mata untuk mengumpulkan segala bentuk kesenian Islam dan Arab, di samping banyak buku-buku yang membincangkan

---

[74] Lihat 'Abbas Hasan al-Sisiy, *al-Dhawq Suluk al-Ruh*, Dar al-Qabas li al-Nasyr wa al-Tawzi', Iskandariah, Mesir, t.th., passim.

[75] Sebagai contoh lihat *al-Mawsu'ah al-'Arabiyyah al-Muyassarah al-Muwassa'ah, Mu'assasah alTarikh al-'Arabiy*, Beirut, 2001, j. 6, hlm. 2616-2618, *al-Mawsu'ah al-'Arabiyyah al-Muyassarah*, Dar al-Sya'b, Kaherah, t.th., hlm. 1317-1318, *al-Mawsu'ah al-'Arabiyyah al-'Alamiyyah, Mu'assasah A'mal al-Mawsu'ah li al-Nasyrwa al-Tawzi'i*, Riyadh, Arab Saudi, 1999, j.17,556-566.

perkara yang sama. Sebagai contoh, karangan tentang senibina Islam dan bangsa asal Mesir di Kota Kaherah sahaja dikumpulkan oleh Dr. 'Asim Muhammad Rizq dalam satu ensiklopedia yang mempunyai 8 jilid bersaiz besar dan tebal mencecah lebih 1000 halaman setiap jilid secara purata.[76] Tidak terkecuali ensiklopedia yang ditulis oleh cendikiawan Melayu, turut membincangkan perkara yang sama ketika membincangkan persoalan kesenian Islam . Menu rut Ensiklopedia Islam keluaran Malaysia, dalam kata entri kesenian Islam: Bidang seni yang diterokai oleh orang Islam ialah kraftangan, tulisan khat, seni ukir, seni bina dan seni muzik.[77]

Kenyataan sebegini seolah-olah membataskan kesenian Islam kepada perkara-perkara berkenaan semata-mata, sedangkan ruang lingkup kesenian Islam jauh lebih luas daripada itu. Pun begitu, ini tidak bermakna bidang-bidang lain diabaikan seperti bidang kesusasteraan yang merangkumi sajak, syair, teater, lakonan, penulisan sastera seperti novel, cerpen, muzik, lagu, tarian, seni suara dan lain-lain, sekadarkan perbincangannya dalam kategori kesenian Islam masih terhad. Justeru, kajian kesenian Islam yang membabitkan kegiatan seumpama ini harus diperkasakan. Dari aspek hukum, ramai ulama yang memfokuskan kajian hukum terhadap kegiatan seni muzik, lagu dan seumpamanya. Secara umumnya, ulama moden kini lebih cenderung untuk melihat hukum muzik dan lagu secara yang lebih sederhana dan menjadikan pandangan Ibn Hazm sebagai asas kepada pendapat seumpama ini.[78] Akhir-akhir ini sudah mula dikaji umpamanya tentang muzik dan nasyid sebagai kesenian Islam dan sumbangannya terhadap dakwah.[79]

---

[76] Lihat Rizq, 'Asim Muhammad (Dr.), *Atlas al-'Imarah al-Islamiyyah wa al-Qibtiyyah bi al-Oahirah,* Maktabah Madbuli, Kaherah, 2002, 8 jilid.

[77] Lihat *Ensiklopedia Islam*, Haji Mohd Nakhaie Haji Ahmad (Ketua Pengarang Kumpulan), Malaysian Encyclopedia Research Center Berhad, 1998, j.6, hlm. 17. Lihat juga j.9, hlm. 196-212 yang mencatatkan senibina, seni khat dan ukiran.

[78] Sebagai contoh, lihat al-Qaradawiy, *al-Islam wa al-Fann*, Maktabah Wahbah, Kaherah, 1996, *Maiamih al-Mujtama'al-Muslim alladhi Nansyuduh,* Maktabah Wahbah, Kaherah, 1993, hlm. 243-320, *Fiqh al-Lahw wa al-Tarwih*, Maktabah Wahbah, Kaherah, 2005 dan Idris, 'Abd al-Fattah Mahmud (Prof. Madya Dr.), *Hukm al-Ghina'wa al-Ma'azif fi al-Fiqh al-Islamiy,* Universiti al-Azhar, Kaherah, 1994.

[79] Sebagai contoh, Salman AlFarisi Syahrul, *Nasyid Menurut Perspektif Imam al-Ghazali dan Kumpulan Raihan*, disertasi sarjana, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI, UKM, 2004. Ni'mat 'Abd

Juga dianggap perlu untuk ditinjau oleh para sarjana dalam kajian-kajian akan datang tentang al-adab al-sufiy sebagai sebahagian daripada jenis-jenis kesenian Islam kerana ia adalah kesenian yang membabitkan kemahiran mengungkapkan kata-kata yang indah-indah. Seperti dinyatakan terdahulu, ramai penyusun kamus-kamus Arab yang muktabar memberikan perkataan al-fann makna yang berkaitan dengan kemahiran mengungkapkan kata-kata yang indah-indah. Contoh al-adab al-sufy yang sangat agung yang boleh dikaji ialah karya *al-Hikam 'Ataha'illah* hasil karya al-Syaykh Ibn 'Ata' Allah al-Sakandariy (w709H) yang mendapat perhatian ramai sarjana dan ulama sama ada dalam bentuk tahqiq atau huraian. Walaupun pernah wujud uslub al-hikam yang digunakan oleh beberapa tokoh sufi terdahulu, namun tidak dapat dinafikan bahawa *uslub al-Hikam al-'Ata'iyyah* telah mendapat tempat yang paling tinggi di kalangan pencinta tasawuf tanpa mempunyai persaingan di mana ia mempunyai lebih daripada 40 buah syarh.[80] Kajian terhadap *al-adab al-sufi* akan dapat membantu masyarakat Islam untuk menikmati bagaimana hakikat kesenian kejiwaan yang halus nilainya yang dianjurkan oleh Islam.

E. Ciri-Ciri Utama Kesenian Islam

Secara umumnya, bolehlah disimpulkan bahawa kesenian Islam mempunyai beberapa ciri keistimewaan. Antaranya ialah:[81]

1. Kesenian Islam mempunyai kesatuan personaliti, walaupun ia meliputi lokasi-lokasi geografi yang berbeza dan berjauhan antara satu sama lain serta mempunyai pengaruhpengaruh tempatan. Para sarjana cuba menjustifikasikan kesatuan ini dengan alasan bahawa pertamanya dipengaruhi oleh faktor geografi, iklim dan corak kehidupan manusia yang mendiami kawasan tersebut. Kedua, pengaruh faktor sejarah di mana

al-Qadir al-Sudaniyyah calon sarjana di Jabatan yang sama sedang mengkaji persoalan muzik dan lagu dalam masyarakat Islam di Sudan.

[80] Lihat Khalaf Allah, *Ahmad 'Izz al-Din 'Abd Allah* (t.th.) al-Hikam li-Ibni 'Ata'Allah al-Sakandariy, *Aqwa Dustur Tarbawiy fi al-Qarn* al-Sabi'al-Hijriy Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li-al-Turath, h. 75-91. Lihat keseluruhan tentang hal ini dalam Sulaiman bin Ibrahim, *Manhaj Dakwah al-Syaykh ibn 'Ata'Allah alSakandariy dan Pengaruhnya di Malaysia*, tesis Ph.D- Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005.

[81] Al-Rifa'iy, Anwar, *Tarikh al-Fann 'ind al-'Arab*, Dar al-Fikr, t.t.p., hlm. 21-25.

keseluruhan kelompok manusia yang mendiami Syam, Mesir dan Iraq adalah saki baki Arab Kuno yang pernah mempunyai hubungan dengan penduduk di sebelah Asia dan Afrika. Kedatangan Islam telah menaungi mereka dengan kesatuan bahasa dan agama yang satu.

2. Kesenian Islam adalah kesenian yang berteraskan kepada roh ajaran Islam. Sebahagian besar kategori dan jenis kesenian telah diterjemahkan dalam bentuk keagamaan seperti pembinaan masjid, sekolah dan zawiyah yang banyak dihiasi dengan ayat-ayat al-Quran.
3. Kesenian Islam adalah kesenian yang mempunyai banyak hiasan ukiran. Ukiran yang memenuhi sektor kesenian adalah merupakan unsur utama dalam kesenian Islam. Ia memenuhi ruang dinding, mimbar, siling dan kubah selain daripada memenuhi kain-kain tenunan, lantai, lampu kaca, kotak, kulit buku dan lain-lain. Ukiran-ukiran dalam kesenian Islam diilhamkan dari bentuk geometri dan unsur-unsur tumbuhan. Seni khat atau kaligrafi juga merupakan sebahagian daripada seni ukir yang sangat banyak.
4. Kesenian Islam meminggirkan ukiran dan lukisan yang berbentuk manusia dan binatang,khususnya di tempat-tempat ibadah.

F. Hubungan Kesenian Dan Dakwah

Dakwah Islamiah secara umumnya ialah seruan ke arah melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran,[82] seperti yang dinyatakan oleh ayat 104 surah Al-'/mr^an: "Dan hendaklah ada daripada kalangan kamu suatu umat yang menyeru kepada kebaikan. menyuruh (manusia) melakukan perkara ma'ruf dan mencegah (manusia) daripada kemungkaran".[83] Dalam erti kata

---

[82]Takrif al-Syaykh 'Aliy Mahfudh, *Hidayat al-Mursyidin*, hlm. 14, nukilan daripada Dr. Ra'uf Syalabiy, *al-Da'wah al-Islamiyyah fi 'Ahdiha al-Makkiy*, al-Hay'ah al-'Ammah li Syu'un al-Matabi' alAmiriyyah,; Kaherah, 1974, hlm. 22.

[83] Al-Quran al-Karim, Surah Al-'lmran (3):104.

yang lain, ia adalah satu proses reformasi umat Islam daripada suatu keadaan kepada keadaan yang lebih baik. [84]Menurut al-Syaykh Muhammad al-Ghazzaliy aktiviti dakwah adalah program yang bersepadu dan komprehensif meliputi seluruh bidang kehidupan manusia[85] yang sudah tentu aktiviti kesenian merupakan sebahagian daripada ruang lingkup kehidupan manusia, malah menjadi wadah untuk menarik tumpuan manusia. Kenyataan ini dapat diperkukuhkan lagi apabila merujuk kepada keseluruhan aktiviti yang dicakupi oleh agama Islam itu sendiri.[86] Maka, sepatutnya tidak timbul persoalan yang sering ditimbulkan oleh sebahagian sarjana tentang apakah Islam mempunyai aspek kesenian? Bukankah Islam itu satu agama dan seni hanya suatu kesenian semata-mata?. Apakah bentuk hubungan antara Islam dan kesenian?[87]

Merujuk kepada kenyataan sebelum ini, bahawa kesenian merupakan sebahagian daripada ramuan kebudayaan dan tamadun Islam, maka sangat mudah sekali untuk dirumuskan dengan yakin bahawa Islam sememangnya mempunyai aspek keseniannya. Ia berdasarkan kepada kenyataan bahawa umat Islam membina tamadun untuk memenuhi keperluan mereka dari aspek jasmani dan rohani. Jasmani kerana tamadun Islam menitikberatkan soal pembangunan fizikal seperti pembinaan bandar, kota, masjid, istana, madrasah, rumah kediaman dan lain-lain untuk menampung kehidupan dan kegiatan manusia. Sedangkan rohani pula, maka kerana Islam sangat kuat mempengaruhi jiwa manusia sehingga segala sesuatu yang dihasilkan secara jasmani atau berunsur material itu ditumpahkan roh Islam kepadanya.[88] Dengan itu, apabila umat Islam giat membina tamadun dan kebudayaan, termasuklah yang berkaitan dengan kesenian, maka semangat Islam terserlah dengan jelas dalam setiap hasil kerja mereka. Justeru, kaitan kesenian dengan agama dalam konteks agama Islam amat rapat. Sebahagian besar kegiatan seni tidak bercanggahan dengan agama, malah ia adalah antara keperluan agama seperti pembinaan masjid, menghiaskannya dan memperlengkapkannya dengan alat-alat keperluan lain yang

---

[84]Al-Khuliy, al-Bahiy, *Tadhkirat al-Du'ah*, Matba'ah al-I timad, Kaherah, 1326H, hlm. 30.

[85]Masy'al, Zakiy (Dr.), *al-Ni'mah al-Kubra*, Matba'ah al-Sa'adah, Kaherah, 1985, hlm. 114.

[86]Al-Qaradawiy, *al-Islam wa al-Fann*, Maktabah Wahbah, Kaherah, 1996, Malamih al-Mujtama'alMuslim alladhi Nansyuduh, Maktabah Wahbah, Kaherah, 1993- hlm. 243-320 dan *Fiqh al-Lahw wa alTarwih*, Maktabah Wahbah, Kaherah, 2005.

[87] Al-Rifa'iy, *op cit*, hlm 9.

[88]Iqtibas daripada Drs. Abdul Rochym *Sejarah Arsitektur Islam Sebuah Tinjauan* Penerbit Angkasa Bandung, 1983, hlm. 1.

memerlukan aspek kemahiran dan kesenian. Aspek kesenian yang dicurahkan dalam pembinaan juga melambangkan kekuatan material yang dituntut oleh Islam seperti pembinaan kubu, kota, sekolah dan lain-lain.[89]

Daripada huraian ringkas di atas, ingin diutarakan bahawa kegiatan atau aktiviti kesenian yang bersifat jasmani atau luaran yang dapat dijangkau oleh pancaindera manusia merupakan suatu keperluan manusia sekalipun mungkin tidak mencecah tahap dar~,rah. Hanya yang berbaki ialah persoalan bagaimana keperluan itu dibubuh nyawa atau rohnya. Kelemahan umat Islam semenjak zaman kemerosotannya terutamanya zaman penjajahan ialah bahawa banyak perkara atau konsep yang sedia ada dalam Islam telah dicabut nyawanya oleh Barat pada peringkat permulaan, kemudian diikuti oleh sebahagian besar umat Islam sama ada secara sedar atau sebaliknya. Segala sesuatu yang diceraikan antara kerangka luaran dengan nyawa atau roh Islam, maka ia bersifat jahiliah. Sebagai contoh, ilmu pengetahuan yang apabila telah dinodai oleh Barat dan dipisahkan daripada agama (sekularisme), maka usaha yang dilakukan oleh sarjana Islam ialah untuk mengembalikan nyawa ilmu itu, iaitu dengan menghubungkannya semula dengan pencipta segala ilmu iaitu Allah (s.w.t.).

Maka, demikian pula dengan aktiviti kesenian. Islam datang untuk membawa suatu kemakmuran yang mendatangkan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Justeru, Islam mengakuri sebahagian besar aktiviti manusia semenjak zaman jahiliah lagi sama ada dalam bentuk muamalat, adat dan lain-lain. Islam datang untuk menambah nilai aktiviti itu sama ada dengan menokok tambah atau mengurang, atau memperbaiki aktiviti itu dari segi hukumnya di samping menambahkan satu unsur yang paling utama iaitu unsur tauhid kepada Allah (s.w.t.). Sebagai contoh, aktiviti dan bentuk-bentuk perniagaan, muamalat kewangan seperti hutang dan pelaburan, sistem cerai dan talak serta beberapa perkara dalam perkahwinan dan lain-lain. Semua aktiviti-aktiviti tersebut sudah dilakukan oleh orang-orang Arab sejak zaman jahiliah lagi, tetapi Islam datang dan memperakuinya dan diberikan beberapa tokok tambah yang sesuai dengan kehendak dan hikmat Allah (s.w.t.). Maka, antara perkara yang merupakan aktiviti manusia sejak zaman berzaman ialah aktiviti yang membabitkan kesenian. Islam telah menerangkan beberapa hukum berkenaan aktiviti tersebut seperti dinyatakan hukum mengukir patung, muzik, nyanyian dan lain-lain. Dalam erti kata yang lain, asas kepada kegiatan kesenian sudahpun ada pada zaman Rasulullah (s.a.w.), sekadarkan kegiatan kesenian umat Islam pada zaman tersebut tidak terlalu banyak

[89] Al-Rifa'iy, *op.cit.*, hlm. 3-4.

disebabkan kesibukan mereka melaksanakan risalah dakwah yang merupakan tanggungjawab yang paling terdesak untuk disempurnakan pada zaman itu.

Apabila Islam sudah berkembang, maka kegiatan kesenian berkembang seiring dengan perkembangan kebudayaan dan tamadun Islam itu sendiri. Pada zaman permulaan dan zaman kegemilangan Islam, Islamisasi seni atau kaitannya dengan dakwah tidak sangat ditekan kerana setiap sesuatu pada zaman tersebut diasaskan atas asas Islam yang mantap. Unsur tauhid, perhambaan, keikhlasan, kesucian hati dan jiwa telah diterjemahkan dalam kegiatan seni dengan baik. Sebab itu, tidak hairan jika didapati bagaimana nilai seni dan keindahan aktiviti umat Islam terdahulu kekal indah dan mendapat pujian menjulang sehingga ke hari ini kerana asas aktiviti yang mereka lakukan amat kukuh, iaitu kerana menghambakan diri kepada Allah dengan segala bentuk cirinya; ketundukan dan kecintaan.

Dinyatakan sebelum ini, bahawa dalam komunikasi dakwah, istilah dhawq digunakan untuk merujuk kepada maksud seni bermuamalah sesama manusia terutamanya dengan sasaran dakwah (mad'u). Secara umumnya, ia bermaksud seni menggauli manusia terutamanya sasaran dakwah (mad'u) dengan mengambil kira persoalan psikologi dan emosi manusia, budaya, latar belakang keluarga, pendidikan, taraf ekonomi, taraf kemasyarakatan dan lain-lain. Kebiasaannya al-dhawq banyak membantu pendakwah dalam melaksanakan tugas dakwah fardiyyah.[90]

Fenomena merata sekarang mendapati sebahagian para pendakwah tidak menghiraukan aspek seni menggauli mad'u kerana mereka hanya berbicara di pentas dakwah tetapi tidak tururi padang menggauli para *mad'u.* di medan. Atau, meminjam kata-kata Syed Qutb, mereka hanya mempunyai fiqh *al-Awraq* dan tidak mengamalkan fiqh dakwah yang sebenar. Dalam erti kata yang lain, mereka lebih banyak berteori berkenaan dengan dakwah, menulis tentang dakwah dan menyampaikan idea dakwah tetapi tidak mempraktikkan dakwah yang sebenarnya dalam medan. Sebab itu didapati ramai pendakwah yang bersikap gersang terhadap para mad'u akibat kejahilannya dalam seni ini. Sebagai contoh, memberikan salam kepada semua orang tanpa mengira pangkat, berhenti seketika ketika berjumpa mad'u walaupun sekadar bersalaman dan bertanya khabar, sentiasa merendah diri dengan mad'u, walaupun dari golongan bawahan yang dianggap hina, melayan karenah

[90]Untuk keterangan lanjut berserta contoh-contoh praktikal, lihat al-Sisiy. 'Abbas Hasan, *al-Dhawq Suluk al-Ruh,* Dar al-Qabas li al-Nasyr wa al-Tawzi', Iskandariah, Mesir. t.th.

mad'u walaupun terasa berat dan lain-lain. Jika tugas dakwah hanya mengajar, berceramah, membentangkan kertas kerja, berkhutbah dan seumpamanya, maka sudah tentu ramai orang boleh memikul tugas dakwah ini, akan tetapi dakwah adalah suatu mumarasah dan seni yang hanya dimiliki oleh orang yang mempraktikkannya dengan hati dan jiwanya.

Sebagai kesimpulan kepada perbahasan ringkas yang telah dikemukakan, bolehlah disimpulkan bahawa kesenian adalah sebahagian daripada aspek yang sebati dalam ajaran Islam. Oleh yang demikian kesenian Islam merupakan suatu kelangsungan kepada aktiviti-aktiviti kebudayaan dan tamadun Islam yang memang sangat terkenal dengan kehebatan dan keunggulannya. Kesenian di dalam Islam adalah sama seperti kebudayaan dan tamadun Islam yang dicetuskan oieh dorongan iman dan tauhid kepada Allah (s.w.t.) serta dikawal selia oleh prinsip-prinsip syarak. Dari sumber tauhid dan prinsip syarak yang mantap inilah kesenian Islam menjana kekuatannya yang tersendiri dan berbeza dengan kesenian lain. Kesenian Islam yang berkembang hari ini adalah hasil daripada kesinambungan kesenian Islam yang lampau dan ia sepatutnya digilap agar sentiasa mampu memainkah peranannya dalam masayarakat Islam, iaitu melahirkan masyarakat yang harmoni yang mempunyai nilai-nilai yang murni.

G. Karya dan Adabnya di dalam Islam

Keindahan irama, gaya dan susunan kata-kata Quran tidak dapat ditandingi dengan ciptaan gubahan irama, gaya dan susunan manusia sekalipun daripada seniman yang mengharumkan nama di persada seni. Pengakuan manusia telah menunjukkan nilai yang Maha Agung. Nilai sastera al-Quran yang sempurna sehingga kini dan untuk selamanya tidak menyamai ciptaan manusia. Kandungan al-Quran memiliki susunan bahasa yang indah, apabila dibaca akan menghadirkan perasaan taqwa, memancar irama, nada dan gaya yang indah. Sumber ketaqwaan boleh diperolehi daripada al-Quran kerana isinya didukungi oleh roh agama dan bunyian bacaan turut didukungi oleh rasa seni. Setiap muslim yang membaca al-Quran pasti tidak memisahkannya dari lagu bacaan. Terbuktilah di sini lagu di dalam bacaan al-Quran sebagai seni. Selain daripada itu kitab suci ini dibaca dan ditulis dengan penuh adab dan cukup indah. Maka lahirlah seni tulisan Quran atau kaligrafi atau disebut khat.

1. Suara dan adabnya di dalam Islam

Suara yang merdu dikira juga sebagai seni. Ia dapat didengari seperti melalui laugan azan yang merdu dan nyaring untuk mengingatkan dan memanggil masyarakat di muslim di sekitar masjid mendirikan solat. Kemerduan suara sehingga menggetarkan hati mengajak manusia menggerakkan kaki menuju ke masjid menunaikan solat. Azan yang diseru dalam bentuk lagu adalah satu seni suara (Sidi Gazalba: 25).

Adab lain yang boleh dilihat dari sudut nyanyian dan lakonan iaitu mengandungi katakata sopan, memberi panduan dan nasihat seperti yang dianjurkan agama agar menjalani kehidupan yang lebih baik apabila dihayati kata-kata dan lirik lagu nyanyian. Sebaliknya nyanyian dan lakonan menjadi tidak beradab apabila isi kandungan nyanyian, penyanyi dan pelakon mengeluarkan kata-kata tidak sopan, lucah, mengkhayalkan. Maka ia membawa kepada hukum haram apabila menyanyikan dan mempersembahkan serta memperdengarkannya. Dari sudut penciptaan tubuh badan wanita yang cantik, dengan pendedahan aurat, persolekan yang keterlaluan dan gaya di luar batasan agama sekiranya dipertonton kepada orang ramai sehingga menimbul perasaan ghairah maka inipun menjadi tidak beradab dan hukumnya haram(Drs. Gazalba:75).

2. Adab perhiasan dalam kesenian Islam

Perhiasan merupakan barangan yang memberi keindahan. Menghias juga aktiviti kesenian kerana ia merupakan usaha menciptakan bentuk-bentuk yang menyenangkan. Hiasan yang dilekatkan oleh Allah s.w.t pada alam dalam ciptaannya, dipindahkan oleh seniman ke dalam lukisan, untuk perhiasan rumah. Allah s.w.t memberikan keindahan kepada manusia.

Hakikatnya Allah s.w.t Maha indah dan mencipta manusia indah. Pada masa yang sama alam yang kita berada sekarang, pekerjaan yang dialami, penciptaan, budaya dan berseni semuanya terangkum dalam keindahan. Di dalam masjid boleh dihiasi dengan perhiasanperhiasan yang membawa keindahan, di dalamnya terdapat unsur seni supaya mengingatkan kecantikan serta kebesaran Allah s.w.t. Seni Islam sebenarnya gambaran tentang ketenangan dan keharmonian. Ia lebih berunsur kepada keintelektual daripada unsure emosi. (Ruzaika Omar Basaree:13). Penciptaan yang berupa seni, cantik dan indah kepada pemerhati, maka itu namanya seni.

Seni yang dicipta untuk tujuan kebaikan. Tetapi apabila manusia berlebih - lebihan dalam perhiasan, makanan dan minuman termasuk perbuatan keji dan membawa kepada dosa kerana mempunayai pembaziran.

Sidi Ghazalba menggariskan tujuan perhiasan:

a) Untuk kesenangan manusia. Allah s.w.t menurunkan Islam untuk kesejahteraan kepada hamba-hambanya Oleh itu, kesenangan dan keselamatan melalui perhiasan adalah untuk menegakkan kesejahteraan.
b) Untuk mewujudkan kesenangan dan keselamatan. Perhiasan hanya diberikan kepada hamba-hambanya yang beriman sahaja. Kemudian memasukkan mereka ke dalam tempat yang paling menyenangkan dan paling selamat iaitu di syurga firdaus.
c) Untuk mengabdikan diri, membesarkan kesempurnaan serta keindahan pencipta alam semesta. Sebaliknya perhiasan dan perbuatan keji, syirik dan perbuatan dosa yang lain, mengatakan sesuatu yang negatif tentang Allah s.w.t, serta tidak besesuaian dengan sifat keesaanNya itu adalah dilarang.

3. Adab Perhiasan melalui pakaian dan peralatan

Allah s.w.t menyuruh hamba-hambanya memakai perhiasan melaiui pakaian sehingga tidak membuka aurat terutamanya apabila mengunjungi masjid. Tuntutan beribadat dengan pakaian yang menutup aurat merupakan suatu keindahan. Sesuatu yang indah akan memberi kesenangan terutamanya kepada pemakai dan pemerhati. Memakai perhiasan ketika pergi masjid ialah dengan mengenakan barangan indah pada badan termasuklah wangian minyak atar kepada kaum lelaki khususnya pada hari Jumaat. Manakala perhiasan di rumah ialah menempatkan perabut yang dengan elok, lukisan yang indah, permaidani yang cantik, kain jendela dan pintu yang menarik pandangan dan lain-lain. Ia dapat diusahakan dengan seni bangunan atau senibina

Bentuk-bentuk perhiasan dikemukakan oleh Sidi Gazalba seperti berikut;

a. Perhiasan suara (seni suara)
b. Perhiasan bunyi-bunyian (seni muzik)
c. Perhiasan bahasa (sastera)
d. Perhiasan garis, ruang, warna, bayang(seni lukis)
e. Perhiasan kayu, batu, logam (seni arca)

f. Perhiasan bahan-bahan kain (seni pakaian)
g. Perhiasan selera (seni masak-memasak)

Oleh kerana Allah s.w.t membolehkan hamba-hambanya memakai perhiasan ke masjid, maka pastilah Allah membenarkan memakai perhiasan yang bermacam-macam itu di luar masjid dalam kehidupan sehari-hari dengan syarat batasan keindahan dan perhiasan yang bagaimanakah periu diperlihatkan. Suatu perkara larangan akan membawa dosa sekiranya keterlaluan di dalam perhiasan dan kesenian sehingga boleh membawa kealpaan dan kerosakkan keselamatan diri, hanyut di dalam nyanyian serta muzik yang melalaikan sehingga terlupa panggilan azan dan perkara ketaatan lain. Kelalalai dalam seni arca memungkinkan manusia memuja arca itu, manakala kelalaian dalam kesenian berpakaian menyebabkan manusia turut lalai kepada penutupan aurat (Sidi Gazalba:64).

Memakai bau-bauan dibenarkan, terutamanya hari Jumaat dan dalam pertemuan atau mesyuarat-mesyuarat istimewa dan wanita sesudah bersuci dari datang haid. Bau-bauan ialah bentuk bau yang menyenangkan hidung dan bagi kaum wanita boleh memakai perhiasan seadanya. Dalam kebudayaan, pakaian belum berfungsi secara tidak lengkap. Tetapi bagi kebudayaan yang sudah mencapai tamaddun, pakaian itu berfungsi sebagai penutup 'aurat. Pada hari ini, kebudayaan moden menampilkan pakaian sebagai perhiasan.

Firman Allah s.w.t: Maksudnya:
Hai anak Adam, sesungguhnya Kami penturunkan kepadamu pakaian untuk menutup 'auratmu dan pakaian untuk perhiasan. Dan pakaain taqwa itulah yang paling baik. (Al-'Araf 26)

Pakaian jenis pertama memenuhi tuntutan akhlak dan ditetapkan oleh agama. Jenis kedua memenuhi ruang kebudayaan secara umumnya dan seni khususnya. Jenis ketiga bersifat kiasan yang maksudnya supaya suruhan Tuhan tidak hanya dikenakan sekali-sekali dan laranganNya tidak hanya ditinggalkan sekali-sekali, melainkan dikerjakan terus-menerus, seperti pakaian yang dipakai di badan dan menutup aurat. Setiap orang dikehendaki memakai pakaian yang baik dan indah sesuai dengan kemampuannya. Hadis yang berkenaan ialah,

Maksudnya:
Datang kepada Rasulullah s.a. w seorang lelaki yang berpakaian kurang sempurna, maka kata Rasulullah s.a.w: "Apakah engkau mempunyai harta?". Jawabnya: 'Ada". Berkata Rasulullah s.a.w

lagi "Dari harta apa?..Jawabnya "Tuhan telah memberiku harta bermacam-macam". Maka berkata Rasulullah s.a.w "Kalau Allah telah berikan kepadamu harta, maka tampakkanlah nikmat dan kemuliaan Allah itu berbekas atasmu". (al-Bukhari-Muslim)

Bagi lelaki pula keindahan rambutnya turut diambil kira samaada mengguntingkan rambut yang panjang menjadi pendek atau mencukur rambut. Nabi Muhammad s.a.w menguruskan rambut sama ada menggunting dan mencukur misai adalah disuruh, dan membuang rambut berlebihan-berlebihan di ketiak dan pusat. Suruhan mencukur misai, membuaag rambut berlebihan di ketiak dan pusat seperti petikan hadis:

Maksudnya:
"Datang kepada Rasulullah seseorang yang rambutnya dan janggutnya panjang tidak teratur, maka Nabi memberi isyarat kepadanya menyuruh memperbaiki (mendandani) rambutnya, lalu dilakukannya, kemudian dia pulang. Maka Nabi s.a.w bersabda Bukankah ini lebih baik dari kalau datang seseorang kamu dengan rambutnya tidak teratur seolah-olah dianya syaitan".
(Malik dalam kitab Muaththa).

Jelas daripada hadis ini bahawa Nabi s.a.w menilai keburukan itu melalui ketidakkemasan rambut. Dirinya seumpama diri syaitan. Ini bermakna dirinya digambarkan jahat. Oleh itu dinasihatkan kepada mereka yang terlibat di dalam seni khususnya penyanyi dan pelakon memelihara kekemasan dan pandai menguruskan rambut agar didak diumpamakan seperti di atas.

4. Pandangan yang dikemukakan berkenaan dengan Adab kesenian:

Al-Nabusi seorang ulama abad ke Xl H. berfatwa bahawa hadis-hadis yang dianggap alasan untuk mengharamkan muzik itu haram sekiranya berhubung dengan perbuatan-perbuatan haram seperti minum arak, berzina, pergaulan bebas dan sebagainya. Dikecualikan pada pendapat ini, terdapat di antara ulama-ulama yang menyatakan bahawa seni suara dan muzik itu tidak sahaja halal, bahkan mustahak, sebab memperluaskan perasaan dan menyebabkan manusia rindu kepada Allah s.w.t.

Seni yang tidak mempunyai adab dan mempunyai unsur-unsur kepada hukum haram seperti berikut adalah Seni yang tidak menepati hukum ketetapan Allah s.w.t.

a) Seni suara dan seni muzik terikat pada *al-malahi* iaitu perkara yang menyebabkan seseorang lupa Allah s.w.t seperti al-khamr iaitu meminum arak dan *al-qainat* iaitu penyanyi cabul.
b) Seni rupa yang berbentuk gambar seperti manusia, seperti patung yang berhubungan dengan jiwa, kemusyrikan serta penyembahan berhala sehingga menimbulkan puji-pujian kepada selain Allah s.w.t.

Seperti yang diketahui, seni merupakan naluri dan fitrah manusia. Hukumnya asal halal tetapi sekiranya bahan-bahan, unsur-unsur yang terdapat di dalamnya, meninggalkan adab Islam menyebabkan seni dihukum halal atau haram. Selain daripada itu ia juga dilihat kepada bentuk, cara perlaksanaan, akhlak seniman, artis, budayawan yang menerapkan kemurnian nilai-nilai Islam terhadap persembahan. Janganlah seni hanya bertujuan mendapatkan keuntungan dari sudut ekonomi dan populariti sahaja tetapi perlulah di ambil perhatian dari segi hukum penerimaan di sisi Allah s.w.t. Persembahan kesenian dan kebudayaan yang dilakukan hendaklah tidak mengabaikan perkara ibadat kerana ia merupahan tuntutan yang wajib ditunaikan. Cara, pelaksanaan atau persembahan serta tindakan vana tidak menyalahi perkara dan hukum ketetapan Allah s.w.t dan Rasul-Nya maka ianya tetap menjadi halal.

5. Unsur-unsur kesenian yang tidak memelihara adab

Unsur-unsur kandungan kesenian atau bahannya mestilah diteliti satu demi satu dalam menentukan nilainya. Apabila unsur dan kandungan kesenian bermanfaat kepada agama, jiwa, akal, keturunan dan harta, maka kesenian tadi diharuskan dan hukumnya halal. Sebaliknya yang berlaku pada hari ini ialah kegiatan melihat pornografi, walaupun ia menyenangkan manusia yang rosak peribadi, maka hukumnya tetap haram kerana membawa kerosakan dan ketidaksejahteraan hati dan fikiran. Contoh lain ialah seperti berpelukan di antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram dan bukan pasangan sah ketika menari atau bersentuhan menyebabkan hukum kesenian tidak halal.

Begitu juga dengan wanita berpakaian dengan mendedahkan 'auratnya di khalayak ramai. Pasti juga seni tarian dan nyanyian mereka haram kerana bertentangan hukum Allah s.w.t yang mewajibkan wanita menutup 'aurat. Begitu juga hukum yang sama kepada penciptaan terhadap seni, karya sastera, nyanyian, muzik, tarian, lukisan, arca, drama, seni pakaian dan lain-lain sekiranya dinikmati sehingga membawa kepada kerosakan dan kelalaian

terhadap agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Pelukis yang seninya nampak di atas lukisan sekalipun. Oleh itu lukisan seumpama itu dalam pendedahan aurat wanita, melambangkan ketuhanan dan kerasulan adalah haram dan turut terlibat kepada penonton juga. Islam menolak pemain muzik yang mendendangkan bunyian sehingga pendengarnya teransang melakukan pergerakan tidak sihat, tidak sopan seperti muzik *rock and roll*. Islam juga melarang tarian yang dilakukan bersama di antara lelaki dan perempuan. Larangan penciptaan patung yang akan menjadi pujaan rakyat atau sebahagian rakyat, seperti mencipta patung yang besar dan berjasa kepada sesuatu bangsa serta memberikan kemuliaan kepada patung. Dari aspek drama atau filem yang dipaparkan di televisyen juga turut mempengaruhi kejiwaan terutamanya anak-anak muda. Sekiranya ia melakukan kejahatan dan menarik penonton turut melakukan aktiviti mengikut naluri tidak sihat maka dalam hal ini juga dihukum haram. Seni yang yang dipertontonkan melalui pakaian sehingga mendedahkan'aurat juga haram. Oleh itu, unsur-unsur, kandungan dan adab dalam kesenian yang perlu dipelihara sepenuhnya khusus mereka yang terlibat dalam kesenian.

H. Kesimpulan

Adab, unsur, etika dan akhlak Islam yang dipatuhi oleh pengamal seni, pendengar, pemerhati dan selain daripada itu yang menentukan seni di terima, bernilai, halal, makruh atau haram. Al-Quran dan hadis jelas menyatakan perkara yang mandatangkan kebaikan dan keburukan dalam sesuatu perkara, menggariskan panduan, menganjurkan aktiviti bermanfaat, menggalakkan penerapan unsur-unsur positif dalam kesenian. Ini disebutkan hubungan keindahan dan moral mempunyai kaitan dalam kesenian seperti hadis: Yang maksudnya:

> *"Sesungguhnya Allah Maha indah. Allah suka kepada keindahan. Sesungguhnya Allah itu Maha baik. Dia suka kepada kebaikan".*

Dengan sedikit penjelasan dalam kertas kerja ini mengenai adab, unsur dan nilai yang perlu ada dalam kesenian mengikut bidang-bidang kesenian dapatlah kita mengahayati dan mengaplikasi kesenian yang dibenarkan oleh agama Islam dengan murni tanpa ada sebarang pencemaran melalui gambaran, tingkah laku dan perkataan sehingga merosakkan sesuatu yang dapat diatur untuk pembangunan akal, jiwa, fizikal dan rohani.

BAB III

Perkembangan Seni pada Masa Rasulullah SAW dan Khulafah al-Rasyidun

BAB III

PERKEMBANGAN SENI
PADA MASA RASULULLAH DAN KHULAFAH AL-RASYIDUN

A. Seni Kaligrafi

Dalam perkembangan seni-seni Islam, kaligrafi menduduki tempat yang sangat penting. Hal ini karena kaligrafi, dalam seni Islam, merupakan sentral (pusat) ekspresi seni, yang berpengaruh terhadap ekspresi bentuk kebudayaan Islam secara umum, karena pemakaian kaligrafi yang tersebar di berbagai bentuk media ungkap seni rupa Islam. Keistimewaan kaligrafi juga terlihat terutama karena ia merupakan hasil murni orang Islam sendiri, tidak seperti jenis-jenis seni Islam yang lain, seperti seni arsitektur, lukis,dan musik, misalnya, yang tidak sedikit mendapat pengaruh dari non-Islam seperti yang akan kita lihat dalam pembahasan periode-periode kerajaan Islam nanti. Karena itulah pembahasan tentang kaligrafi lebih didahulukan dalam modul ini.

Jauh sebelum Nabi Muhammad dilahirkan, bangsa Arab hampir-hampir tidak mengenal tulisan, bahkan dari satu sisi, "anti huruf'. Meskipun orang-orang Arab dikenal sebagai bangsa penyair, namun tulisan mereka tidak termasuk ranking tulisan "populer", yang dapat bersaing dengan tulisan-tulisan kuno yang agung seperti *Hiroglif* (Mesir), *Devanagari* (India), *Kami nomoji* (Jepang), *Azteka* (Indian), *Fonogram*/Huruf Paku (Assiria), *Romawi, Babilonia, Cina* dan lain-lain. Tradisi "dari mulut ke mulut" dalam menyampaikan pesan atau menalar syair dan menghafal silsilah menyusutkan hasrat dan kemampuan orang Arab untuk mengangkat tulisan mereka ke derajat yang tinggi, tidak seimbang dengan pangagungan mereka terhadap puisi.

Kehadiran Al-Quran telah mengubah total bangsa Arab, dari suku bangsa yang kurang mengenal tulisan kepada pionir-pionir yang sanggup menampilkan huruf-huruf terindah di dunia.

Sebagai pertanda *bi'sah* kerasulannya, pada usia 40 tahun Muhammad saw. menerima wahyu pertama, yang terdiri dari lima ayat pertama Surah al-'Alaq ayat 1-5 yang artinya:

> "*Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan. Menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmu Maha Mulia. Yang mengajar dengan pena. Mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya.*"

Bagi bangsa Arab, dalam kondisi lalai seperti itu, kehadiran ayat-ayat Al-Quran ini bagaikan motivasi utama. Bagi kaum muslimin, wahyu pertama tersebut menjadi "proklamasi" kewajiban membaca dan menulis, yang menduduki tempat tertua dalam pembentukan kebudayaan Islam pada masa-masa berikutnya. Apalagi wahyu pertama tersebut kemudian ditingkatkan dengan turunnya ayat-ayat lain yang mengisyaratkan kemestian budaya tulis-menulis, seperti perumpamaan seluruh pohon di bumi dijadikan pena, tidak, akan cukup untuk menulis kekuasaan Allah (31:27), perumpamaan air laut sebagai tinta yang tidak akan cukup untuk menuliskan kekuasaan Allah meskipun ditambah lagi dengan tujuh kali air laut yang ada di bumi (31:27, 18:109) beberapa ayat yang menyebutkan bahwa dua malaikat selalu mencatat perbuatan manusia; Al-Quran yang tertulis dalam *Lauhul-Mahfuz* (85:21-22), dan lain-lain.

Semua ayat-ayat di atas merupakan penghargaan yang sangat tinggi terhadap pena, tinta, buku dan tulisan atau catatan. Di sini dapat kita pahami bahwa tulis-menulis memperoleh asal-usul yang langsung dari Allah, melalui firman-firman-Nya tersebut.

Meskipun demikian, beberapa tahun pesan ayat-ayat ini belum banyak mendapat perhatian. Hanya ada beberapa tokoh yang belajar menulis dari Bisyr dan Harb, dua moyang pembawa kaligrafi kepada tokoh-tokoh Quraisy. Mereka adalah Umar ibn Khattab, Usman ibn 'Affan, Ali ibn Abi Thalib, Talhah ibn Abdullah, Abu Ubaydah ibn Al-Jarrah dan Mu'awiyah ibn Abi Sufyan.

Awal kebangkitan minat baca-tulis di kalangan kaum muslimin barulah setelah Nabi dan para pengikutnya hijrah ke Madinah, meninggalkan kota Mekah yang penuh anarki. Meskipun Nabi saw dikenal urnmi (Q. 7:157-158) tetapi beliau menyuruh umatnya agartidak menjadi orang bodoh. Beliau memberi perhatian besar kepada tulis-menulis dan kaligrafi. Hal ini terlihat, di samping dari sebuah Hadisnya, dalam sejarahpun kita mendapatkan kenyataan bahwa paratawanan perang Badar yang tidak mampu membayar tebusan masing-masing oleh Rasulullah diminta agar mengajar sepuluh anak muda Madinah membaca dan menulis. Saat wahyu penghabisan turun Rasulullah telah memiliki lebih dari 40 ahli tulis. Empat di antara juru tulis utama Rasulullah (dan kelak menulis mushaf-mushaf Usman) adalah Zaid ibn Sabit, Abdullah ibn Zubair, Said ibn Al-'As dan Abdur-Rahman ibn Al-Haris ibn Hisyam.

Sedangkan seni tari, meskipun ada kalangan yang menolak, namun berkembang luas di zaman Abbasiyah terutama di istana-istana, gedung-gedung khusus, dan taman-taman ria. Hal ini tidak lepas dari kemewahan hidup dan kemakmuran yang dicapai oleh kemajuan tamaddun Islam. Dari sini beberapa jenis tari Islam kerap menyeleweng kepada tari yang hanya bersifat hiburan semata. Pengarang kitab ilmu seni tari yang pertama dalam Islam di masa ini ialah Al-Farabi dengan judul Kitab *al-Raqs wa al-Zafn*.

D. Seni Arsitektur

Pada masa Daulah Abbasiyah perhatian kepada arsitektur semakin tampak nyata, dengan banyaknya peninggalan yang masih tersisa hingga kin, seperti istana Baghdad, Samarra, Ukhaidir, pintu gerbang Raqqa di Baghdad, dan beberapa masjid yang dibangun oleh para Khalifah Abbasiyah. Dekorasi untuk bangunan-bangunan ini sangat kaya, baik yang bercorak naturalistik (gambar makhluk hidup dan tetumbuhan) maupun abstrak. Bahan-bahan yang dipakai adalah marmer, kayu, keramik dan materi awet lain.

Penting diketahui, bahwa dekorasi naturalistik hanya dipakai untuk arsitektur istana. Sedangkan untuk arsitektur masjid menggunakan dekorasi abstrak, baik abstrak geometrik (berupa jalinan garis-garis) maupun floral (berupa penggayaan bentuk daun dan tumbuh-tumbuhan)

LAMPIRAN N

Gambar 4.11: Istana Jawsaq al-Khaqanī

Sumber: Henri Stierlin 2002: 128.

BAB VII

Perkembangan Seni Pada Masa Daulah Turki Utsmani

BAB VII

PERKEMBANGAN SENI PADA MASA DAULAH TURKI UTSMANI (Turki, 1299-1922M)

A. Seni Kaligrafi

Setelah jatuhnya Daulah Abbasiyah oleh penjarahan tentara Mongol, pada tahun 1258 M., dunia Islam terpecah ke dalam beberapa pemerintahan yang tersebar di banyak wilayah, yakni Turki, Iran, Asia Tengah dan kesultanan Mamlukdi Mesir dan Syria. Dapat ditambahkanlagi, wilayah Spanyol dan Maroko, yang telah memisahkan diri sejak awal pemerintahan Abbasiyah, dan diperintah oleh keturunan Umawiyah.

Selarna rentang waktu yang begitu lama, setiap wilayah ini terus mengembangkan kaligrafi dan memakainya dalam berbagai media ungkap seni seperti keramik, ukir, tekstil, naskah-naskah keilmuan dan karya-karya arsitektur. Pematangan gaya-gaya kaligrafi dan penemuan bentuk-bentuk baru pun terdapat di beberapa wilayah. Hal ini dimungkinkan karena dorongan yang tidak pernah lentur dari pihak istana dan elite sosial yang ada. Pada

wilayah tertentu terdapat gaya khas, seperti di Persia (Iran) dengan gaya Ta'liq dan Nasta'liq (Farisi), atau wilayah Afrika Barat yang mengembangkan gaya Kufi tersendiri, dengan ciri-ciri yang berbeda dari wilayah lain. Meskipun demikian, pemakaian, gaya-gaya *Al-Aqlam As-Sittah*, terutama *Naskhi* dan *Sulus* tetap mendominasi penulisan kaligrafi di hampir seluruh wilayah Islam. Pembakuan kaidah penulisan yang dirintis oleh Ibn Muqlah tetap dijadikan pedoman.

Daulah Usmaniyah, yang mengambil nama dari pendirinya, meskipun pembentukan kekuasaannya terhitung sejak tahun 1299, namun kerajaannya tidak sepenuhnya mapan sampai mereka menaklukkan Kesultanan Mamluk pada tahun 1517, dan mewarisi wilayahnya yang mencakup Syiria, Mesir dan Jazirah Arab ke dalam kerajaannya. Ini mengakhiri lembaran kejayaan kaligrafi Mamluk, dan membuka dunia sejarah kaligrafi batu, yang mungkin terakhir dalam sejarah kaligrafi Isl am. Oleh sebab itu, dari masa ini sampai perkembangan terakhir, sejarah kaligrafi Islam dan juga cabang-cabang seni lain selalu terkait dengan Daulah Usmaniyah.

Pada masa Usmaniyah, kaligrafi mendapat perhatian yang demikian besar dari para penguasanya, sehingga seluruh gaya berkembang biak dengan kegairahan dan imajinasi yang

luar biasa. Beberapa raja dinasti ini bahkan tercatat sebagai kaligrafer terkemuka, yang karyanya dapat bersaing dengan kaligrafer profesional.

Sumbangan terbesar Daulah Usmaniyah dalam kaligrafi adalah sumbangan Syaikh Hamdullah Al-Amasi (wafat 1520 M.), yang dipandang sebagai pendekar terbesar sepanjang dinasti ini. Dia mengajar kaligrafi pada Sultan Bayazid II (1481-152Q M.) yang sangat menghormatinya dan membayarnya mahal untuk setiap tinta yang mengalir. Murid Syaikh Hamdullah yang paling terkenal adalah Ahmad Qurahisari (wafat 1555 M.), yang meninggalkan banyak karya.

Kaligrafer terkemuka lain yang datang belakangan adalah Usman ibn Ali, yang lebih dikenal dengan Hafiz Usman (wafat 1698 M.), yang sangat matang khususnya dalam gaya *Naskhi* dan *Sulus*. Ia dipuji karena menulis *Hilyah* (kaligrafi puji-pujian untuk Nabi Muhammad) yang sangat elegan, dan berbeda dengan gaya yang ada sebelumnya.

Setelah mengalami sejarah yang panjang, kaligrafi di Turki menjadi semakin kaya dengan ditemukannya gaya-gaya baru, yang ciri-cirinya sangat spesifik, yakni *Diwani*, *Diwani Jali* (merupakan pengayaan khat *Diwani*), *Sikastah*, dan *Sikastah-Amiz*, (mencipakan pengayaan khat *Sikastah*).

Kaligrafi *Diwani* (berarti kantor) dipakai untuk menulis dokumen-dokumen resmi Negara, demikian pula *Diwani Jali*, meskipun penggunaannya lebih tetbatas, mengingat sangat rumitnya jenis khat ini. Gaya ini mulai dikembangkan khususnya pada akhir abad ke-15 oleh Ibrahim Munif, yang kemudian disempurnakan untuk *Diwani Jali* Sedangkan gaya *Sikastah* dan *Sikastah-Amiz*, yang penciptanya berkait erat dengan gaya *Ta'liq* dan *Nasta'liq* khas Persia, Kebanyakan dipakai untuk surat-menyurat pribadi dan usaha, atau tulisan tangan biasa bagi-bahasa Persia dan Urdu.

Di samping gaya-gaya temuan baru di atas, dinasti Usmaniyah juga mencatat gaya-gaya baru lain seperti, *Riq'ah*, *Siyaqah*, Huruf *At-Taj* (mahkota), *Sunbuli*, *Tughra'* dan lain-lain.

Khat Diwani berkarakter bulat-bulat, dan penulisannya sangat tergantung dari kreativitas sang penulisnya.

B. Seni Suara, Musik, dan Tari

Perkembangan ketiga seni ini, yang mulai marak sejak masa Daulah Umayyah dan mencapai puncaknya pada masa Abbasiyah, setelah peralihan kekuasaan ke tangan orang-orang Turki, jenis kesenian ini memperoleh pengkayaan yang luar biasa. Meskipun dalam beberapa hal seni musik memperoleh tantangan dari para ahli hukum agama, namun hal tersebut tidak pernah menyurutkan kegairahan mencipta. Kenyataan malah menunjukkan sebaliknya, seni musik dipakai untuk banyak kesempatan, baik untuk keperluan yang duniawi sifatnya, seperti musik angkatan perang, maupun keagamaan, seperti yang terlihat dalam kelompok-kelompok para darwis (tasawuf).

Seni musik, sejak jauh sebelumnya, telah mendapat perhatian kalangan filsuf dan ahli tasawuf, seperti Al-Kindi, Ibn Sina, Al-Farabi, Hasan Al-Basri, Al-Ghazali dan lain-lain. Dari pendapat mereka dapat disimpulkan bahwa musik dapat dijadikan sebagai sarana pendekatan kepada Tuhan, melalui zikir. Yang kemudian menonjol, dan masih ada sampai sekarang, adalah musik dan tarian kelompok tasawuf Maulawi yang pada awal nya di kembangkan oleh Maulana Jalaluddin Rumi (wafat 1273 M). Kelompok yang bermukim di Konya, Asia Kecil, ini memakai suling (*nay*) untuk melengkapi instrumen musiknya, dan dengan tarian berputar-putar (*the whirling dervishes*). Karya musik dan tari yang dikembangkan oleh Jalaluddin Rumi, seorang penyair ulung dengan Masnawi yang ribuan bait, ini diikuti oleh banyak kelompok tasawuf terutama Turki, sampai sekarang.

Seni suara dalam Islam terbagi menjadi dua, *ghina'* (nyanyian yang sifatnya duniawi), dan *ta'bir* (untuk keperluan agama). Termasuk yang kedua adalah *qira'ah* (melagukan bacaan Al-Quran), azan, dan lain-lain. Kedua corak seni suara ini berkembang dengan baik selama periode Usmaniyah, dengan terjemahannya beberapa corak lagu yang khas. Mereka pun membentuk kelompok. Diceritakan, pada pertengahan abad ke-17 ada 700 orang anggota serikat mu'azzin di Istambul.

C. Seni Lukis dan Arsitektur

Seni lukis pada masa ini pun berkembang dengan baik, seperti yang tertuang pada keramik, dinding, kayu, lukisan-lukisan potret para sultan, dan lain-lain. Seni lukis periode ini dipengaruhi kuat oleh corak Bizantium (Romawi) yang naturalistik. Beberapa pelukis dari Barat ini memang sengaja didatangkan untuk melukis di istana. Corak dekoratif floral (tumbuh-tumbuhan, daun, dan buah) adalah corak yang sangat menonjol dari periode ini, dengan penggambaran yang lebih naturalistis daripada periode sebelumnya. Gaya yang sama juga terlihat pada penggambaran makhluk-makhluk hidup dalam lukisan-lukisan miniatur.

Dalam bidang arsitektur, karya-karya periode ini dapat dipisahkan ke dalam dua masa, yakni karya sebelumnyatahun 1500—tidak lama setelah penaklukan Konstantinopel pada 1453—dan sesudahnya, karya sebelum tahun 1500 dipengaruhi oleh gaya dari masa pemerintahan dinasti Saljuk di Turki (1077-1327 M.). Sedangkan karya-karya sesudah jatuhnya Konstantinopel sangat dipengaruhi oleh arsitektur gereja Aya Sofia - sebuah karya arsitektur yang terpusat pada kubah.

Seorang yang paling besarpada jasanya dalam keseluruhan produk bangunan Daulah Usmaniyah adalah Sinan (1583), seorang arsitek raksasa yang membangun hampir seluruh karya arsitektur periode ini. Di antara karyanya, yakni Masjid Sultan Salim II di Edirrle (1570-1574), Masjid Sehzade, Masjid Sulaimaniyah (atas perintah Sultan Sulaiman Agung), makam Sultan Sulaiman dan permaisurinya, Masjid Rustem Pasha (1550), Masjid Sokullu Mehmed Pasha (1571-1572), dan lain-lain.

Ciri khas dari karya Sinan adalah terpusatnya keseluruhan bangunan utama pada kubah, yang seperti diakuinya, dipengaruhi oleh arsitektur Aya Sofia. Meskipun demikian, pengayaan khas Islam juga diperlihatkan oleh Sinan, dengan penyempurnaan pada aspek pencahayaan, dekorasi, sirkulasi udara, menara, dan lain-lain. Interiornya dipenuhi oleh dekorasi kaligrafi (dalam berbagai gaya khat), hiasan floral dan geometrik,yang memenuhi seluruh dinding, tanpa sisa. Masjid-masjid ini pun diperkaya dengan ruang-ruang tambahan untuk sekolah, pengurus masjid, peristira sultan, atau bahkan bazar, untuk masjid yang luas.

Seorang arsitek lain yang pantas disebut dari periode ini adalah Hayruddin, yang membangun Masjid Sultan Bayazid II (1500-1505). Corak karyanya juga memusatkan bangunannya pada kubah utama.

D. Kesimpulan

Pada masa Daulah Usmaniah kaligrafi dan cabang seni-seni yang lain mendapatkan perhatian besar dari para rajanya, sehingga seluruhnya dapat berkembanga dengan baik.

Sumbangan terbesar Daulah Usmaniah terhadap kaligradi adalah sumbangan Syaikh Hamdullah al-Amsi (wafat 1520M), yang merupakan pendekar terbesar sepanjang kekuasaan ini. Muridnya yang paling menonjol adalah Ahmad Qarahisari (wafat 1555 M). dan kaligrafer lain ternama adalah Hafiz Usman (wafat 1698 M), yang jeinis khususnya dalam gaya *Naskhi* dan dan *sulus*.

Seumlah gaya kaligrafi baru yang ditemukan pada periode ini adalah *Diwani, Diwani Jali, Sikastah-Amiz, Riq'ah, Siyaqah, Sunbuli, Tughra'* dan lain-lain. Gaya-gaya tersebut memiliki cirri-ciri khas tersendiri. Seni musik dan tari dalam periode ini memperoleh pengayaan baru ditangan Maulana Jalaluddin Rumi (wafat 1273 M), dengan menggunakannya sebagai unsur yang terpisahkan dari system tasawufnya. Rumi, yang terkenal dengan puisi tasawufnya. Rumi, yang terkenal dengan puisi *Masnawi*-nya (puisi dua bait) mendirikan kelompok tasawuf Maulawi.

BAB VIII

Perkembangan Seni Pada Masa Daulah Mughal India

BAB VIII
PERKEMBANGAN SENI PADA MASA DAULAH MUGHOL (India, 1526-1857 M)

A. Seni Kaligrafi

Barangkali karena letak geografi India yang jauh dari pusat kebudayaan Islam yang utama, kaligrafi pada periode Moghul tidaklah mencatat perkembangan yang begitu berarti. Walaupun ada yang pantas dicatatdari gaya temuan baru,yakni gaya *Bahari* yang muncul pada abad ke-14. Ciri utamanya bergaris lebar, tebal dan memanjang, sementara garis vertikalnya kecil. Gaya ini dipengaruhi oleh khat *Kufi* dari Herat. Namun sejauh ini gaya tersebut tidak menjadi gaya yang monumental atau banyak dipakai di wilayah-wilayah Islam.

Secara umum ahli kaligrafi di India maupun Atganistan dipengaruhi secara langsung oleh ahli kaligrafi Persia. Gaya *Ta'liq* dan *Nasta'liq*, dipakai sebagai tulisan nasional untuk bahasa Urdu. Sementara di wilayah Afganistan dan bagian-bagian tertentu India menggunakan gaya *Naskhi* tersendiri, dengan ciri garis mendatarnya lebih tebal, garis vertikal

tipis dan bulat-bulat untuk huruf-huruf melengkung. Ciri ini berbeda dengan gaya *Naskhi* biasa, dan karena itulah lazim disebut *Naskhi* India. Kaligrafi *Sulus*, dalam beberapa contoh, juga mendapatkan deformasi tambahan untuk dekorasi yang, sama, karenanya disebut *Sulus India*.

Perkembangan ini sepenuhnya dikukuhkan oleh dinasti *Moghul* (1526-1857 M.) yang wilayah pemerintahannya mencakup India dan Afganistan.

B. Seni Sastra dan Lukis

Seni sastra yang berbentuk puisi dan prosa, seperti halnya di kerajaan-kerajaan Islam lain, dikembangkan di istana, untuk kepentingan pribadi sang raja. Oleh karena itu, beberapa kitab sastra periode ini berisi puji-pujian terhadap raja yang memerintahnya. Di samping itu terdapat juga karya yang berisi biografi, dengan subjektivitas tertentu, meskipun dengan penceritaan yang cukup mendetil. Sedangkan puisi-puisi keagamaan dikarang oleh kelompok-kelompok keagamaan tertentu.

Dalam abad pertama masuknya Islam di India sampai permulaan berdirinya kerajaan Moghul, seni lukis tidak populer, baik di kalangan istana maupun masyarakat. Kehadiran dinasti Moghul membawa angin segar bagi perkembangan seni lukis, karena raja-raja dinasti ini dikenal sebagai pelindung seni yang fanatik. Seni ini berkembang di kalangan istana dan bangsawan saja, dan tidak menyentuh masyarakat umum. Dinding-dinding istana dan buku-buku dilukis dengan indah.

Gambar 69:
Sebuah gelas lampu yang diglajur dengan hiasan tumbuh-tumbuhan dan tulisan Arab. Berasal dari Syria, 1400 M.

Pelukis istana cukup terkenal periode ini adalah Mir Sayid Ali dan Abdul Samad, berasal dari Persia, yang sengaja diundang untuk bekerja di istana Moghul oleh Sultan Akbar (1556-1605 M.). Dengan demikian corak seni lukis Persia tampak sekali, karena kekayaan dekorasi dan gaya naturalis makhluk hidupnya.

Sebuah kepahlawanan yang sarat dengan lukisan adalah Hamza-Nama, memuat kira-kira 4000 lukisan, yang dikerjakan oleh 50 orang pelukis, di bawah pimpinan Mir Sayid Ali dan Abdul Samad. Kitab ini dikerjakan atas perintah Sultan Akbar.

C. Seni Arsitektur dan Dekorasi

Pada abad awal masuknya Islam di India, karya arsitekturnya menunjukkan corak ke-Araban dan belum menunjukkan pengaruh Hindu, seperti pada gapura Bab Alauddin. Namun setelah berdirinya kerajaan Moghul, yang raja pertamanya, Babur, keturunan Mongol asal Persia, lambat laun karya arsitektur periode ini sangat diwarnai pengaruh Persia dan gaya setempat. Karya-karya arsitektur utama periode ini, di antaranya, Turbah (makam) Sultan Akbar, Taj Mahal, Masjid Moti, Masjid

Akbar Delhi, Istana Syah Jehan, Istana Fathpur Sikri, beberapa masjid penting, dan lain-lain.

Turbah Sultan Akbar merupakan karya arsitektur atas perintah Sultan Akbar(1556-1605), seorang raja yang sangat memperhatikan masalah kesenian. Karya penting lain dari masa pemerintahannya adalah istana Fathpur Sikri, terletak di sebelah barat Agra. Istana ini dianggap sebagai karya *masterpiece* arsitektur permulaan di nasti Moghul. Bangunan ini menjadi penting karena banyak unsur yang dipakai, yang merupakan perkawinan dari unsur-unsur khas Arab, Asia Tengah dan bentuk-bentuk tradisional Rajput India. Keragaman ciri ini tertuang dalam bentuk dekorasi dan konsep arsitekturnya, yang didominasi oleh batu merah.

Penerus Sultan Akbar adalah Syah Jehan. Ia membangun beberapa bangunan penting, antara lain Taj Mahal, Masjid Moti, Masjid Akbar Delhi dan Istana Syah Jehan. Taj Mahal dibangun untuk istri yang sangat dicintainya, Mumtaz Mahal, pada tahun 1635. Arsitektur ini dipengaruhi oleh kubah gaya Timuriyah, dengan taman terbuka di bagian depan, dan materi keseluruhan bangunan dari marmer putih. Bangunan i ni, diceritakan, di kerjakan oleh ;20.000 orang, dan selesai dalam waktu 17 tahun. Taj Mahal memiliki empat pintu, dengan ketinggian 20 meter, dan ketinggian kubah 80 meter. Dekorasi yangdipakai bercorak floral, dan kaligrafi surah Yasin di bagian muka, dalam gaya *Sulus* biasa. Tidak jauh dari bangunan raksasa ini mengalir sungai Yamuna, yang menambah kesempurnaan peninggalan seni Islam terindah ini.

Kemudian, karya arsitektur di bawah Syah Jehan yang lain adalah Masjid Moti di Agra, tahun 1656 M. Masjid yang juga disebut Luk-luk (mutiara) ini termasuk peninggalan terindah di kota tua tersebut. Sedang Masjid Akbar Delhi didirikan Jehan di kota Delhi, tahun 1650 M. Masjid dengan pengaruh arsitektur Indo-Persia dan dalam beberapa hal corak Hindu ini berpintu tinggi, lengkung dan berhias.

Sedang istananya yang dia dirikan dengan sekeliling tembok tebal, sebagai benteng perlindungan dibangun pada tahun 1648 M. Istana Syah Jehan ini terletak di kota Delhi dan suka di sebut juga Istana Moghul.

Karya-karya monumental Moghul ini, sampai sekarang tak pernah sepi dari turis, yang datang dari seluruh dunia.

D. Kesimpulan

Sebuah gaya temuan baru Daulah Mughol adalah gaya *Bahari*, yang muncul pada abad ke-14. Secara umum ahli kaligrafi di India dan Afganiistan dipengaruhi secara langsung oleh kaligrafi Persia, dengan gaya khas mereka *Ta'liq* dan *Nasta'liq*. Namun disamping gaya-gaya tersebut Mogul pun mempunyai gaya khas mereka, yang merupakan demormasi dari khat *Naskhi* dan *sulus* dengan ciri-ciriyang berbeda dari biasanya.

Dukungan yang baik dari para penguasa Moghul menjadikan banyak jenis kesenian diperiode ini mengalami kemajuan, termasuk seni lukis dan sastera. Pengaruh Persia dalam seni lulis pun nyata, karena pelukis istana didatangkan dari wilayah tesebut.

Beberapa karya arsitektur periode ini antara lain, Trbah Sultan Akbar, Istana Fathur Sikri, Tak Mahal, Istana Syah Jehan, Masjid Moti, Masjid Akbar Delhi dan lain-lain.

Istana Fathpur Sikri (Istana Sultan Akbar) merupakan sebuah *masterpiece* arsitektur permulaan dinasti Moghul yang unik. Beberapa unsur yang dipakai merupakan perkawinan corak khas Arab, Asia Tengah dan bentuk-bentuk tradisional India. Sementara itu, karya agung arsitektur yang lain, Taj Mahal, lebih menampakkan cirri Asia Tengahnya daripada unsur-unsur lain. Ciri ini Nampak dari Kubah gaya Timuriyah, ketinggian pintunya, dan aspek-aspek arsitektur lainnya.

BAB IX

Mengenal Seni Bina (Seni Bangunan) Islam

BAB IX
MENGENAL SENI BINA (SENI BANGUNAN) ISLAM

A. Pengenalan

Gambar 31: Menara masjid aliran Turki. I

Islam wujud selepas atau sezaman dengan beberapa agama besar yang lain di dunia. Lantaran itu dari segi budayanya nampak ada semacam persamaan dan kesinambungan bentuk-bentuk dan ciri-cirinya, khususnya dari segi seni bina. Walau bagaimanapun dari pengertian yang khusus kita dapat membezakan seni bina Islam dengan seni bina yang lain.

Terdapat berbagai-bagai jenis binaan atau bangunan Islam sama ada yang berbentuk keagamaan mahupun yang berbentuk sekular. Seni bina keagamaan diciptakan untuk melayani fungsi keagamaan seperti masjid. Sedangkan seni bina sekular diciptakan untuk melayani fungsi sekular seperti istana-istana diraja, benteng, hospital awam, pasar dan lainnya. Ini tidak bererti bahawa bangunan-bangunan keagamaan seperti masjid tidak digunakan untuk kegiatan-kegiatan sekular seperti sosial, politik, ekonomi, pendidikan dan kebudayaan, dan tidak pula bererti bahawa

bangunan-bangunan sekular seperti istana tidak digunakan untuk kegiatan-kegiatan keagamaan. Dalam kenyataan, bangunan-bangunan keagamaan dan sekular sering melayani fungsi-fungsi keagamaan dan sekular sekaligus. Pada umumnya, kedua jenis bangunan ini adalah terletak dalam satu kawasan atau satu kompleks. Secara hakiki, Islam tidak memisahkan antara kehidupan keagamaan dan kehidupan sekular.

B. Definisi Seni Bina

Seni atau *art* pada asalnya didapati daripada perkataan latin, yang difokuskan kepada karya-karya tangan atau ukiran. Perkataan ini amat luas digunakan pada abad pertengahan khususnya yang bersangkutan dengan kerja-kerja tangan atau aktifiti mekanik dan ukiran. Seni juga merupakan satu manifestasi pemikiran, perasaan dan material yang lahirnya daripada satu-satunya ciptaan dari idea-idea yang bergelar seniman yang bergantung keatas kemampuan imaginasi pengetahuan dan tenaga untuk menghasilkan berbagai-bagai karya seni bina, sastera, muzik, lukisan dan sebagainya.[133]

Seni adalah cabang estetika yang mana ciptaan-ciptaan itu dapat menimbulkan *sensation* kepada penglihatan dan pendengaran untuk dinikmati oleh masyarakat atau seniman itu sendiri. Islam telah menetapkan garis panduan supaya seni itu dapat memberikan fungsi sewajarnya dan dapat menepati kehendak dan nsyariat Islam yang sebenarnya. Oleh sebab itu, seni yang sebenarnya bukanlah difokuskan kepada seni bina semata-mata tetapi termasuklah seni-seni yang disebutkan diatas tadi.[134]

Dalam konteks seni bina pula, ianya adalah seni yang membuat bangunan, tetapi jika perkataan ini dirujukkan kepada perkataan asalnya, ia memberi pengertian yang berlainan dan lebih luas lagi iaitu 'seni' dan 'bina'. 'Seni' mempunyai pengertian yang mencakupi konsep rupa, bentuk, gerak dan masa. Manakala 'bina' tidak khusus kepada rangka bangunan atau sesuatu bentuk fisikal tetapi meliputi tindakan dan juga konsep. Caudil, William Wayne, mendefinisikan seni bina adalah:

---

[133] Lois Lamya al-Faruqi, 1984, *Islamizing The Art Diciplines,* Third International Seminar on Islamic Thought, Kuala Lumpur, t.pt, hlm. 2.

[134] Syafie Abu Bakar, 1984, *Keindahan Dalam Kesenian Islam,* Seminar Kesenian Islam, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 6.

Penghayatan dan pengalaman yang perlu dinikmati oleh setiap orang, seseoranng itu menghayati dan menikmati ruang dan rupa bentuk melalui tiga reaksi yang berlainan tetapi berkaitan iaitu reaksi fizikal, reaksi emosi dan reaksi intelek. Pengalaman kesenibinaan akan memenuhi kehendak fizikal, emosi dan intelek, dan akan mencetuskan reaksi yang dapat dinikmati antara insan dan bangunan.[135]

Dalam istilah Arab, seni bina diistilahkan dengan *al-bina* yang bermaksud 'binaan' iaitu hasil pekerjaan kesenian yang disipta oleh pembina atau tukang batu. Istilah '*architecture*' atau 'seni bina' mula digunakan pada tahun 1563M lagi. '*arkhi*' memberi erti pintu gerbang , dan '*tecton*' memberi erti pembinaan gerbang, ketua tukang atau '*chief craftsman*', perkataan ini merupakan perkataan Greek '*Arkhitecton*'. Ringkasnya seni bina bermaksud bangunan-bangunan yang dicorakkan oleh seseorang yang berkebolehan dalam tiap-tiap pembinaan. Ianya merupakan hasil seni dan kemahiran membina binaan yang dihasilkan bagi memenuhi keperluan-keperluan manusia. Dalam sejarah, seni bina adalah pertalian yang rapat dengan bangunan-bangunan keagamaan dengan membina tempat-tempat ibadat yang merupakan bangunan yang berpengaruh dalam mana-mana jua pun masyarakat.[136]

Gambar 10:
Bentuk kubah aliran India.

Gambar 8:
Bentuk kubah aliran Turki.

---

[135] Caudil, William Wayne, Pena, Willaam Merriweather & Kennon Paul, 1991, *Anda dan Seni Bina,* Bagaimana Menghayati dan Menikmati Bangunan , terj. Kamaruddin Mohd Nor, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 4.

[136] Martin S.B, 1969, *Every Man's Consive Encyclopedia of Architecture*, London: t.pt, hlm. 17.

Bagi penulis, seni bina merupakan sesuatu yang menarik perhatian bagi setiap orang. Ianya lahir pada bangunan yang dibina oleh satu-satu masyarakat untuk mendiami didalamnya atau melindungi diri daripada sebarang sebarang ancaman. Bagi sebuah masyarakat yang tinggal menetap biasanya mempunyai teknik-teknik binaan yang menghasilkan seni bina. Kesenian itu akhirnya diwujudkan oleh mereka melalui lukisan-lukisan, binaan-binaan dan kraftangan-kraftangan yang menggambarkan kemahiran mereka dalam sesuatu bidang. Hasil kesenian itu juga berbeza dari kawasan satu dengan kawasan yang lain, keadaan sekitar juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi bentuk satu-satu kesenian tersebut.

Seni bina jelas membayangkan tamadun yang dilahirkan bukan sahaja dalam bentuk bangunan, bahkan juga pada tugu-tugu peringatan yang besar. Banyak tamadun-tamadun terdahulu lenyap diatas bumi ini, yang tinggal hanyalah runtuhan-runtuhan daripada tugu-tugu peringatan dan peninggalan-peninggalan yang diwarisi hasil binaan manusia. Kerja-kerja seni bina yang agung adalah menjadi simbol kekuasaan raja, dimana makin besar tugu itu bermakna makin luas kekuasaannya. Bandar-bandar dan seni bina kelihatan berjalan seiringan, apabila raja dan rakyat sesuatu dinasti membina bandar-bandar besar dan tugu-tugu yang tinggi seni bina diperlukan. Mereka mencuba sedaya upaya membina pelan-pelan yang baik dan struktur yang menjulang supaya dapat mencapai kemajuan yang tinggi.

C. Kedudukan Seni Bina Terhadap Seni Yang Lain

Bersadarkan Analisis Penulis Terhadap buku-buku sejarah seni bina mempunyai kedudukan dan atau berperanan penting terhadap seni yang lainnya sebagai tempat untuk mempamerkan atau penjelmaan seni yang lain. Ini dapat dilihat melalui dekorasi dan ornamentasi dalam suatu karya seni bina. Seorang sejahrawan seni Barat menggambarkan ornamentasi sebagai komponen produk seni yang ditambahkan, atau dikerjakan pada produk seni yang ditambahkan, atau dikerjakan pada produk seni itu dengan tujuan menghiasnya. Pada kenyataannya, dalam seni Islam ornamentasi atau *zukhruf* (dekorasi) bukanlah sesuatu yang ditambahkan secara sesuka hati pada sesuatu karya seni yang sudah selesai untuk sekedar menghias karya tersebut tanpa ada ertinya, ia juga bukan kerana untuk

memuaskan selera orang-orang yang mencari kenikmatan semata-semata, bahkan kedua-dua unsur tadi terdiri dari maksud keindahan dari sesuatu karya.[137]

Susunan dan kesatuan bangunan yang merupakan gabungan bahagian-bahagian seperti jendela dan pintu, lalu barang-barang yang digunakan untuk mengisi ruangan dalam seperti seni lukis, seni ukir, kaligrafi, lukisan dinding *stucco* dan *fresco* (gambar yang dilukis pada dinging atau siling sebelum plaster mulai kering) serta hiasan. Semuanya menjadi bahagian yang mendukung terbentuknya ungkapan dekorasi dan ormantasi, serta tidak dapat dipisahkan dari wujudnya penampilan seni bina Islam. Bangunan-bangunan dari seni bisan Islam pada zamannya yang tampil sebagai suatu kesatuan yang utuh, telah ditentukan cirinya yang khusus oleh bentuk-bentuk dekorasi dan ornamentasi tadi.[138]

Dalam kedudukan seni bina, antara lain penulis kemukakan tentang seni dekorasi dan ornamentasi inilah yang kiranya dapat menerangkan secara umum dan menyeluruh sifatnya dalam memberikan ciri yang khusus itu. Antara lain, keadaan tersebut akan terdapat pada unsur-unsur bentuk, bidang, garis, corak, warna dan kaitannya antara satu sama lain yang kemudian berpadu membentuk satu kesatuan, serta menurut pengertian seni, maka perkara tersebutlah yang menjadi elemen utama estetika.

Elemen utama tersebut dalam seni bina terdapat pada posisi bangunan, susunan ruang, penampilan yang diperoleh dari bentuk-bentuk kubah yang merupakan penampulan dari segi dekorasi. Demikian pula konstruksi yang disertai dengan pelbagai lekung, bidang-bidang tembok yang dilengkapi dengan jendela-jendela yang berpadu dengan gerbang dan gapura. Juga struktur bangunan yang terdiri dari bahan-bahan batu warna yang berpadu secara harmoni dengan penampilan lukisan pada dinding, mozek serta perpaduannya dengan hiasan arabseque dan pola hiasan geomatri serta hiasan kaligrafi.

[137] Ismail R. al-Faruqi & Lois Lamya al-Faruqi, 1998, *Atlas Budaya Islam*, bandung: Mizan, hlm. 412.
[138] Abdul Rochym, 1983, *Sejarah Arsitektur Islam*, Bandung: Angkasa, hlm. 150.

Gambar 18:
Lengkung Masjid aliran Moor.

Seni ukiran dalam ukuran yang lebih besar, juga diterapkan pad bangunan-bangunan Islam. Tiang-tiang kayu yang ditatah hampir keseluruhannya penuh dengan ukiran, bahkan mimbar pun tidak ketinggalan dari hiasan ukiran ini, seperti yang terdapat pada masjid Sidi 'Oqba, Qayrawain (pembinaan semula selepas tahun 732M). Blok-blok batu yang sebahagian mengisi celah-celah sambungan lengkung kubah, di ukir dan merupakan kerawang tempat sebahagian cahaya masuk ke dalam ruangan.[139] Dengan perkembangan seni ukir ini, maka jelaslah bentuknya dengan pelbagai bentuk hiasan yang menerap pula pada seni bina Islam. Malahan sebagai komponen seni rupa, maka seni hias ini merupakan jalan keluar dari adanya larangan bagi kaum muslimin untuk menggambarkan manusia dan makhluk hidup lainnya sebagai motif, berupa lukisan atau patung. Motif yang terpilih dan sesuai dengan tradisi lama ialah hiasan yang merupakan bentuk dari tumbuh-

[139] *Ibid.*, hlm. 154.

tumbuhan yang dibuat melingkar-lingkar dan meliuk-liuk mengikuti pila ornamen, yang kemudian terkenal sebagai hiasan *arabseque*.

Oleh itu, muncullah seni hias geometri yang dipadukan dengan hiasan huruf Arab. Mungkin keadaanini adalah sebagai akibat tersusan dari penghargaan yang baik terhadap seni kaligrafi dalam masyarakat Arab. Seni kaligrafi digunakan untuk penampilan hiasan di dalam masjid, sesuai untuk menerapkan tulisan dari lafaz-lafaz al-Quran yang menjadi hiasan pinggir yang meliputi keliling bahagian atas dinding masjid. Biasanya digunakan huruf *Arab Kufa* yang bermula sejak zaman dinasti Umayyah, pada zaman perkembangannya kemudian digunakan pula huruf *Arab Nashi* atau corak *Karmalis*.[140]

Bukti arkeologi secara umum menunjukkan bahawa pemakaian kaligrafi pada masa kerajaan Bani Umayyah masih terbatas dan lebih menonjolkan dekorasi floral dan geometri yang merupakan pengaruh kebudayaan Hellenisme dan Sasanid, namun paa masa kerajaan 'Abbasiyyah bukti sejarah menujukkan perkembangan yang jauh berbeza. Pemakaian

[140] Derek Hill & Oleg Grabar, 1964, *Islamic Architecture and its Decoration*, London: Faber and Faber, hlm. 81.

kaligrafi pada masa ini menunjukkan perkembangan yang sangat nyata. Peninggalan sejarah yang ada membuktikan bahawa kaligrafi banyak di pakai sebagai penghias seni bina.

Selain, itu, seni hias *arabseque* dengan segala variasinya memungkinkan pengisian bidang-bidang yang perlu dihiasi pada sudut-sudut lengkungan serta bahagian atas tiang-tiang. Sedangkan untuk bahagian mihrab, *arabseque* dikombinasikan penerapannya dengan lukisan mozek, contohnya pada Qubbat al Sakhra (*the Dome of the Rock*) di Jerussalem. Karya seni bina kuni yang megah ini dihiasi kaligrafi serta corak *arabseque*, geometri dan floral yang mengkagumkan.

Sebagai perkembangan bentuk dan penampilan bentuk baru dalam seni ornamentasi ini, muncul pula seni hias *muqarnas* (hiasan lebah bergantung) yang merupakan model bentk dari stalaktit. Bentuk ini biasanya digunakan terutama pada bangunan-bangunan non religi seperti makam dan kuburan. Terutama bentuknya yang dapat disusun sehingga sesuai untuk pengisian bidang-bidang yang terdapat pada pertemuan antara satu lengkung dengan lengkung lainnya.[141]

Meskipun para ulama pada saat itu pada umumnya menentang perwujudan seni lukis di dalam masjid terutamanya yang menggunakan motif makhluk hidup, namun kadang-kadang terdapat pula kenyataan penampilan motif yang biasanya terdapat pada bangunan di luar bangunan masjid, seperti istana dan bangunan-bangunan lainnya. Di Samarra cotohnya, Sultan al-Mu'tashim pada saat membangun istana sebagai akibat dipindahkannya kegiatan kota Baghdad ke sana. Beliau telah menghiasi istananya dengan lukisan manusia berupa lukisan wanita. Mungkin lukisan ini dibuat oleh seniman yang beragama Nasrani. Sedangkan al-Mutawakkil menghiasi istananya dengan sebuah lukisan gereja yang lengkap dengan rahib-rahibnya. Besar kemungkinan lukisan ini dibuat oleh seniman berasal daripada Byzantine.

[141] *Ibid.*, hlm. 84.

Ada pula berbagai contoh penampilan patung atau lukisan manusia serta makhluk hidup lainnya yang dilaksanakan oleh beberapa khalifah, contohnya ada yang membuat patung yang bergerak-gerak, yang ditempatkan pada setiap penjuru kolam yang menggambarkan seolah-olah gerakan prajurit yang sedang berperang. Kemudian ada yang membuat patung singa, atau patung orang yang berkuda. Pada zaman akhir dari perkembangan seni bina Islam, terdapat lukisan yang menggambarkan suasana perburuan lengkap dengan binatang dan orang-orangnya, seperti yang terdapat di istana al-Hambra (*al-Hambra*). Namun demikian, dari gambaran di atas dapat disimpulkan bahawa wujud berbagai sebab yang menjadi latarbelakangnya. *Pertama,* ialah bahawa lukisan-lukisan tersebut jelas merupakan penyimpangan, kemudian lukisan tersebut adalah hasil buah tangan daripada para seniman yang bukan Islam dan tidak menghayati kebudayaan Islam yang sebenarnya. Sedangkan pada Sultan yang memeritahkannya cenderung untuk berorientasi kepada kemewahan semata-mata.[142]

Jelaslah di sini apabila diperhatikan lebih lanjut, ternyata bahawa seni bina mempunyai kedudukan yang sangat peting terhadap seni-seni yang lain dari segi dekorasi dan

---

[142] Taufik Abdullah, 2002, *Ensiklopedia Tematis Dunia Islam,* jil 4, Jakarta: PT. Ichtisar Baru Van Hoeve, hlm. 286.

ornamentasi yang lebih mengutamakan fungsinya sebagai pengisi seni bina. Dengan bakat, dengan kesungguhan, dengan pengalaman atas perkembangannya dari zaman ke zaman maka jelaslah telah mendukung keberhasilan seni bina Islam yang mengisi sejarah seni bina dunia.

D. Matlamat Seni Bina

Sebagai salah satu bahagian daripada kebudayaan Islam, seni bina merupakan hasil usaha manusia yang nyata dalam matlamatnya memenuhi tuntutan rohani dan jasmani.[143] Keperluan jasmani kerana seni bina merupakan objek yang berupa bangunan-bangunan yang digunakan untuk menampung aktiviti-aktiviti hidup manusia, sedangkan rohani kerana Islam dikatakan mempunyai pengaruh yang mendalam terhadap menguasai kejiwaan manusia.[144] Hal ini ternyata sejak Rasulullah (s.a.w.) mula mengembangkan risalah Allah (s.w.t.) melalui agama Islam semasa berhijrah ke Madinah risalah yang pertama yang dilaksanakan oleh Rasulullah (s.a.w) ialah mendirikan masjid. Masjid yang dikenali masjid Nabawi di Madinah telah digunakan oleh Rasulullah (s.a.w.) sebagai pusat tarbiyah dan pentadbiran dalam menyusun strategi sosial, ekonomi, politik, peradaban, perang dan sebagainya.[145]

[143] *Op. Cit.* Ismail R. al-Faruqi&Louis Lamya al-Faruqi, hlm. 185
[144] *Ibid.,* hlm. 186
[145] *Op.Cit.* Taufik Abdullah, hl. 311.

Pada zaman Rasulullah (s.a.w.) dan diikuti pula pada zaman para sahabat, taktik dan strategi peperangan dirancang dalam ruang seni bina masjid. Khalifah abu Bakr (r.a.) menyelesaikan masalah pentadbiran pemerintahan di ruang masjid, termasuklah penerimaan delegasi dari negara lain. Agama Islam dijadikan pedoman yang menentukan arah kehidupan manusia yang tidak mempunyai sebarang corak kehidupan sebelum itu, merupakan terjemahan perintah Allah (s.w.t.) dalam kehidupan harian mereka.[146]

Kebudayaan yang merupakan himpunan ciptaaan manusia itu sebenarnya hanya sekadar usaha untuk memberikan wajah dan susun letak baru kepada kurniaan Allah (s.w.t.) sesuai dengan fungsinya sebagai khalifah Allah (s.w.t.) di muka bumi ini, dilaksanakan dengan sebaik mungkin untuk keselesaan jasmani dan rohani. Oleh itu tidaklah menghairankan bahawa konsep penting dalam seni bina ialah untuk kebangkitan aman, damai dan merendah diri kepada Allah (s.w.t.).[147] Pengagungan dan penghiasan bukan menjadi matlamat seni bina Islam. Hanyalah dengan perkembangan selanjutnya melalui sumbangan artis-artis dan jurubina-jurubina, pengutaraan penggunaan corak, warna dan reka bentuk dibuat berdasarkan ajaran al-Quran.[148]

Pengaruh Islam begitu jelas pada wilayah taklukan yang baru, namun sebaliknya sifat dan ciri-ciri tradisi yang tidak terdapat tidak pernah dilunturkan begitu sahaja, malahan dijadikan sebahagian daripada perkembangan Islam itu sendiri. Faktor inilah yang bertanggungjawab mencorakkan kebudayaan setempat yang semakin berbagai ragamnya.[149] Seni bina Islam dapat dengan jelas dan tersendiri kewujudannya dalam lipatan sejarah, sebagai bahagian penting dalam tamaddun umat Islam. Kehadirannya secara fizikal ternyata menarik perhatian, kerana daripadanya muncul bentuk bangunan yang dihasilkan oleh orang Islam. Fenomena yang wujud dalam bentuk bangunan itu adalah sebagai satu kemudahan kepada umat Islam dalam melaksanakan ajaran Islam itu sendiri.

---

[146] Yusof al-Qardlawi, 1975. *al-Ibadah fi al-Islam*, Beyrut: Muassasah al-Risalah, hlm. 232.

[147] *Op.Cit.* Taufik Abdullah. Hlm. 301.

[148] *Op.Cit.* Ismail. R. al-Faruqi&Louis Lamya al-Faruqi, hlm. 202

[149] *Op.Cit.* Abdul Rachym, hlm. 7.

E. Kesimpulan

Tidak diragukan bahawa Islam mempunyai hubungan dengan seni bina. Hubungan itu wujud dalam kenyataan bahawa tenaga yang menggerakkan kreativiti seni bina Islam, kerana intisari Islam adalah tauhid, maka dapat dikatakan bahawa tenaga yang menggerakkan seni bina Islam paling tidak, sebahagiannya adalah tauhid. Pengaruh tauhid tampak, misalnya larangan agama untuk menggambarkan makhluk bernyawa. Menggambarkan makhluk bernyawa bererti menyaingi Allah (s.w.t.) kerena yang berhak menciptakan makhluk bernyawa hanyalah Allah (s.w.t.). larangan tersebut bertujuan agar tidak ada yang disembah selain Allah (s.w.t.). Gambar, patung, makhluk bernyawa atau selain daripada Allah (s.w.t.) sering disembah sebelum kedatangan Islam di jazirah Arab. Larangan ini termanifestasi pada ornamentasi dan dekorasi dinding bangunan yang bersih dari gambar makhluk bernyawa. Kesimpulannya ornamentasi dan dekorasi yang digemari adalah kaligrafi sebagai sarana untuk mengungkapkan ayat-ayat al-Quran, bentuk-bentuk geometri, ukiran, *arabseque* dan sebagainya bertujuan bagi mewujudkan keindahan.

BAB X
Tinjauan Khusus Perkembangan Seni Bina Pada Masa Daulah Abbasiyah

BAB X

TINJAUAN KHUSUS PERKEMBANGAN SENI BINA PADA MASA DAULAH ABBASIYAHI

A. Pengenalan

Gambar 9:
Bentuk kubah aliran Persia.

Sepanjang tempoh pemerintahan kerajaan 'Abbasiyyah selama lebih kurang lima abad itu tidak dapat dinafikan terdapat banyak hasil pencapaian dan sumbangan seni bina Islam. Bandar-bandar yang baru dibuka dipenuhi dengan istana-istana, masjid-masjid, tempat-tempat peranginan dan terdapat juga seni bina pada makam-makam khalifah dan wali-wali yang dihias indah. Hasil-hasil seni bina ini telah disumbangkan oleh khalifah-khalifah yang memegang tampuk pemerintahan kerajaan tersebut sebagai usaha untuk memajukan dan menaikkan taraf kerajaan yang baru diwujudkan tersebut dimata dunia amnya dan dunia Islam khususnya.

Pada mulanya kerajaan 'Abbasiyyah berpusat di kota Kufah. Namun pada tahun 762M, Baghdad '*the Circular City of Peace*' (*madinat salam*) telah diasaskan sebagai pusat pemerintahan baru khalifah dunia Islam. Pemerintahan kerajaan 'Abbasiyyah kemudian

mewujudkan satu lagi bandar di Utara Baghdad yang digelar sebagai Samarra' suatu gelaran bermaksud '*He who sees it rejoices*' siapa yang melihatnya pasti gembira. Samarra mengambil alih peranan Baghdad sepanjang tahun 836-883M, tiga kurun pertama kerajaan 'Abbasiyyah dianggap sebagai *golden age* yang merekamkan pusat pemerintahan Baghdad dan Samarra' berfungsi sebagai pusat komersil dan kebudayaan kepada dunia Islam.

B. Tokoh-tokoh Seni Bina Zaman 'Abbasi

Penulis mengemukakan sebahagian daripada tokoh-tokoh seni bina di zaman "Abbasi, iaitu dibawah kekuasaan Banu Seljuq. Ini kerana kebanyakannya seumber-sumber sejarah banyak yang tidak sampai kepada kita pada masa kini, menyebabkan sumber-sumber rujukan penulis terbatas, hanya sebahagian tokoh sahaja yang dapat dikemukakan. Pada kenyataannya, ahli seni bina Islam dalam pembinaan kota Baghdad sahaja berjumlah 100.000 orang ramainya yang mana dibawa dari berbagai penjuru negara, terutama di Syam, Mawsil, Basrah, Kufah, Wasit, Dailami dan tempat-tempat lainnya. Diantara tokoh-tokoh seni bina dan tarikh pembinaan bangunan adalah seperti berikut:[150]

Ahmad b. Bakr dan Ahmad b. Bizl (1217M), Abu Ali b. Ali al-Raqqa al-Qattani (1216M), Ahmad b. Ibrahim dan Kuramshah (1228M), Ahmad b. Abd Allah (1237M), Ali b. Husin Emirdad (1249M), Badruddin Sutas (1230M), Hasan b. Fayruz (1180/81M), 'Isa Abu Dirhan (1194M), Khusraw (1247M), Mas'ud dan Ja'far b. Muhara (1193M), Muhammad Qawlan dan Attabeq 'Ayaz (1219/20M), Muhammad atau Uthman Mahmet dan Badruddin Muslip (1242/43M), Muhammad b. Mahmud al-Errani (1237M), Sali Mahmud dan Yahya b. Ibrahim (abad ke-12M), Sesi Mufaddul (1192-1201M), Siddiq dan Gazi b. Mahmud (1223M), Yusuf b. 'Abd Gaffar (1180M), Yuluk dan Ortok 'Arslan (1200-94M), Hamid Abu Qasim dan Ibn al-Hakim (1250M)[151].

C. Karya-karya Besar Seni Bina Zaman 'Abbasi

Pembangunan kota-kota bari dan pembaharuan kota-kota lama di seluruh *Dawlah Islamiyah* dalam masa kerajaan 'Abbasiyyah telah melahirkan seni bina kota dan membuka jalan ke arah pembangnunan berbagai bangunan, istana, masjid dan sebagainya, yang

---

[150] Antoniuo Jim, 1981, *Islamic Cities and Concervation,* Switzerland: Unesco Press, hlm. 24

[151] Daniel Glyn, 1961, *The Seljuq in Asia Minor,* London: Thomas and Hudson, hlm. 207

merupakan cabang kesenian penting dalam tamaddun Islam. Bukan sahaja dalam tamaddun Islam, malahan dalam setiap tamaddun, seni bina menduduki tempat yang sangat penting. Ibn Khaldun berkata dalam *Muqaddimah*-nya;

> *Kedudukan rohani setiap bangsa, pandangan hidupnya, cita-citanya, dapat diperlihatkan pada bangunan-bangunan yang didirikannyaa. Ilmu binaan bangunan ialah penglahiran kekuatan rohani yang hidup di kalangan bangsa. Setiap bangsa yang mendorong ke arah kemajuan pasti mempunyai kepintaran ilmu ini sebagai pembuktian betapa tingginya tamddun dan cita kebatinannya.*[152]

Di antara kota-kota penting yang dibina dalam kurun kerajaan 'Abbasiyyah yang dihasilkan oleh seni bina Islam itu ialah:

1. Baghdad, ibu kota *Khilafah* 'Abbasiyyah yang dibina oleh Khalifah al-mansur pada tahun 145H,Hasan Ibrahim Hassan menulis dalam kitabnya *Tarikh al-Islam al-Siyasi*. "Baghdad adalah raja segala kota, pusat perdagangan, ka'bahnya ilmu dan kebudyaan, mata air kekayaan dan kemewahan, dengan bangunan-bangunannya yang agung dan taman-tamannya yang nyamana sebaai hasil kesenian yang cemerlang.

[152] *Op.Cit., Oemar Amin Hoesin*, hlm. 162.

2. Samarra', yang didirikan 76 tahuns setelah Baghdad pada tahun 221H. Nama kota ini berasal daripada "*Sarra-Man-Ra'a*" (senang memandangnya), betapa indah kota Samarra itu. Tentang keindahan seni bina kota Samarra', ahli sejarah Ibn Mu'taz melukiskan, 'Walaupun di musim kemarau, kota Samarra' tetap menjadi kecintaan penduduk, tetap menjadi kekeasih para pelancong, bintang-bintangnya bersinar cemerlang, udaranya terbuka nyaman, batu kerikilnya permata, angin sepoinya harum mewangi, bumi tanahnya kasturi pilihan, siangnya umpama pagu, malamnya mimpi nikmat'.[153]

3. Kota Qata'i, ibu kota wilayah Mesir yang dibina oleh Khalifah Ahmad Ibn Tulun, dalam perluasannya beratu dengan Fustat dan 'Askar. Kota ini dipenuhi dengan bangunan-bangunan yang indah, taman-taman kesuma dan pusat-pusat kegiatan dagang dan kebudayaan.

4. Kota Kaherah, pusat pemerintahan Kerajaan Fathimiyyah yang dibina oleh Panglima Jawhar Ahaqi pada tahun 358H, dimana didirikan masjid Jame' al-Azhar yang setelah 10 abad menjelma menjadi univrsiti. Seorang penulis 'Ali Mubaraq Basha melukiskan Kaherah setelah siap dibina oleh Jawhar, sebagai berikut: "Bentuk Kaherah yang dibina oleh Panglima Jawhar, adalah ampet persegi, yang nyaris tengahnya berukuran 1200 M dan luas daerahnya yang berpagar 340 hektare, yang di antaranya 70 hektare untuk istana, 35 hektar untuk Taman Kesuma Kafuri, 35 hektare lagi untuk lapangan-lapangan dan tempat-tempt rekreasi lainnya, dan selebihnya sebanyak 200 hektare untuk asrama-asrama tentera, bangunan-bangunan negara, perumahan, pasar dan sebagainya.

5. Kota Mahdiyyah, dibina oleh Khalifah pertama kerajaan Fathimiyyah, Ubaydillah al-Mahdi selesai pembunaan pada tahun 303H. Kota ini menjadi kota yang ramai, yang penuh dengan bangunan-bangunan, taman-taman, masjid-masjid dan sebagainya.

6. Kota Mansuriyyah, kota ini dipagar dengan tembok kuat dan dibuat 5 buah pintu kukuh. Khalifah al-Manshur memindahkan kegiatan dagang dan industri dari Qayrawam ke kota Mansuriyyah pada tahun 337H, sehingga kita ini dalam waktu terdekat menjadi kota dagang dan kota industri yang ramai dan maju. Dijadikan ibu kota baru kerajaan Fathimiyyah.[154]

---

[153] *Op.Cit.,* Hasjmiy A, hlm. 375
[154] *Ibid.,* hlm. 380.

C.1. Masjid Agung

Di sebelah Istana Emas al-Mansur (*Qasr al-Zahab*) yang berbumbungkan kubah berwarna hijau (*al-Qubbat al-Khadra'*), berdiri Masjid Agung. Bangunan Masjid Agung itu terselamat sewaktu bandar itu diserang oleh tentera Monggol pada tahun 1258M, tetapi akhirnya ia semakin rosak dan roboh dalam kurun ke-18M. Menurut al-Khatib al-Baghdadi, ahli sejarah Bandar berkenaan, Masjid itu berbentuk segiempat tepat, dengan ukuran 102×102 m. Pelan pembinaannya sama dengan bentuk Masjid Nabi Muhammad (s.a.w.) di Madinah, yang mempunyai lima lorong berbumbung di sebelah kiblat dan dua baris tiang mengelilingi *sahn* (ruang terbuka). Dindingnya dibina daripada batu lumpur manakala tiang-tiang dan bumbung dibina daripada kayu. masjid berkenaan kemudiannya dibina semula dan diperbesarkan oleh Khalifar Harun al-Rashid pada tahun 805-809M. Dalam proses pembinaan semula ini dinding asalnya yang menggunakan bata lumpur diganti dengan bata bakar. Ia mempunyai menara berbentuk segi empat, *mimbar* dan *maqsurah* yang terletak di sebelah kiri *mihrab*.[155]

[155] Khatib al-Baghdadi, tt., *Tarikh Baghdad*, Beyrut: Dar El-Kitab al-'Arabi,hlm. 107.

C.2. Masjid al-Mutawakkil

Masjid Agung al-Mutawakkil dibina pada tahun 848/849-852M. Keluasan keseluruhannya ialah 156×240m termasuk halaman sembahyang seluas 110×130m. Bangunannya tidak lagi mengikuti bentuk tradisi segiempat tepat seperti sebelumnya. Sebaliknya ia bernentuksegi empat bujur. Masjid ini mempunyai siling pada ketinggian 11, dan bahagian dalamnya diterangi oleh cahaya matahari yang masuk dari deretan tingkap yang dibina di sekelilingnya. Satu ciri yang agak luar biasa adalah menara azannya yang berbentuk bulat dengan dikelilingi satu laluan untknaik ke puncaknya. Ini adalah kali pertama dalam sejarah seni bina Islam, pengaruh luar mendapat tempat dalam reka bentuk masjid.

Masjid al-Mutawakkil merupakan masjid yang terbesar di dunia pada ketika itu. Tembok luar masjid ini masih lagi berdiri teguh sehingga ke hari ini walaupun binaan pada bahagian dalamnya sudah hampir musnah. Struktur segi empat tepat pada binaan masjid ini dikelilingi oleh tembok batu-batu bakar (*baked brick*) dengan disokong oleh sejumlah 44 buah menara *semi* bulatan termasuk 4 buah di bahagian sudutnya. Pengunjung boleh memasuki masjid ini melalui salah satu daripada 16 buah pintu yang disediakan. Di bahagian atas setiap pintu masuk terdapat beberapa lengkungan tingkat-tingkap kecil. Di setiap menara pula, terdapat ukuran segi empat tapat yang terpahat di atas permukaan bidang-bidang yang dikelilingi oleh bingkai serong.[156]

Di bahagian tembok luar masjid terdapat 28 buah tingkap dengan 24 daripadanya menghala ke arah Selatan. Diantara tiap-tiap 24 buah tingkap ini terdapat dinding yang memisahkan antara satu tingkap ka satu tingkap kecuali satu bahagian tingkap yang dipisahkan oleh sebuah *mihrab*. Bumbung masjid ini pula disokong oleh 24 baris tiang, sembilan tiang di bahagian ruang ibadah dengan tiga daripadanya berfungsi sebagai penyokong *riwaq* di bahagian Utara. Sebuah *mihrab* berbentuk segi empat tepat yang dihiasi dengan lajur-lajur marmar di setiap sisinya dibina di bahagian Selatan tembok.

---

[156]Creswell K.A.C., 1989,*The Seljuq in Asia Minor*, Cairo: The American University in Cairo Press. Hlm. 362

Gambar 31:
Menara masjid aliran Turki, Persia dan India.

Keterangan:

A. Menara Masjid Uc Serefeli Turki, 1438 M.
B. Menara Masjid Imam Ridha, Meshed, 1500 M.
C. Menara Masjid Taj Mahal, 1634 M.
D. Menara Masjid Charminar, Hyderabad, 1591 M.
E. Qutb Minar, Delhi, 1200 M.

ıᴍni Rupa Islam — 3 57

Ada dakwaan yang mengatakan bahawa masjid al-Mutawakkil ini seakan sama dengan masjid di Dimashq pada zaman Umaqi kerana bahan binaannya banyak sekali melibatkan penggunaan kaca mozek di segenap ruang masjid. Masjid al-Mutawakkil ini dikelilingi oleh halaman yang berukuran 376× 44 (kira-kira 17 hektare) dengan dipagari batu

bata. Kawasan ini dikenali sebagai *ziyada* iaitu sebuah ruang atau ruangan luas yang mampu menampungi jumlah jemaah pada ketika itu.[157]

Kira-kira 27.25 m daripada pusa Utara masjid ini tersergam sebuah menara yang dikenali sebagai menara *al-Malwiya* berukuran 55 m tinggi. Gaya binaan menara ini dipengaruhi oleh *style* binaan Ziggurat orang-orang Mesopotamia kerana ia menampilkan bentuk segiempat (*square-planneda*) dan mempunyai struktur berbentuk tangga yang berpilin atau melingkar beberapa kali dari bawah sehingga ke puncaknya. Luas tapak menara tersebut berukuran 33 m persegi dan tingginya hampir mencecah 3 m. Tapak ini berfungsi menyokong bahagian belakang tangga yang berpilin ini dengan lingkarannya berjumlah lima kali lingkaran dengan melawan arah jam. Lingkaran ini bermula dari sebuah ruang tutup dan melingkar menuju ke masjid. Di bahagian puncak menara pula terdapat sebuah ruang berbentuk bulat yang dihiasi dengan lapan buah relung yang menghala ke atas (*pointed-arched*).[158]

C.3. Masjid Abu Dulaf

Masjid Abu Dulaf juga dibina oleh al-Mutawakkil, turut mengetengahkan beberapa inovasi dalam pembinaan masjid. Masjid Abu Dulaf atau nama lainnya Masjid al-Ja'fariya telah didirikan pada zaman Khalifah 'Abbasiyyah yang ke 10 pada kurun ke-9M. Pembinaannya bermula apabila Khalifah al-Mutawakkil telah membuat pemindahan sementara pusat pentadbirannya dari Samarra' ke sebuah penempatan baru yang bernama Ja'fariya yang terletak di Utara Sungai. Berbeza dengan Masjid Samarra', Masjid Abu Dulaf ini merupakan masjid yang menjadi tumpuan utama jemaah pada ketika itu.[159]

Lokasi masjid ini ialah di sebuah kawasan batuan yang dikenali sebagai Gabal Yashkur yang terletak di Sharis al-Saliba. Ia juga merupakan masjid ketiga yang dinina untuk tujuan menampung jumlah jemaah yang semakin ramai setiap kali mengerjakan shalat Jumaat. Selain itu masjid ini merupakan contoh monumen yang terdapat di Cairo yang menampilkan kehebatan seni bina yang mengkagumkan pada zaman klasik Islam yang maih lagi wujud dalam keadaan sempurna hingga ke hari ini.

---

[157] *Ibid.*, hlm. 361

[158] *Op.Cit.*, Jairazbhoy R.A. hlm. 63

[159] *Ibid.*, hlm. 71

Berdasarkan saki-baki runtuhan bangunan yang masih dapat dilihat pada hari ini, dinding masjid yang masih kekal ialah dinding yang terletak di bahagian Utara pada struktur hadapan masjid. Berbanding dengan binaan Masjid Samarra', Masjid Abu Dulaf ini tidak banuak bezanya dengan gaya seni bina masjid tersebut. Hal ini kerana, masjid ini turut mempunyai dua buah *Ziyada*, dibagian luarnya berukuran 350× 362 m, manakala bahagian yang lebih kecil berukuran 213× 135m.

Selain itu, menara masjid ini juga seakan-akan sama dengan Masjid Samarra', kerana kedudukannya yang terletak di bahagian Utara bangunan masjid dan turut mempunyai sebuah lingkaran tangga yang condong dari arah sebuah tapak yang berbentuk segi empat dengan dihiasi relung di setiap bahagian kiri dan kanannya. Masjid ini mempunyai halaman sembahyang yang dikelilingi oleh lorong bertiang yang berbagai-bagai saiznya. Ia juga mempunyai menara azan berbentuk bulat seperti di masjid besar al-Mutawakkil. Bahagian dewan berbumbung pula dibahagikan kapada dua ruang yang dipisahkan oleh sebuah benteng yang dibina menegak menghala ke arah dinding kiblat.

Berdasarkan penemuan terbaru yang dijumpai daripada kerja cari gali yang dilakukan ke atas runtuhan masjid ini didapati bahawa, menaranya dikelilingi oleh sebuah halaman dengan deretan keda-kedai di kiri dan kanan lorongnya. Sebanyak empat puluh buah menara berbentuuk separa bulatan menjadi penyokong tembok luar masjid, termasuk empat buah yang mengokong di setiap bahagian sisi. Pelan berbentuk segi empat tepat ini berukuran 213× 136 m dengan dua bahagian sisi yang terpanjang yang mana setiap satunya memiliki enam pintu masuk, manakala bahagian Utaranya hanya memilki tiga buah pintu sahaja.

Di bahagian dalam masjid ini, terdapat susunan 15 buah *arked* yang dibina daripada batu-bata yang dibakar. Sebanyak lima buah pintu gerbang terdapat di setiap hujung ruang ibadat dan tiga buah di bahagian Utara *riwaq*. *Arked-arked* ini di susun membentuk suatu deretan yang memanjang dari Utara ke Selatan dan dipisahkan oleh lorong utama yang saiznya lebih kecil berbanding lorong-lorong lain. Manakala sebuah lagi deretan baris-baris *arked* yang menjadi penyokong kepada 17 buah pintu gerbang dibina merentang dari Timur ke Barat. Deretan *arked* yang menganjur dari Utara ke Selatan dan dari Timur ke Barat ini secara tidak la ngsung telah memghasilkan suatu bentuk persilangan yang

menampilkan struktur berbentuk T. Maka, atas sebab inilah masjid Abu Dulaf juga dikenali sebagai masjid berbentuk T (*T-Plan Mosque*).[160]

Hasil dairipada aktiviti cari gali yang dilakukan pada tahun 1940M oleh Jabatan Barangan Purba Iraq, mendapati bahawa binaan *riwaq* yang dibina secara berkembar dua yang berlanjutan dari dinding-dindin utama masjid ke arah Utara dan juga ke arah bahagian-bahagian di Timur dan Barat telah menjadi punca utama kepada kesesakan para jemaah yang datang untuk mengerjakan shalat setiap hari jumat. Selain itu, turut didapati bahawa binaan masjid ini adalah bersambung dengan istana Khalifah iaitu *Dae al-Imara* melalui sebuah pintu yang hanya terletak bersebelahan dengan *mihrab*. Ianya dibina secara eksklusif menggunakan batu-bata bakar.[161]

C.4. Masjid Ibnu Tulun

Ahmad Ibnu Tulun, anak seorang khadam kepada khalifah al-Ma'mun yang dilantik menjadi Gabernor Mesir, bertanggung jawab menubuhkan dinasti Tulunid (868-905M). Beliau juga mewujudkan penempatan yang dikenali sebagai *al-Qata'i* yang mempunyai sebuah masjid yang merupakan bangunan terindah ketika itu, yang mencerminkan semua aspek seni bina zaman Kerajaan 'Abbasiyyah.[162]

---

[160]Oleg Grabar, 1973., *The Information of Islamic Art*. New Haven and London: Yale University Press. Hlm. 123.

[161] Creswell K.A.C, 1968, *A Short Account of Early Muslim Architecture*, Lebanon: Librairie Du Liban, hlm. 282.

[162]Fattal, 1960, *Ibn Tulun's Mosque in Cairo*, Beyrut: Imprimerie Catholoque, hlm.3.

Gambar 4.8: Masjid Ibn Ṭūlūn

Sumber: http://www.islamicarchitecture.org/architecture/ibntulunmosque.html.

Salah sebuah tulisan khat di situ menyatakan dengan jelas tentang tujuan pembinaan masjid itu adalah untuk mengembangkan kesucian syiar Islam: "...Amir telah memerintahkan pembinaan masjid ini dengan menggunakan hasil yang bersih dan sah mengikut yang diperintahkan oleh Allah (s.w.t.)...". dan ia diikuti oleh petikan surah al-Nur, 24: 36-8, serta tarikh siap pembinaannya. Dari segi sejarahnya, hiasan yang terdapat pada masjid ini amat penting kerana ia merupakan contoh seni bina Samarra yang masih dapat dilihat. Hiasannya meliputi bahagian luar dan dalam masjid. Di bahagian dalamnya, terdapat tulisan khat dari jenis Khufi yang merupakan petikan-petikan ayat al-Quran yang pada keseluruhannya meliputi ruangan sepanjang lebih 2 km.

Unsur penampilan konstruksi pada masjid Ibn Tulun lebih menonjol iaitu bantuk yang terdapat pada dinding kiblat yang menampilkan barisan tiang-tiang sebagai pendukung

atap dan terdiri daripada beberapa kubah. Tiang-tiang pendukung kubah-kubah pada dinding itu ditempatkan sejajar dengan dindingnya yang berfungsi sebagai badan bangunan masjid merupakan bidang yang seolah-olah dihiasi oleh ukiran-ukiran lenkung runcing, terdiri dari jendela dan relung-relung pada bidang tembok dinding yang merupakan torehan atau takikan. Ianya dibuat semata-mata sebagai hiasan tembok melengkapi bentuk-bentuk dari jendela.[163]

Lengkung Bayzid II Istambul, 1501 M.

Lengkung Ulu Cami Divrigi, 1228 M.

Masjid ini mempunyai lapangan tengah yang cukup luas. Luas keseluruhan masjid mencapai ukuran panjang 160 m dan lebar 140m. Sebagai pelengkap bangunan pada masjid Ibn Tulun ini terdapat menara yang mirip dengan menara masjid Samarra'. Perbezaannya terletak pada bentuk dasarnya yang merupakan bentuk segiempat, sedangkan bentuk *spiral* terdapat pada bahagian atasnya. Menara di Samarra' tidak menggunakan dasar segi empat dan *spiral*nya sudah bermula dari d dasar. Sedangkan masjid Ibn Tulun, tangganya bermula dari dasar segi empat itu. *Spiral* itu adalah tangga untuk sampai ke puncak. Bentuk menara *spiral* pada masjid Ibnu Tulin ini di atasnya terdapat cungkup.[164]

---

[163] *Ibid*, hlm. 32

[164] Ernst Grube J, 1966, *The World of Islam*, London: Paul Hamlyn, hlm.65

Dari segi penampilan seni hiasan pula adalah bercorak *arabseque* sebagai penataan daripada motif alamiah daun dan tumbuh-tumbuhan, kemudian ditambah dengan tulisan Arab Kufa yang diselangi dengan bentuk hiasan geometri. Penarapan hiasan yang ornamentik ini diterapkann pula pada kayu langit-langit masjid pada tulisan Arabnya mengambil tema lafaz al-Quran. Corak ornamentik yang dimulai dari masjid Ibnu Tulun ini berkembang pesat di masa-masa mendatang.[165]

C.5. Jame' al-Azhar

Apakala Jawhar al-Saqli telah menawan negeri Mesir pada tahun 996M, dan telah mengasaskan bandar Kaherah pada malam ketibaannya di negeri Mesir (Fustat dan 'Askar) maka tidak ia berkehendak memeranjatkan orang-orang yang bermazhab sunnah pada masjid-masjid mereka dengan mengadakan syiar-syiar mazhab Fatimi supaya tidka menambahkan kebencian orang-orang Mesir kepadanya. Dari itu belia telah meletakkan batu asas masjid Jame' al-Azhar pada 14 Ramadlan tahun 359H/970M. Apakala telah selesai binaannya dalam masa dua tahun lebih kuran, maka didirikan sembahyang padanya buat pertama kalinya pada 7 Ramadlan tahun 361H/972M.[166]

Jame' al-Azhar ini mengandungi tempat yang mempunyai bumbung (atas) yang dinamaka *maqsurah* untuk sembahyang dan juga tempat yang tidak berbumbung yang dinamaka *suhn*, selain dari sambungan-sambungan yang dibuat kepada bangunan asal masjid menurut kebiasaan seperti menara-menara, tempat ambiil air wudlu dan lainnya. Adapun tempat berbumbung (*maqsurah*) yang dibina oleh Jawhar terdapat padanya 76 batang tiang daripada marmar putih dalam barisan-barisan yang seimbang. Pada tahun 1167H Amir Abd al-Rahman telah membuna sebuah *maqsurah* yang lain dan terdapat padanya 52 batang tiang marmar. Maka jadilah pada Jame' ini dua bahagian berbumbung (*maqsurah*) dan terdapat padanya 126 batang tiang. Kalau dicampur dengan tiang-tiang yang didirikan untuk sambungan-sambungan kepada bangunan Jame' itu jadilah jumlahnya semua 375 batang.

---

[165] *Op.Cit.,* Fattal, hlm. 31.

[166] Spahic Omer, 2006, *The Origins and Significance of Funerary Architecture Islamic Civilization,* Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, hl. 146.

Maqsurah yang didirikan baharu ini terangkat tinggi dari yang sedia itu sekadar satu hasta. Bumbung kedua-dua *maqsurah* itu diperbuat daripada kayu dengan cukup rapi dan halus pertukangannya. Kedua-duanya bersambungan di antara satu dengan lain dan tedapat pada keduanya jendela-jendela untuk dimasuki cahaya dan udara. Adapun "*sahn jame*" ialah kawasan lapangan dalam Jame' itu yang tidak berbumbung, dilabur dengan batu. Sembahyang didirikan juga disitu bila kedua-dua *maqsurah* didapati penuh. Masjid itu dikelilingi dari keempat-empat penjurunya oleh pasu-pasu bunga yang didirikan di atas tiang-tiang marmar seperti Jame' Amru Ibn 'As dan tembok-temboknya dihias dengan tulisan-tulisan ayat suci al-Quran dengan khat Khufi yang cantik.

Jawhar telah mengadakan di *maqsurah* lama sebuah *mihrab* yang dinamkaan sekarang kiblat lama, kemudian didirikan kepadanya sembilan buah mihrab lagi. Tiada yang tinggal daripadanya selain dua buah yang tersohor di antara semua, yang dikenali dengan nama *maqsurah* lama dan yang kdua dengan nama *maqsurah* baru, bagi tiap-tiap satunya seorang imam, yang satu berlainan dengan lain menurut mazhab fiqh yang dianutinya.

Di Jame' Azhar sebuah *mimbar* diperbuat daripada kayu yang melengkung dan cantik buatannya. *Mimbar* yang asal yang diadakan oleh Jawhar telah dipindahkan ke Jame'al-Hakim dan diadakan semasa ianya mula didirikan sebuah menara sahaja. Kemudian dari itu telah ditambah empat buah lagi menjadi lima buah, diserukan azan bila masuk waktu-waktu sambahyang fardlu yang lima dan pada malam-malam bulan Ramadlan atau pada peristiwa-peristiwa yang tertentu. Dahulu dari itu waktu-waktu sembahyang diketahui menerusi '*al-Miqati*' dan tugasnya mengingatkan masuk waktu-waktu sembahyang fardlu dan diketahui dengan memandang kepada '*mizwalah*' (alat untuk menentukan *Zawal* matahari) yang masih wujud sehingga ke hari ini tergantung di salah satu tembok al-Azhar. Masjid-masjid lain di bandar Kaherah turut azan apabila mendengar suara azan di al-Azhar.[167]

Salah satu keistimewaan Jame' al-Azhar pada mulanya ia menjalankan tugas syiar-syiar seperti masjid-masjid lain juga, tetapi tidak lama kemudian, ia bertukar menjadi sebuah *Jam'iyyah* atau sebuah institusi pengajian tinggi yang didatangi penuntut-penuntut ilmi dari segenap pelusuk dan rantau untuk mempelajari ilmu-ilmu berbagai-bagai jenisnya. Pada tahun 378H/985M wazir Ya'qub b. Qals telah mencadangkan kepada khalifah supaya menukar taraf al-Azhar untuk menjadi sebuah *jam'iyyah* atau universiti untuk mengajar penuntut-penuntut, pelbagai ilmu agama dan metafizik.[168]

Dalam masa yang singkat, Jame' al-Azhar telah menjadi tempat tumpuan ahli-ahli ilmu. Khalifah al-Aziz dan para Khalifah Fatimiyyah lain selepasnya telah berusaha memberi bantuan kepada para penuntut ilmu yang datang kepadanya dari s seluruh pelusuk negara Islam, dengan menyediakan untuk mereka makan, minum dan tempat tinggal serta segala apa yang mendatangkan keselesaan kepada kehidupan mereka, dengan percuma.

Bianaan asal Jame' telah ditambah oleh para khalifah, Amir dan Sultan. Mereka telah mendirikan asrama-asrama untuk penuntut-penuntut bertempat di sekeliling *al-maqsurah* dan *sahn* (yang bersambung dan yang tidak) dari keempat-empat penjuru al-Jame' itu. Begitu juga mereka telah mewakafkan harta benda yang mengeluarkan hasil untuk dijadikan habuan yang mewah kepada para penuntut itu. Khalifah al-'Aziz Billah al-Fatimi ialah orang yang pertama mendirikan sebuah rumah di sebelah al-Azhar bagi sekumpulan

---

[167] Henry Stierlin, 2002, *Early Architecture from the 7th to the 13th Century*, London: Taschen, hlm. 150
[168] John D. Hoag, 1963, *Western Islamic Architecture*, New York: George Braziller, hlm. 30

Fuqaha' seramai 35 orang. Mereka sekalian berhimpun selepas sembahyang Jumaat dan membaca kitab suci al-Quran hingga masuk waktu asar.[169]

C.6. Istana Emas

Di tengah-tengah kota Baghdad berdirilah *Dar al-Khilafah* iaitu suatu kawasan ekslusif yang besar dan indah dan dalamnya terdapat Istana Emas (*Qasr al-Zahab*) Khalifah Abu Ja'far al-Mansur yang bercirikan seni bina Arab-Persia. Istana tersebut mengandungi dua tingkat, tingkat atas terdapat sebuah ruangan besar yang digunakan untuk khalifah bermesyuarat dengan para *wazir* dan pembesar-pembesar kerajaan, di tingkat bawah terdapt ruang-ruang tamu. Istana ini mempunyai sebuah kubah berwarna hijau, iaitu 40 m tinggi dari tanah dan di puncaknya berdiri arca seorang pahlawan berkuda sedang mengayungkan lembing yang dibuat daripada perunggu dan boleh berputar-putar.

Apabila khalifah melihat arca orang berkuda itu menghadap hujung lembingnya ke satu jurusan, maka tahulah khalifah bahawa dari jurusan itu akan ada orang datang menghadap dan sebagainya. Dalam bulan Jumadil Akhir tahun 372H, puncak kubah istana al-Mansur itu telah runtuh akibat angin ribut dan hujan yang amat lebatnya.[170]

Sebuah lagi istana al-Khuldi. Istana ini didirikan oleh Khalifah al-Manshur di pinggir sungai Djlah. Reka bentuk bangunannya amat indah dan menarik, ia terletak di kawasan yang sangat strategik menyebabkan khalifah menamakan istana tersebut dengan nama *Qasr al-Khuldi* atau istana abadi.[171]

C.7. Istana Jawsaq al-Khaqani

Istana Jawsaq al-Khaqani ini mempunyai berbagai-bagai nama. Antaranya ialah ia turut juga dikenali sebagai *istana al-Mu'tashim, Dar al-Khalifah, Dar al-Sulthan* dan *Dar al-Amir al-Mu'minin.* Istana ini terletak di Samarra', Iraq dan dibina pada kurun ke-9M iaitu pada 836M pada zaman Khalifah al-Mu'tashim. Pada tahun 836M khalifah al-Mu'tashim telah memindahkan pusat pentadbirannya dari Baghdad ke Samarra'. Beliau memanggil

[169] Erythraspis J.I, 1983, *Arab Art,* London: Al Saqi Books, hlm. 131.
[170] Israr C, 1978, *Sejarah Kesenian Islam,* Jil.I, Jakarta: Bulan Bintang, hl, 118.
[171] *Op.Cit.,* Khatib al-Baghdadi, hlm, 80.

arkitek-arkitek dari seluruh wilayah kekuasannya untuk membina kota barunya itu. Akhirnya sebuah istana telah dibina di tebing Sungai Tigris yang dikenali sebagai istana Jawsaq al-Khaqani. Istana ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti kolam renang tertutup, *suite-suite* kediaman, dewan-dewan, taman-taman dan juga halaman yang berpagar yang dibina di dalam sebuah kompleks yang agak besar.

LAMPIRAN N

Gambar 4.11: Istana Jawsaq al-Khaqanī

Sumber: Henri Stierlin 2002: 128.

Kedudukan istana yang terletak berhampiran pinggir sungai ini turut dihiasi dengan sebuah lembah berair yang berukuran 127 m persegi di hadapannya.[172] Di kawasan lembah ini juga terdapat anak tangga yang menuju ke pintu pagar utama iaitu *Bab al-Amma*. Di bahagian hadaan struktur bagunan istana ini pula terbina pintu gerbang yang berkonsepkan tiga serangkai yang disusun dalam tiga *iwan*. Dengan menggunakan bahan binaan daripada batu-bata yang dibakar. Ianya tidak diubah seperti sebuah monumen yang indah. Bahagian utama *iwan* dibina dengan saiz yang agak besar berbanding dua bahagian *iwan* yang lain.

---

[172] *Op.Cit.*, Creswell K.A.C. hlm. 260.

Kesemua bahagian *iwan* ini menghubungkan secara eksklusif ke dewan-dewan melalui terowong kubah yang bersiling, kemungkinan digunakan oleh pengawal-pengawal pasukan berkuda semasa perarakan awam diadakan. Sebuah pintu yang terdapat di belakang pusat *iwan* merupakan pintu yang menghala ke 6 buah dewan yang terbuka dan mengarah ke sebuah halaman berpagar yang dihiasi dengan pancutan air. Dari arah Utara bangunan ini, terdapat dewan-dewan persendirian bagi pemerintah. Di bahagian Selatan pula tersergam kuaters-kuaters kediaman yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang lengkap seperti pili iar, bilik dobi, dan bilik air yang dibina mengelilingi sebuah halaman yang bersaiz lebih kecil. Sebuah ruang mandi turut dibina bersambung dengan halaman ini.[173]

Manakala bilik bersemayam diraja pula dibina bersambung dengan empat buah dewan berkubah yang diatur mengikut susunan *krusiform* dengan zaiz dewan utamanya lebih luas berbanding dengan tiga dewan lagi. Tiga dewan yang bersaiz lebih kecil itu pula dihiasi kepingan marmar dan jubin *dadoes*. Bahagian Timur bilik bersemayam itu turut bersambung dengan dewan lain yang mana dewan ini menghala ke lima buah pintu yang membawa ke kawasan persiaran (dataran terbuka tempat orang bersiar-siar samada dengan berjalan kaki atau menunggang kuda). Kawasan persiaran ini berkeluasan lebih kurang 350x180 m dan dikelilingi oleh dua buah pancutan air dan dan sebuah terusan air. Dibahagian hujung dewan ini terdapat serdap kecil. Pintu masuknya terdiri daripada sebuah kamar kecil dengan sebuah pancutan air yang lekukannya berkedalaman 8 m. Setiap dinding serdap mempunyai tiga binaan yang berbentuk seperti gua yang dihubungkan diantara satu sama lain melalui lorong sempit. Dibahagian Utaranya pula terdapat sebuah lagi serdap kecil.[174]

Seperti istana Balkuwara, istana ini juga dilengkapi dengan halaman-halaman dan sebuah rumah peranginan yang digunakan semasa sukan polo. Asas pembinaan istana Jawsaq adalah dengan menggunakan nbatu-bata yang dibakar dan tidak terbakar. Teknik hiasan yang digunakan ialah dengan menggunakan plaster dinding marmar *dadoes*, lukisan-likisan *fresco* (gambar yang dilukis pada dinding atau siling sebelum plaster mulai kering) dan ukiran-ukiran yang sangat halus mutunya. Selain itu, kerja pertukangan yang melibatkan penggunaan kayu jati yang siap dicat juga turut digunakan dalam kerja-kerja dekorasi istana

---

[173] *Op.Cit.*,Ernst Grube J, hlm. 38.

[174] Robert Hillenbrand, 1994, *Islamic Architecture*, Edinburg: University Press, hlm. 402.

ini. Sebagai sebuah kompleks diraja, Jawsaq dilihat sebagai sebuah bangunan tipologi yang masih belum dikenali dalam arena seni bina Islam ketika itu.[175]

C.8. Istana Balkawara

Istana Balkawara terletak di Samarra' Iraq dan dibina semasa pemerintahan Khalifah al-Mutawakkil pada kurun ke-9M iaitu 849-859M. Istana ini turut dikenali sebagai Istana Manqur telah dibina di persisiran Sungai Tigris kira-kira 6 km dari Selatan Samarraa'.[176]

Kompleks istana ini terdiri daripada tiga buah halaman, sembilan buah dewan, suite-suite kediaman, masjid-masjid dan juga kuarters-kuarters askar *Infantri* yang turut didirikan di sebuah kawanasa luas berukuran 1250 m setiap sudut dan 15 km tinggi. Keseluruhan kompleks yang berbentuk segi empat tepat ini dibahagikan kepada tiga bahagian yang selari antara satu sama lain. Bangunan istana didirikan di bahagian Selatan dan menempati separuh daripada kawasan kompleks tersebut dan dikelilingi oleh unit-unit perumahan persendirian. Setiap rumah terdiri daripada 16 buah bilik.

Bahagian Utara kompleks ini pula terdapat dua buah mahkamah utama, kediaman tentera, tempat mandi, padang polo dan masjid-masjid kecil. Sebuah mahkamah dan taman dikelilingi oleh tembok yang disokong oleh tiang-tiang yang berbentuk segi empat bujur dan menganjur keluar dari tembok tersebut yang merentasi sepanjang sungai. Berkaitan dengan istana Balkurawa ini, struktur hadapan bangunan tersebut mempamerkan suatu binaan berbentuk anjung bercirikan tiga serangkai dengan anjung utamanya dibina lebih tinggi daripada dua anjung lain yang terletak di kedua-dua belah kiri dan kanan anjung utama. Ia dihiasi dengan kaca hijau dan mozek induk mutiara yang berlatarbelakang kan warna emas. Anjung yang berfungsi sebagai pintu masuk ini, membawa ke empat buah dewan penonton yang dibina mengelilingi sebuah ruang berbentuk segi empat yang terdapat di tengah-tengahnya, sekaligus menghasilkan suatu corak binaan *krusiform*. Corak binaan sebegini merupakan corak binaan yang diambil dari Tmur Iran. Di bahagian tengah di antara keempat-empat dewan tersebut terdapat suite berbentuk segi empat dan lapan buah bilik yang dibina mengelilingi halaman kecil yang berpagar. Dari arah Timur laut bilik singgahan istana ini terdapat sebuah mahkamah kehormat iaitu salah satu daripada satu siri mahkamah

---

[175] *Op.Cit.,* Creswell K.A.C, hlm. 265.

[176] John D.Hoag, 2004, *Islamic Architecture,* Milano: Alecta Architecture, hlm. 28.

yang mempamerkan sebuah pintu masuk yang kelihatan seperti sebuah monumen yang menakjubkan.

Bahan utama digunakan dalam membina tapak bangunan ini ialah batu-bata mentah dan juga batu yang dibakar. Manakala kayu jati yang berstruktur paling halus dan bermutu tinggi pula digunakan dalam menghasilkan pintu-pintu istana. Dari segi bentuk bumbung pula, bentuk kubah adalah bentuk yang paling biasa dihasilkan kerana bentuk ini adalah bentuk yang paling kukuh dan sesuai disepadankan dengan penggunaan siling. Manakala kaedah yang banyak digunakan dalam menghasilkan pelbagai hiasan pada istana ini ialah dengan cara menampal dinding menggunakan simen atau plaster dan menghasilkan lukisan *fresco*. Selain itu, kaca berwarna juga banyak digunakan pada tingkap-tingkap dan pada ruang-ruang sempit sama ada ruang tersebut berbentuk segi empat sama atau sebagainya.[177]

C.9. Istana Batu Kapur

Cari gali yang dilakukan oleh kerajaan Iraq pada tahun 1936-1939M di Huwaisallat, di tebing Barat Tigris terhampiran terusan Ishaqi, telah mendedahkan sesuatu yang berkemungkinan adalah Istana Batu Kapur (*Qasr al-Jiss*) al-Mu'tashim. Binaannya (batu yang dibakar dan sejenis *terre pisse* ditemui kemudiannya di Utara Afrika) ialah seluas kira-kira 167 m persegi dan terdapat juga pagar yang berasingan dibina daripada batu lumpur dengan keluasan kira-kira 442 m persegi. Di andaikan terdapat empat buah pintu gerbang yang sama bentuknya di setiap bahagian tengah pagar. Di sinilah terletaknya istana Abu Muslim yang terkenal di Merv yang dihidupkan kembali secara sempurna dengan satu pusat yang hampir berbentuk kubah, kamar dan empat *iwan* yang mengarah ke kawasan ruang yang terbuka. Pagar luar tersebut adalah tempat pengiring-pengiring raja, pengawal-pengawal, hamba-hamba, seperti mana yang berlaku di kota bulatan Mesir. Barisan penyangga (penyokong) begitu hampir dengan dinding bahagian dalam pagar yang mana di antara satu sama lain dihubungkan oleh pintu-pintu gerbang. Binaan ini telah menjadi inisiatif kepada pembinaan anjung bata (*blind arcoding*) di bahagian luar dinding *Ukhaydir*.[178]

---

[177] *Op.Cit.,* Robert Hilenbrand,hlm. 406.
[178] *Op.Cit.,*John D. Hoag, hlm. 26.

C.10. Dar al-Imara Abu Muslim

Seperti yang diketahui, Kerajaan 'Abbasiyyah berasal darpada keturunan bapa Nabi (s.a.w.) iaitu al-'Abbas menyebabkan mereka merasa lebih berhak daripada Bani Umayyah untuk memegang tampuk kekhalifahan. Ide Persia tentang pendewaan golongan diraja juga telah diperkenalkan oleh pengikut Abu Muslim yang telah memberontak di Khurasan pada tahun 747M telah memperluaskan kekuasaan 'Abbasiyyah. Khalifah pertama 'Abbasiyyah ialah Abu al-Abbas yang dikenali sebagai *al-Saffah* (750-754M) menganggap kuasa di Kufah diperolehi dengan usaha setiausaha baginda yang terkenal iaitu Khalid Ibn Barmak (seorang Mua'allaf) iaitu anak kepada ketua rahib yang berkuasan turun-temurun di Biara Buddha yang terkenal di Balkh. Al-Saffah diganti oleh abangnya Abu Ja'far al-Mansur pada tahun (754-775M), yang mana tindakan pertamanya adalah mengumpan Abu Muslim ke istananya pada tahun 755M dan merancang untuk membunuhnya. Sebelum kematiannya, Abu Muslim telah membina *Dar al-Imara'* di Merv. Digambarkan ianya terdiri daripada ruang kubah 82 ½ kaki tinggi dengan 4 buah pintu yang menghala ke banyak *iwan* (setiap 90 *iwan* berukuran 45 kaki) yang membelok ke arah 4 petak *sahn*. Jejarian yang sama ukuran (*Symmetry*) mencerminkan beberapa istana 'Abbasiyyah di Samarra'.[179]

C.11. Makam Sulaybiyah

Makam Sulaybiyah merupakan makam yang dibina di atas sebuah bukit tebing Barat Sungai Tigris. Pada asalnya makam ini adalah makam Khalifah al-Muntasir sahaja iaitu khalifah 'Ababsiyyah yang ke 11 apabila ibu baginda yang berketurunan Greek mendapat keizinan untuk membina makam untuk baginda pada kurun ke-9M iaitu pada tahun 862M sebaik sahaja kemangkatan itu. Selain daripada Khalifah al-Muntasir, makam al-Sulaybiyyah ini juga terdiri daripada makam khalifah al-Mu'tazz dan Khalifah al-Muhtadi. Walau bagaimanapun makam Khalifah al-Muntasir merupakan makam monumen yang tertua dibina di sini dalam sejarah kesenian Islam.

Binaan makam al-Sulaybiyyah ini berupa batu yang terdiri daripada tanah liat dan kuarza. Melalui saki-baki runtuhan yang masih dapat dilihat pada malam hari ini, didapati bahawa makam ini berbentuk oktagon yang terdiri daripada bahagian luar dan dalam.

---

[179] *Op.Cit.*,Robert Hillenbrand, hlm. 408.

Manakala bahagian tengahnya berupa sebuah bilik segi empat sama berukuran 6.3 m persegi. Sumber reka bentuk makam ini diambil daripada model lakaran *Dome of the Rock* di Jerussalem dan model pancutan air di Khirbat al-Mafjar. Rekaan bentuk bagi satu permukaan dinding luar adalah bercirikan sebuah kubah.terdapat empat buah pintu masuk yang dibina dia tas paksi uatma yang menghala ke bahagian tengah bendul makam tersebut. Selain itu, terdapat juga ruang kecil berbentuk separuh buatan disetiap empat buah sudut bangunan yang lain. Sesungguhnya binaan makam ini adalah satu-satunya binaan yang menonjolkan ciri-ciri sebuah oktagen yang terdapat di Timur Tengah pada ketika itu.[180]

D. Bangunan Pendidikan

Bayt al-Hikmah yang merupakan pusat kegiatan ilmu pengetahuan yang terbesar di Baghdad. Bangunan ini dibina sewaktu zaman pemerintahan Khalifah Harun al-Rashid pada tahun 813M. Ia merupakan satu daripada seni bina Islam yang terkenal sebagai pusat ilmu dan pusat penterjemahan yang diwujudkan oleh Khalifah al-Ma'mun b. Harun al-Rashid (813-833M). Banyak buku filsafat sains telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab oleh institut tersebut yang telah memberi pengaruh yang besar terhadap pembangunan sains dan pemikiran Islam.

Universiti *Nizhamiyyah* diasaskan oleh Nizam al-Mulk di Baghdad yang ditubuhkan pada tahun 1065M oleh Khalifah al-Ma'mun merupakan pusat pengajian tinggi formal yang meliputi aspek-aspek sains, matematik, astronomi, geografi, perubatan dan sebagainya. Ini membolehkan rakyat berpeluang terlibat secara aktif dalam bidang pengajian tinggi. Bapanya, Khalifah Harun al-Rashid, telah pun mendirikan perpustakaan *Khizanat al-Hikmah*. Ini sudah pasti telah dijadikan pusat sumber kepada *bayt al-Hikmah*. Dan berdasarkan model perpustakaan ini jugalah *Dar al-Hikmah* di Mesir direka bentuk dan dirikan. *Dar al-Hikmah* dibina pada tahun 395H/1005M oleh Khalifah al-Hakim pada zaman pemerintahan kerajaan Fathimiyyah. *Dar al-Hikmah* yang didirikan di Kaherah, Mesir itu merupakan pusat sains yang sangat penting. Tujuan didirikannya ialah bagi menyimpan buku-buku rujukan dalam bidang sains di samping menjadi tempat pertemuan dan perbincangan pakar-pakar sains ketika itu.

---

[180] *Op.Cit.,* John D. Hoag, hlm. 29.

Mustansiriyah, madrasah yang didirikan pada 631H/123m di Baghdad, dilengkapi dengan empat *iwan* untuk melayani pengajaran empat mazhab fikih, madrasah *mustansiriyah* adalah sauatu pengecualian dari tiga puluh madrasah di Baghdad. Semuanya, kecuali dua *basyriyah* dan *mustansiriyah* hanya mengajarkan satu mazhab. Pengajaran berlangsung dalam *iwan*, dan terletak di sepanjang dinding yang terdekat.[181]

Gambar 4.10: Madrasah Mustansiriyah

Sumber: Henri Stierlin 2002: 220.

Sewaktu pemerintahan Khalifah al-Ma'mun, beliau telah mengarahkan untuk membina sebuah pusat astronomi yang digunakan untuk mengawasi pergerakan bintang. Pusat astronomi ini telah didirikan di Shamsiyah terletak berhampiran kota Baghdad. Ini bertujuan untuk mempekembangkan bidang astronomi atau ilmu kaji bintang. Melalui pusat astronomi ini ahli-ahli geografi Islam telah berjaya menentukan bahawa dunia ini bulat

---

[181] *Op.Cit.*, Taufik Abdullah, hlm. 318.

yang mengandungi 360 darjah dan setiap darjah jaraknya 63 batu. Dari sini juga penentuan arah kiblat dilakukan.

Kewujudan akademi astonomi ini telah memberi sumbangan yang besar kepada tamadun dunia, amnya dan tamaddun Islam dan kerajaan 'Abbasiyyah khususnya. Dengan adanya kemudahan ini telah menggalakkan ahil geografi dalam melakukan lebih banyak kajian dan pengajian sehingga melahirkan tokoh-tokoh seperti Ibrahim al-Fazari yang telah berjaya mencipta astrolab yang digunakan oleh ahli pelayaran sehingga sekarang. Manakala Abu al-Hasan telah berjaya mencipta kompas yang memberi sumbangan besar kepada orang Itali dalam pelayaran dan astronomi.

Dalam perkembangan yang sama, Sultan Malik Shah telah membina balai Cerap. Ini menambahkan lagi seni bina Islam yang terapat pada zaman Kerajaan 'Abbasiyyah. Balai Cerap ini telah digunakan oleh ahli-ahli astronomi untuk mengadakan persidangan. Malahan Sultan Malik Shah telah mengarahkan golongan bijak pandai memperbaharui kelendar Persia dan menghasilkan kalendar '*Talali*" yang dianggap lebih tepat di Balai Cerap tersebut.[182]

E. Bangunan Hospital

Pembinaan bangunan hospital pada zaman 'Abbasi berututjuan memberi latihan ilmu kedoktoran dan rawatan pesakit. Dengan adanya hospital ini telah melahirkan beberapa doktor pakar yang telah menemukan beberapa jenis penyakit termasuk penyakit mata. Hospital yang paling terkenal pada zaman ini ialah Hospital *al-Bimaristan* yang dibina oleh 'Add al-Dawlah pada zaman kekuasaan banu Buwayhi dalam pemerintahan kerajaan 'Abbasiyyah (945M-1055M). Bangunan ini dibina di bandar Shiraz yang memberi kemudahan perubatan kepada rakyat jelata. Doktor yang paling terkenal pada zaman tersebut ialah Ibn 'Abbas al-Majusi.

Dengan adanya bangunan yang bercirikan seni bina Islam di zaman 'Abbasi ramai cerdik pandai dari Perancis telah berkunjung ke Baghdad. Ini ditambah dengan sokongan daripada tampuk pemerintahan 'Abbasiyyah seperti Khalifah Harun dan Khalifah al-Ma'mun yang menjalinnkan hubungan baik dengan negara-negara luar. Keadaan ini

---

[182]Mahayuddin Yahya, 1998, *Tamaddun Islam*, Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd, hlm. 444.

membolehkan lahirnya ramai sarjana yang bergiat aktif dalam bidang penyelidikan ilmu pengetahuan dan penterjemahan buku dari seluruh pelosok dunia. Ia juga telah membolehkan buku-buku seperti sejarah, sastera, kaji bintang, matematik, kedoktoran yang asalnya berbahasa Greek, India dan Persia diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Contohnya seperti Ibrahim al-Farazi dalam bidang astronomi, Sindind, Euclid dalam bidang geometri, Ptolemi dalam budang Al-Gebra, manakala Khalifah Abu Ja'far dalam bidang matematik dan sains.[183]

F. Pengaruh Kerajaan Luar terhadap Seni Bina 'Abbasi

Seni bina di zaman 'Abbasi ini dilihat lebih terkesan oleh gaya atau *style* seni bina Persia. Sebagai bukti pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, sebuuah istana yang dikenali sebagai *al-Zahab* telah dibina di Baghdad dengan meniru reka bentuk dan seni lukir yang mempunyai pengaruh dari Persia.[184]

Bangsa Persia sebelum Islam adalah satu bangsa yang mempunyai kebudayaan tinggi dan tertua. Apabila hendak dibandingkan bangsa Arab dengan bangsa Persia dalam segi kebudayaannya dengan mencuba membangkitkan kembali sejarah kebudayaan Arab sebelum Islam, maka perbezaan kebudayaan antara kedua bangsa ini ialah sebagai perbezaan ketandusan padang pasir Najd dengan kesuburan lembah Euphrates dan Tigris. Kesenian Persia dapat dilihat pada seni bina yang materialnya daripada batu. Di daerah pergunungan Persia yang terdiri dari bukit-bukit batu yang gersang menghasilkan marmar, basalt, dan granit. Di sana juga dijumpai padang luas yang mengandungi tanah lampung sebagai bahan untuk batu-bata dan seramik.

Orang-orang Persia terkenal dengan keahliannya dalam menggunakan batu mentah dan batu bakar untuk bangunan-bangunan.batu-bata disusun dengan cara yangt teratur sehingga menimbulkan kesan sebagai anyaman dan bentuk-bentuk geometri lainnya. Salah satu model seni bina masjid yang umum di Persia ialah dengan sebuah *sahn* di tengah serta di sisi bangunan terdapat sayap atau bahagian yang menjolok keluar yang disebut sebagai *iwan*. *Iwan-iwan* ini dihubungkan oleh serambi di sekeliling *sahn* kubahnya seperti bentuk

[183] *Ibid.*, hlm. 445

[184] Kuhnel Ernst, 1966, *Islamic Art and Architecture*, London: G. Bell and Sons Ltd, hlm.56.

bawang, bentuk mana mengingatkan kita topi prajurit Persia dahulunya, menara azan dibuat sepasang dengan bentuk silinder.[185]

Seni bina Persia melahirkan suatu gaya atau *style* lengkung yang tersendiri, berbeza dari bentuk-bentuk yang sudah lazim dijumpai sebelumnya, iaitu lengkung yang merupakan bentuk lunas kapal yang terbalik. Bentuk yang seperti ini dalam istilah seni bina biasa disebut lengkung tunas atau dengan nama lain '*Persian Arch*' lengkung Persia. Ahli-ahli seni bina Persia biasanyaa lebih menggemari untuk melapisi bangunan dengan *stucco*, glasir atau jubin yang berbagai-bagai hiasan. Di Persia dinding rumah langsung dilukis dengan mozek atau *fresco* kerana cara ini dianggap lebih praktis dan tidak banyak memakan tempat atau mengganggu pada ruangan lain.

Pada hakikatnya, lukisan pada dinding secara langsung itu sudah lama digunakan. Bangsa Mesir Purba, bangsa Romawi, demikian juga pada masa Achaemenid dan Sasanid di Persia sendiri telah menggunakan cara penghiasan yang demikian. Di seluruh negeri Persia terdapat puluhan ribu masjid yang didirikan dari berbagai masa, diantaranya banyak pula yang indah-indah melambangkan ketinggian seni bina Persia. Oleh yang demikian, walaupun seni bina 'Abbasiyyah mempunyai pengaruh Persia, namun seni bina Islam tetap terserlah melalui nilai-nilai estetika pada bangunan dan ukiran apabila ayat-ayat al-Quran dan al-hadith dapat dijadikan sebagai hiasan utama.[186]

G. Keberlanjutan Seni Bina 'Abbasi ke Zaman Seterusnya

Zaman kerajaan 'Abbasiyyah merupakan masa perkembangan seni bina Islam. Bebagai-bagai dinasti dengan gaya dan corak masing-masing telah melahirkan karya-karya masing-masing yang memberangsangkan. Pusat perkembangan budaya seperti Kaherah, Dimashq, Baghdad, dan Madinah sendiripun hanya mampu bertahan dan bergerak diperingkat tempatan sahaja. Untuk perkembangan selanjutnya pusat kebudayaan telah mula berpindah ke tempat yang lebih dekat dengan perkembangan kebudayaan Barat seperti Istanbul, sehingga Istanbul mampu menjadi pusat pemerintahan 'Uthmaniyyah. Dari perkembangan itu, dan di sekitar abad ke 16M, kerajaan 'Uthmaniyyah telah mencapai

[185] Israr C, 1972, *Sejarah Kesenian Islam*, Jil. 2, Jakarta: Bulan Bintang, hlm. 81.
[186] *Ibid.*, hlm.82.

puncak kejayaan mereka yang sekaligus memperlihatkan kekuasaan para pemerintahan negeri Islam.

Seni bina gaya 'Uthmaniyyah bermula daripada bentuk-bentuk gaya Seljuq yang kemudiannya disempurnakan sesuai dengan gabungan dengan pengalaman-pengalaman yang tersentuh oleh pengaruh Byzantine. Dalam perkembangan mutakhir yang merupakan proses penyempurnaan bentuk, masjidnya masih sama dengan masid-masjid yang terdahulu. Antaranya, penonjolan dalam corak masjid lapangan, masjid madrasah, dan masjid kubah. Di dapati masjid kubah diberi perhatian khusus. Hal ini terjadi mungkin kerana ada diantara ahli-ahli seni bina 'Uthmaniyyah yang menaruh minat yang mendalam pada gaya Byzantine.[187]

Perkembangan seterusnya wujudlah masjid-masjid yang didirikan khusus untuk kepentingan Sultan. Contohnya masjid Sultan Salim yang dibangunkan sekitar abad ke-15M pada saat seni bina Islam corak 'Uthmaniyyah telah memperolehi identitinya sendiri. Pada umumnya menara masjid ini berbentuk ramping, menjulang ke atas, memakai kubah utama sebagai penutup ruang tengah yang dihubungkan pula dengan kubah-kubah lain yang lebih kecil bagi menutupi bahagian lain bangunan.

Suatu hal yang dikira baharu dalam seni bina Islam gaya 'Uthmaniyyah ini, ialah munculnya perancangan bangunan oleh seorang ahli seni bina yang khusus mempelajari bidang seni bina. Sinan (1490-1588M) seorang ahli seni bina yang mempelajari seni bina di Yunan telah berjaya menghasilkan berbagai-bagai bentuk bangunan sebagai hasil karnya. Di antaranya termasuklah masjid Sultan Sulayman I di Istanbul. Di sekeliling masjid ini didirikan bangunan-bangunan sekolah, universiti, perpustakaan, hospital, tempat pemandian awam, dapur dan kedai-kedai. Sinan Pasha berjaya menghasilkan satu hubungan yang harmoni dan simbolik antara masjid sebagai lambang kebesaran dan kemegahan kekuasaan seseorang Sultan dengan keagungan masjid sebagai keperluan agama.[188]

Sultan Salim, Sultan Agung dan Sultan Sulayman I adalah antara pemerintah yang berupaya menyumbangkan bangunan melalui kekuasaan dan dedikasi masing-masing. Sumbangan itu berupa bangunan-bangunan bercorak keagamaan dan bangunan tuntutan kemasyarakatan yang lain. Zaman Sultan Sulayman I (1520-1566M) telah mencapai

---

[187] *Op.Cit.,* John D.Hoag, hlm. 41.
[188] *Op.Cit.,*Robert Hillenbrand, hlm. 264.

kemuncak pemerintahan 'Uthmaniyyah dari segi politik dan ekonomi, juga dalam bidang seni terutamanya seni bina. Malahan zaman ini dianggap sebagai *Golden Age* dalam kedua-dua bidang tersebut.

Walau bagaimanapun seperti yang dikatakan oleh Drs. Abdul Rachym, kegemilangan kerajaan 'Uthmaniyyah dengan karya seni bina mereka yang hebat itu merupakan perkembangan yang terakhir yang merupakan sumbangan berdasarkan itu merupakan perkembangan yang terakhir yang merupakan sumbangan berdasarkan pengalaman-pengalaman para Sultan pewaris pemerintahan. Kemudian dari itu ternyatalah kemunduran ini sebenarnya mengarah kepada masa kehancuran dinasti 'Uthmaniyyah. Banyak faktor penyebab yang menjadi latar belakang, antara lain dikatakan kelalaian para Sultan yang memerintah. Mereka tidak lagi berupaya menunjukkan kecekapan dalam mengendalikan pemerintahan masing-masing. Akibatnya daerah masing-masing yang luas itu tidak dapat dikendalikan dengan sewajarnya.[189]

Pengasingan antara golongan yang berbeza fahaman juga telah dengan sendirinya melemahkan kekuasaan Islam. Pertikaian telah mula timbul di kalangan daerah yang dibawah takluknya. Antara lain kebangkitan semula Persia dan pembebasan diri Sepanyol dari kaum Moor. Detik yang penting dan kritikal ini telah diambil peluang oleh kuasa Barat untuk meluaskan sistem kolonialisme mereka. Kuasa-kuasa seperti Rusia, Inggeris, Perancis dan Austria telah membina kekuatan masing-masing dan mula mengembangkan pengaruh ke daerah-daerah jajahan 'Uthmaniyyah Turki ini yang akhirnya dinasti kesultanan ini telah dihapuskan oleh Mustafa Kamal Atarturk. Keadaan seumpama ini tentu sahaja tidak mengizinkan lahirnya karya-karya seni bina Islam yang baru, malahan bangunan masjid yang dianggap sbagai tunggak kepada seni bina Islam hanya tinggal karya lama sahaja, sebagai monumen seni bina Islam. Ketandusan ini sekaligus menutup zaman kemegahan kesultanan memerintah yang biasanya mengungkapkan kekuasaan dan kegemahan mereka dalam bentuk bangunan-bangunan yang berciri Islam[190].

---

[189] Abdul Rachym, 1983, *Sejarah Arsitektur Islam*, Bandung: Angkasa, hlm. 141.
[190] *Ibid.*, hlm.142.

H. Kesimpulan

Demikianlah huraian dalam bab ini, yang berkisar di antara perkembangan seni bina di zaman Kerajaan "'Abbasiyyah. Pokok huraian utama mengenai perkembangan ini adalah bermula dari seni bina masjid serta kelengkapan-kelengkapannya yang kemudian menjadi unsur yang mendorongnya ke arah kesempurnaan bentuk masjid tersebut. Pada period ini ilmu seni bina yang dimiliki oleh umat Islam diperolehi daripada bangsa Persia, dengan kepandaian yang mereka miliki itulah, mereka membangun kota-kota besar, istana-istana yang indah,masjid-masjid dan sebagainya. Sebagai kelengkapan seni bina Islam, bangunan-bangunan seperti istana juga merupakan contoh awal perkembangan dari period ini. Walaupun tidak begitu banyak yang dapat dibicarakan mengingat peninggalan yang tidak begitu banyak jumlahnya. Bahan-bahan yang merupakan warisan sejarah dari bangunan-bangunan non masjid ini kebanyakan telah menjadi runtuhan, sehingga ukuran penelaahnya hanyalah berupa penilaian dari cerita dan hikayat berserta cara ilmu-ilmu kepurbakalaan, ditambah dengan cara membandingkannya dengan barang-barang pakai yang masih ada dan begitu juga dengan masjid. Akan tetapi dalam waktu-waktu kemudiannya di mana seni bina 'Abbasi berperanan dan berkembang ke saat selanjutnya yang mengalami kelengkapan dan penyempurnaan hingga sampai pada titik kejayaannya.

DAFTAR RUJUKAN

Abdul Rochym (Drs.), 1983, *Sejarah Arsitektur Islam Sebuah Tinjauan*, Penerbit Angkasa Bandung, 1983.

Abdul Gani Samsudin, Ishak Sulaiman & Engku Ibrahim Ismail, 2001, *Seni Dalam Islam,* Petaling Jaya: Intel Multimedia And Publication,

Abu Bakr Jabair al-Jazairi. (Terj. Rasul Dahri). 1999, *Penjelasan tentang haramnya muzik dan lagu*. Kuala Lumpur: Iwc.Sdn.Bhd.

Al-Raziy, Muhammad ibn Abi Bakr ibn 'Abd al-Qadir, 1392H/1972M, *Mukhtaral-Sihah*, Dar alFikr / Dar al-Qur'an, Beirut.

Al-Azhariy, Abu Mansur Muhammad ibn Ahmad, 2001, *Mu'jam Tahdhib al-Lughah*, j.3, Dar al-Ma'rifah, Beirut.

Al-Kholiy, al-Bahiy, 1326H, *Tadhkirat al-Du'ah*, Matba'ah al-I timad, Kaherah.

Al-Fayruzabadiy, Majd al-Din Muhammad ibn Ya'qub, 1415H/1994M, *al-Oamus al-Muhit,* Mu'assasah al-Risalah. Beirut.

Al-Baalbakiy, Munir, *2006, al-Mawrid A Modern English-Arabic Dictionary,* Dar al'ilm li al-Malayin, Beirut.

Al-Mawsu'ah al-'Arabiyyah al-'Alamiyyah, 1999, *Mu'assasah A'mal al-Mawsu'ah li al-Nasyr wa al-Tawz i',* Riyadh, Arab Saudi.

Al-Qaradawiy (Prof. Dr.), 1996, *al-Islam wa al-Fann*, Maktabah Wahbah, Kaherah.

Al-Qaradawiy (Prof. Dr.), 2005, *Fiqh al-Lahw wa al-Tarw,* Maktabah Wahbah, Kaherah.

Al-Qaradawiy (Prof. Dr.), 1993, *Malamil al-Mujtama'al-Muslim alladhi Nansyuduh*, Maktabah Wahbah, Kaherah.

Al-Raziy, Muhammad ibn Abi Bakr ibn 'Abd al-Qadir, 1392H/1972M, *Mukhh,r al-S'ihah*, Dar al-Fikr / Dar al-Qur'an, Beirut.

Al-Rifa'iy, Anwar, *Tarikh al-Fann 'ind al-'Arab*, Dar al-Fikr, t.tp.

Al-Sisiy, 'Abbas Hasan, al-Dhawq Sult,k al-Ruh, Dar al-Qabas ii ai-Nasyr wa al-Tawzi', Iskandariah, Mesir, t.th.

Awang Abdul Aziz Juned, 2001, *Islam dan Muzik*. Kuala Lumpur:MR Print Sdn.Bhd.

Creswell K.A.C, 1968, *A Short Account of Early Muslim Architecture,* Lebanon: Librairie Du Liban.

Erythraspis J.I, 1983, *Arab Art,* London: Al Saqi Books.

Ernst Grube J, 1966, *The World of Islam,* London: Paul Hamlyn.

Farid Wajdi, *Da'irah Ma'arff al-Qarn al-'Isyrin,* Dar al-Fikr, Beirut, t.th. j.7,

Ghazali Darussalam, 2001, *Sumbangan Sarjana Dalam Tamadun Islam,* Kuala Lumpur: Utusan Publication 7 Distribution Sdn Bhd,

Haji Mohd Nakhaie Haji Ahmad (Ketua Pengarang Kumpulan), 1998, *Ensiklopedia Islam*, Malaysian Encyclopedia Research Center Berhad.

Hans Wehr, *A Dictionary of Modern Written Arabic,* Librairie du Liban, Beirut, 1974.

Hamidah Abdullah, 1995, *Pengantar Estetik,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,

Hasjmy, A, 1975, *Sejarah Kebudayaan Islam,* Jakarta: Bulan Bintang,

Henry Stierlin, 2002, *Early Architecture from the 7th to the 13th Century,* London: Taschen.

Ismail Raji' Al-Faruqi, 1999, *Seni Tauhid,* Yogyakarta: Yayasan Bentang Budaya,

Israr C, 1972, *Sejarah Kesenian Islam,* Jil. 2, Jakarta: Bulan Bintang.

Ibn Khaldun, 1984, *al-Muqaddimah*, Dar al-Qalam, Beirut.

Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad ibn Mukarram al-Ansariy, *Lisan al- 'Arab*, Dar al-Ma'arif, Kaherah, t.th., j. 5,

John D.Hoag, 2004, *Islamic Architecture,* Milano: Alecta Architecture.

Dewan Penyusun, 1992, *Kamus Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

Kuhnel Ernst, 1966, *Islamic Art and Architecture,* London: G. Bell and Sons Ltd.

Mahayuddin Yahaya, 1998, *Tamaddun Islam,* Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.

Manzoor Ahmad Hanifi, 1969, *a Survey of Muslim Institutions and Culture*, Lahore: Sh Mohammad Ashraf

Oemar Amin Hoesin, 1964, *Kultur Islam,* Jakarta: Bulan Bintang,

Oleg Grabar, 1973., *The Information of Islamic Art.* New Haven and London: Yale University Press.

Osman Bakar, 1995, *Memahami konsep manifestasi Islam dalam kesenian, dalam Kesenian Islam Suatu Perspektif Malaysia.* Balai Seni Kuala Lumpur.

Othman Mohd Yamin, 1989, *Warisan Kesenian Dalam Tamadun Islam,* Kulala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,

Robert Hillenbrand, 1994, *Islamic Architecture*, Edinburg: University Press.

Spahic Omar, 2006, *The Origins and Significance of Funerary Architecture Islamic Civilization,* Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.

Sulaiman Ibrahim, 1998, *Kebudayaan Barat, Moden dan Islam*, Monograf Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI, UKM,

Syalabiy, Ra'of (Prof. Dr.), 1974, *al-Da 'wah al-Islamiyyah f, 'Ahdiha al-Makkiy*, al-Hay'ah al-'Ammah li Syu'on al-Matabi' al-Amiriyyah, Kaherah,

Sidi Gazalba, 1977, *Pandangan Islam Tentang Kesenian,* Kuala Lumpur: Pustaka Antara

Sirajuddin, A.R., 1985. *Seni Kaligrafi Islam,* Jakarta: Pustaka Panjimas.

William Thomson Wortabet,1968, *Wortabet's Arabic - English Dictionary Librairie du Liban,* Beirut, hlm.508.

Yasin Muhammad Hasan, 1990, *al-Islam wa Qadaya al-Fann al-Mu'asir*, Dar al-Albab, Beirut, dinukil daripada Salman Al-Farisi.

Biodata Penulis

Prof. DR. H. Saifullah SA, M.A., (di Malaysia secara resmi dikenal dengan DR. Hj. Saifullah Mohd Sawi MA), lahir di Payakumbuh, 24 Maret 1950, dari ayah Mohd Sawi dan Khairani. Berturut-turut mengenyam pendidikan: SR di Kubang, Payakumbuh (1963), PGAP Negeri 4 Tahun di Bukittinggi (1966), PGAA Negeri 6 tahun di Padang (1968), Fakultas Syari'ah IAIN Sunan Kalijaga Yogyakarta (S.1/Doktorandus)(1975), Program Pascasarjana IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta (S.2/Magister tahun 1988) dan (S.3/Doktor tahun 1994).

Dr. Febri Yulika S.Ag, M.Hum, kelahiran Padang tanggal 2 Februari 1974, putera Kasmidi dan Dahliar (keduanya sudah almarhum). Riwayat pendidikan : SD Negeri nomor 51 Padang (1986), Madrasah Tsanawiyah Negeri Padang (1989), Madrasah Aliyah Negeri Padang Panjang (1972), Fakultas Ushuluddin jurusan Aqidah dan sFilsafat IAIN Walisongo Semarang di Surakarta (1997), Studi Ilmu Filsafat (S.2) Program Pascasarjana Universitas Gajah Mada Yogyakarta (2001), dan Studi Filsafat (S.3) Program Pascasarjana Universitas Gajah Mada Yogyakarta (2011).

Buku yang ada di hadapan pembaca ini, merupakan buku pertama dari dua serangkai (siri) tentang Kesenian Islam. Buku Pertama yang bertajuk *Sejarah Perkembangan Seni dan Kesenian dalam Islam* berbicara tentang prinsip-prinsip utama tentang Seni dan Kesenian, Pandangan Islam tentang Seni, dan Sejarah Perkembangan Seni Islam dalam beberapa episode Sejarah, serta tinjauan khusus Seni Bina pada Era Abbasiyah.

Biodata Penulis

Prof. DR. H. Saifullah SA, M.A. (di Malaysia secara resmi dikenal dengan DR.Hj. Saifullah Mohd Sawi, M.A.), lahir di Payakumbuh, 24 Maret 1950, dari ayah Mohd Sawi dan Khairani. Berturut-turut mengenyam pendidikan: SR di Kubang, Payakumbuh (1963), PGAP Negeri 4 Tahun di Bukittinggi (1966), PGAA Negeri 6 tahun di Padang (1968), Fakultas Syari'ah IAIN Sunan Kalijaga Yogyakarta (S.1/Doktorandus tahun 1975), Program Pascasarjana IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta (S.2/Magister tahun 1988) dan (S.3/Doktor tahun 1994.

Dr. Febri Yulika S.Ag, M.Hum, kelahiran Padang tanggal 2 Februari 1974, putera Kasmidi dan Dahliar (keduanya sudah almarhum). Riwayat pendidikan: SD Negeri nomor 51 Padang (1986), Madrasah Tsanawiyah Negeri Padang (1989), Madrasah Aliyah Negeri Padang Panjang (1972), Fakultas Ushuluddin jurusan Aqidah dan Filsafat IAIN Walisongo Semarang di Surakarta (1997), Studi Ilmu Filsafat (S.2) Program Pascasarjana Universitas Gajah Mada Yogyakarta (2001), dan Studi Filsafat (S.3) Program Pascasarjana Universitas Gajah Mada Yogyakarta (2011).

Jln. Bundo Kanduang No. 35 RT/RW VII,
Kelurahan Guguk Malintang,
Padangpanjang Timur 27128
Sumatera Barat, (0752) 82077